

**31 JULAI 2019 (RABU)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 31 JULAI 2019 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

**31 JULAI 2019 (RABU)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## 31 JULAI 2019 (RABU)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

## **31 JULAI 2019 (RABU)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad  
Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

\

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor yang Keempat belas pada 31 Julai 2019 dimulakan dengan bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, membentangkan kertas-kertas mesyuarat. Kertas Mesyuarat bilangan 18 tahun 2019. Maklumbalas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Penyelarasan Pendapatan Garis Kemiskinan. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Selamat Pagi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya menjemput Yang Berhormat Jeram

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PENCAWANG TELCO**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah pencawang telco dapat dibina di kawasan kampung tradisi?

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Jeram. Yang Berhormat Jeram bertanyakan berhubung dengan pencawang ataupun pemancar telco. Telekomunikasi sama ada dapat dibina di kawasan kampung tradisi. Pembinaan pencawang ataupun pemancar telekomunikasi di kawasan kampung tradisi pada masa ini bergantung pada syarikat telekomunikasi yang sedia ada. Syarikat telekomunikasi akan memasang pencawang ataupun pemancar sekiranya terdapat permintaan dan memenuhi modal perniagaan mereka. Pihak Smart Sel sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri ditubuhkan untuk menyediakan infra digital boleh membantu bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk memasang pemancar ini sekiranya ada permohonan dan permintaan dari pihak-pihak yang berkaitan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing, silakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih. Adakah Kerajaan akan membuat kiraan berapa kampung yang masih tidak ada *coverage telco* ini dan akan

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

membuat usaha untuk memastikan 100% Negeri Selangor ada coverage yang kini. Jangan sahaja membiarkan kepada syarikat telekomunikasi membuat keputusan berdasarkan *profitability* mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Sememangnya itu menjadi tujuan dan matlamat juga matlamat kepada penubuhan Smartsel Sdn. Bhd. ini kerana didapati bahawa syarikat-syarikat telekomunikasi ini lebih mengutamakan pelan perniagaan mereka dalam melaksanakan pembinaan pemancar telekomunikasi ini kerana sesuai dengan penubuhan mereka walaupun ada juga usaha-usaha daripada pihak telekomunikasi ini untuk melaksanakan terutama Telekom Malaysia, dalam melaksanakan mewujudkan *connectivity* atau kesinambungan dari segi pemancar ini di kawasan-kawasan yang tidak begitu ekonomikal dipanggil kerana pulangan kepada mereka adalah agak lambat. Ini menyebabkan kos pembinaan kos modal ataupun pembiayaan modal yang tinggi menyebabkan mereka agak lambat dalam melaksanakannya. Dengan itu kita meminta bantuan ataupun kerjasama daripada Smartsel untuk menampung akan masalah ini dan memang Smartsel dengan dalam inisiatif Smart Selangor ini memang sedang laksanakan projek-projek pembinaan pemancar ini bagi membantu memperkukuhkan *connectivity* ini di tempat-tempat yang di luar daripada bandar daripada tempat utama di kawasan-kawasan bandar dan sekarang ini pun dalam pembinaan di Kuala Selangor ada sedang dibina dan Shah Alam sudah siap, di Kuala Selangor sedang dibina. Ini tujuannya memperkukuhkan *connectivity* ataupun dari segi internet ataupun *broadband* ini. Ini sedang dilaksanakan dan kita memang merancang di bawah Smart Selangor sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini memang mempunyai perancangan untuk menghubungkan keutamaan mula kita, menghubungkan pusat-pusat pentadbiran kita di seluruh Negeri Selangor. Dan ini kita jangka dalam dapat disiapkan dalam masa tiga tahun dan proses itu adalah berperingkat-peringkat, dan kita akan jadikan usaha ini di bawah SWAN ini untuk juga membangunkan koridor di kawasan-kawasan yang kita akan sambung nanti di seluruh Negeri Selangor ini. Ini adalah usaha yang sedang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang, tak hadir.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Boleh ke Tuan Speaker mulakan peraturan tetap 24 (2).

**TUAN SPEAKER :** 24, nak bawa soalan Sg. Panjang. Silakan.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN (N03 SUNGAI PANJANG)**

#### **TAJUK : PELABURAN ANTARABANGSA KE SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan dalam membawa masuk pelabur antarabangsa ke Selangor?



## 31 JULAI 2019 (RABU)

- b) Berapa nilai pelaburan antarabangsa yang telah berjaya dibawa masuk ke Negeri Selangor sejak Mei 2018?
- c) Berapa jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi usaha-usaha membawa masuk pelabur antarabangsa?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, usaha menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah usaha yang dilaksanakan secara berterusan. Bagi menarik lebih banyak pelaburan di Kerajaan melalui agensi pergerakan pelaburan iaitu Invest Selangor telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi antara lainnya ialah strategi dan masa panjang melaksanakan perancangan pelan perancangan strategi sektor perindustrian yang telah diterbitkan jua merangka dan memaju hala tuju pembangunan perindustrian melalui Majlis Mesyuarat yang ditubuhkan seperti Selangor Information Technology and E-Commerce Council, Selangor Halal Council, Selangor Aerospace Council, Selangor Biotech Council. Ketiga, meningkat usaha promosi di luar negara seperti program misi penggalakan pelaburan ke luar negara, sekurang-kurangnya empat kali setahun ke negara-negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti. Empat, penganjuran EXPO dan forum bertaraf antarabangsa. Bagi jangka masa pendek, strategi yang digunakan adalah:

- 1) Penjenamaan dan mempermosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau eletronik.
- 2) Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan dan komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan pada pelabur.
- 3) Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui mesyuarat penyelarasan projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh EXCO.

Bagi tempoh April 2018 sehingga Mac 2019 sebanyak 281 projek perkilangan telah diluluskan oleh MAIDA Delegate Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM19.656 bilion. Daripada jumlah ini sebanyak 43% adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak 57% daripada pelaburan asing. Jumlah kos yang telah digunakan oelh Invest Selangor sepanjang usaha mencari pelabur bagi tempoh Januari hingga Disember 2018 adalah sebanyak RM20.592 juta dan kos yang dibelanjakan bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak RM7.109 juta yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- 1) Promosi Selangor International Desa Summit 2019.
- 2) Program pembangunan dan latihan usahawan-usahawan secara online dan lain-lain yang berkaitan.
- 3) Misi promosi pelaburan ke luar negara dan juga penglibatan dalam pameran tempatan dan luar negara.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

- 4) Libat terus atau engagement dengan pelabur sedia ada menerusi program dialog, lawatan kilang, penyelesaian masalah dan lain-lain yang berkaitan.
- 5) Penerbitan bahan-bahan promosi pengiklanan, penerbitan artikel, Invest Guide Book dan lain-lain bahan promosi.

Dari segi peratus perbelanjaan berbanding dengan nilai pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2018 Invest Selangor hanya membelanjakan sebanyak 0.1% bagi menarik pelaburan berjumlah RM18.947 billion, manakala bagi tahun 2019 sebanyak 0.4% kos yang dibelanjakan bagi menarik pelaburan berjumlah RM1.522 billion.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO. Tahniah di atas inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Pertanyaan saya, bolehkah kami mendapatkan maklumat apakah hasil yang terkini daripada pelaburan dalam dan luar negara, merujuk kepada kelulusan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam bajet yang lepas setakat ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sila ulas, saya tak pasti soalan Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Dalam bajet yang lepas kita telah memberikan telah Kerajaan Negeri telah memaklumkan beberapa kelulusan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pelabur-pelabur daripada dalam dan luar negara. Status sehingga kini yang berjaya telah dibangunkan di Negeri Selangor, berapa banyak pelabur-pelabur yang benar-benar telah membangunkan di Negeri Selangor ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, bagi menjawab Yang Berhormat Sijangkang. Sebenarnya pelaburan daripada luar dan dalam negara, kelulusan adalah diberikan oleh MAIDA di peringkat persekutuan, Kerajaan Negeri tidak berkuasa untuk memberi apa-apa kelulusan. Cuma apabila kelulusan itu diberikan, maka menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kita dapat memudahkan usaha-usaha mereka untuk memohon kelulusan bagi pembinaan kilang. Itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor dan juga dalam proses itu, apabila ada masalah-masalah ataupun isu-isu berbangkit, maka kita akan mencari penyelesaian melalui mesyuarat bulanan seperti yang saya sebutkan tadi.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih pada Yang Berhormat Tuan Speaker. Boleh tak kami tahu negara-negara manakah yang paling banyak melabur di Negeri Selangor sama ada di Eropah ataupun daripada Asia Barat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya Tuan Speaker, bagi tahun 2018 negara yang paling banyak melabur di Negeri Selangor adalah :

## 31 JULAI 2019 (RABU)

- 1) Negeri China, bagi tahun 2018 jumlah pelaburan adalah RM3.9 billion.
- 2) British Virgin Island, jumlahnya RM2.7 billion.
- 3) Hong Kong, RM945 juta.
- 4) Panama, RM891 juta
- 5) Singapura, RM626 juta.
- 6) Jepun, RM436 juta.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang, soalan seterusnya.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 12.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI (N51 SIJANGKANG)**

#### **TAJUK : PELAN HALATUJU STRATEGIK DESA NEGERI SELANGOR 2035**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif yang telah dimulakan bagi mencapai matlamat yang disasarkan?

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Speaker, terima kasih Sijangkang. Untuk makluman semua Yang Berhormat, soalan yang dinyatakan adalah bagaimanakah, apakah inisiatif yang akan dicapai dalam sasaran Program Strategik Desa dari Kerajaan Negeri Selangor melalui PlanMalaysia ataupun Selangor. PlanMalaysia@Selangor ataupun dulu dikenali sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menghasilkan dokumen pelan halatuju desa Negeri Selangor 2035. Yang mana matlamatnya adalah untuk memasyarakat ataupun untuk memberdayakan masyarakat desa di Negeri Selangor ke arah mencapai Global Village dengan izin menjelang 2035. Jadi yang ditanya tentang inisiatif awal, yang paling awal kita lakukan setelah lengkapnya buku itu, kita fokuskan pula bagaimanakah pelan tindakan penstrukturan semula kampung dalam negeri. Mana dalam bandar, minta maaf Negeri Selangor. Maksudnya bila kita dah dapat keseluruhannya Negeri Selangor punya perancangan, kita fokus pula kepada perancangan dalam kampung dalam bandar. Sebab yang paling terkesan adalah bila pembangunan berlaku di Negeri Selangor ini, kampung dalam bandar terdahulu yang lebih terkesan dalam konteks pembangunan dan bagaimana susun atur dan segalanya perlu dibuat semula. Dari dengan itu, dokumen perancangan terperinci pada agensi-agensinya pelaksana bagi melaksanakan cadangan dan pembangunan dan projek telah pun dibuat kepada 27 kampung dalam bandar iaitu 14 kampung di daerah Klang, 4 kampung di daerah Petaling, 3 kampung di daerah Gombak, 1 kampung di daerah Hulu Selangor, 2 kampung di daerah Kuala Selangor, 2 kampung di Kuala Langat dan 1 kampung di Hulu Langat. Dari selain pada itu, inisiatif yang dicadangkan di dalam pelan perancangan strategik ini, dia mengandungi sebenarnya polisi cadangan dan tindakan jangka pendek yang kita panggil *quick win* dengan izin. Yang keduanya, perancangan

### 31 JULAI 2019 (RABU)

dalam konteks sederhana bagaimana ianya boleh dicapai dan akhirnya dalam jangka panjang, ada sehingga berakhir 2035 nanti. Tetapi apa yang ingin saya nyatakan di sini Yang Berhormat ya, pelan strategik ini telah mengenal pasti ya tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kelestarian pembangunan kampung-kampung di negeri Selangor. Maksudnya di bawah plan Malaysia ini kita telah membuat pelan perancangan tetapi pelaksanaan itu tindakan itu akan dilaksanakan oleh semua jawatankuasa tetap yang terlibat. Contohnya, di antara inisiatif yang telah dikenal pasti iaitu keseluruhan adalah 71 projek dan inisiatif yang dicadangkan. Ya, saya bacakan di sini daripada jumlah ini 27 projek yang telah dikategorikan *quick win*. *Quick win* maknanya perkara-perkara yang boleh dilaksanakan terus. Ya contoh di sini kalau saya bacakan panjang sebenarnya tapi insya-Allah saya akan berikan mana-mana yang terlibat nanti atau kampung-kampung yang terlibat di bawah Yang Berhormat secara terperinci, contohnya, cadangan memperluaskan liputan Wi-Fi Selangor kawasan desa-desa Selangor. Ya, kita telah pun sampaikan semua tempat-tempat, *hotspot-hotspot* kita rasakan perlu mendapat liputan *Wi-Fi* ini kepada STANCO yang berkenaan. Dan perbincangan/perbincangan dengan telco/telcos untuk memastikan *hotspot* ini berlaku pun telah kita laksanakan. Ok yang pertama.

Yang keduanya kita ada 27... minta maaf. Ada projek berimpak tinggi ada sebanyak 7 projek berimpak tinggi dan 37 projek sokongan yang dibangunkan secara berfasa. Jadi projek-projek yang kita letakkan, kita namakan sebagai Smart Desa Resilient, Smart Desa Eco-Lestari, Smart Desa Eco-Tourism, Smart Desa Business Desa dan sebagainya telah kita laksanakan contoh di bawah STANCO usahawan kita telah pun memulakan cadangan kluster perniagaan projek desa dan hasil semula jadi, kita juga terus telah melaksanakan Pusat Inkubator Smart Desa dan juga kita cadangkan, kita telah mencadangkan *Smart Desa Shoppe* yang telah pun beberapa kampung telah pun masuk program-program ini. Jadi, untuk kesimpulannya pelan hala tuju strategik negeri Selangor ini akan menjadi satu panduan kepada semua desa-desa yang ada atau kampung-kampung yang ada di Selangor ini untuk dirujuk oleh semua STANCO, untuk memastikan pembangunan ini berjalan dengan baik. Itu sahaja Tuan Speaker. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speker. Tahniah di atas perancangan yang telah cuba dimulakan oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pelan hala tuju strategik di dalam negeri Selangor 2035. Cuma saya nak dapat maklumat sama ada adakah peruntukan-peruntukan tertentu yang diperuntukkan kalau kita rancang pun tidak ada peruntukan yang tertentu mungkin dia tidak akan terlaksana. Mungkin pada tahun ini masih lagi digunakan peruntukan di bawah pembangunan kampung tradisi ya, tetapi mungkin ada perancangan di peringkat EXCO untuk melihat bagaimana pelan hala tuju ini dapat dilaksanakan terutamanya dalam program-program dikatakan disebut tadi sebagai *quick win* dan seterusnya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Sijangkang. Pastilah bila kita membuat perancangan akan ada peruntukan-peruntukan yang disediakan. Jadi kalau kita lihat perancangan ini saya kata tadi ada terbahagi kepada tiga yang berbentuk jangka masa pendek yang *quick win* itu terus kita boleh laksanakan ada projek-projek itu telah dimasukkan di dalam bajet tahun ini. Tetapi dalam jangka masa sederhana dan jangka panjang perancangan itu pastinya akan dimasukkan atau menjadi panduan kepada semua STANCO untuk dimasukkan dalam bajet-bajet setiap tahun. Dan kali ini kita agak bertuah

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

kerana pelan perancangan strategik negeri Selangor ini juga kita telah angkat ke kementerian luar bandar untuk dilihat supaya projek itu ataupun bajet-bajet itu akan dapat juga kita perolehi daripada kementerian pembangunan luar bandar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Hari ini negeri Selangor kita lihat taburan penduduk di bandar dan luar bandar tidak sekata. Di mana penduduk di luar bandar seperti di Sabak Bernam berhijrah ke Lembah Kelang. Jadi terdapat limpahan penduduk yang padat di kawasan seperti di DUN saya, Kampung Jawa dan Kampung Bukit Naga yang jumlah penduduknya mencapai puluhan ribu. Apakah perancangan Kerajaan Negeri adakah untuk dipecahkan kampung itu ataupun ditambahkan peruntukan supaya beban pentadbiran kampung tidak sekata. Maknanya yang di luar bandar dengan penduduk empat lima ratus dengan kawasan yang sampai puluhan ribu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Sungai Kandis. Saya yakin ini juga berlaku kebanyakannya sebenarnya di dalam kampung dalam bandar sebab itu saya sebut tadi isu yang kita buat pertama kali selepas selesainya pelan hala tuju strategik Negeri Selangor ini perkara pertama kita buat adalah untuk membuatkan satu pula pelan yang lebih khusus iaitu Pelan Penstrukturan Semula Kampung Dalam Bandar. Jadi apa Yang Berhormat Sungai Kandis sebut itu contohnya Kampung Bukit Nagalah katakan. Kampung Bukit Naga ini di antara 14 kampung yang telah pun dilihat semula bagaimanakah perancangan yang boleh kita buat. Kalau ianya terlalu besar mungkin kita akan perlu memecahkan sempadan tersebut. Kalau ianya terlalu padat kita perlu memastikan bahawa bebanan itu tidak diletakkan semata-mata kepada Ketua Kampung tetapi mungkin ia boleh dibuat dalam bentuk yang lain. Tetapi yang lebih pentingnya perancangan itu saya nak nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa perancangan itu hanya tidak sekadar dalam bentuk fizikalnya sahaja yang kita lihat tetapi kita akan melihat keseluruhan daripada fizikalnya hinggalah kepada sumber manusianya juga perlu kita bangkitkan supaya akhirnya 371 kampung di negeri Selangor ini akan mendapat manfaat yang selari dengan pembangunan negeri Selangor. Terima kasih, itu sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Rawang. Tidak hadir.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker, boleh saya gunakan peraturan tetap 24-2.

**TUAN SPEAKER :** Bab peraturan yang mana?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** 24-2

**TUAN SPEAKER :** Ya, ok silakan Yang Berhormat jawab pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih. Tuan Speaker bagi tujuan mencegah pemilikan perniagaan daripada pihak warga asing, Kerajaan Negeri melalui PBT telah membuat ketetapan bahawa PBT tidak melesenkan perniagaan kecil atau penjaja kepada

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

warga asing. Ini selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2008. Pengeluaran permit perniagaan kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu permit hendaklah dikeluarkan kepada warga negara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat perniagaan sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut akan diambil ke atas warganegara Malaysia yang meminda milik permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut. Walau bagaimanapun, PBT akan mengeluarkan lesen perniagaan kepada warga asing yang telah mendaftar syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menjalankan perniagaan dengan melampirkan passport yang sah dan mempunyai visa dagang. Kategori lesen yang dikeluarkan adalah melibatkan aktiviti *trade* perniagaan dagang dan perindustrian sahaja. Tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar sewaan lesen perniagaan atau tapak pasar malam kepada pihak ketiga adalah dengan melakukan pemeriksaan secara berterusan oleh PBT. Sekiranya didapati lesen perniagaan atau tapak pasar malam melanggar syarat-syarat lesen termasuk perniagaan dijalankan atau dikendalikan oleh pihak ketiga, PBT akan mengambil sama ada pengeluaran kompaun atau tindakan rampasan lesen atau pembatalan lesen. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah pihak Kerajaan merancang ataupun akan melaksanakan satu sistem seperti ccis atau ctos di mana kita boleh mendaftarkan pelaku-pelaku atau pelesen-pelesen yang menyalah gunakan lesen seperti sewaan atas sewaan dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Ya, terima kasih soalan daripada Sentosa. Sebenarnya sistem yang macam ni telah ada. Setiap PBT mempunyai rekod adakah pemilik lesen tu menjalankan perniagaan itu sendiri atau tidak kerana pemantauan itu selalu sentiasa diadakan mereka sentiasa adakan pemantauan untuk memastikan pemegang lesen itu ada di tempat itu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kerana apa yang berlaku sekarang ini ia agak rambang dan kelihatan tidak dapat mengekang aktiviti ini dengan berkesan. Adakah Kerajaan juga bercadang selain menyenaraikan pesalah-pesalah ini di dalam CCRIS atau CTOS. Jika sekiranya pesalah-pesalah ini mengulangi kesalahannya setiap kali maka kita menyenaraikan hitam terus pemegang-pemegang lesen orang tempatan ini. Itu soalan saya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Seperti yang telah saya jawab tadi, sekiranya perkara ini masih berlaku, lesen pemilik tersebut akan dibatalkan. Yang ini tindakan yang tegas akan diambil oleh semua PBT.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak bertanya yang berkaitan dengan tindakan yang dikenakan ke atas pemberi lesen atau yang mengalibabkan lesen tersebut. Di mana kita lihat pada ketika ini tindakan-tindakan yang dikenakan kepada mereka tidak memberi kesan yang besar dan berkemungkinan kompaun yang dikenakan itu tidak tinggi yang menyebabkan mereka mengulangi kesalahan. Dan sejauh manakah pihak PBT sendiri bertegas untuk membasmi atau menghapuskan penyalahgunaan lesen ini kepada warga asing? Yang mana kita lihat pada ketika ini dia amat berleluasa dan tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas mereka tidak memberi kesan. Mungkin ada perancangan daripada peringkat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar kompaun atau hukuman yang lebih berat ke atas mereka? Itu satu pertanyaan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Ok. Perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Meru bahawa ali baba bentuk ali baba masih berlaku yang itu memang wujud lagi. Satu masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan terhad kerana Pihak Berkuasa Tempatan tiada kuasa untuk menahan orang asing hanya Polis, pihak Polis dan Jabatan Imigresen ada kuasa untuk menahan warga asing oleh itu operasi yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah satu operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen, pihak Polis supaya operasi itu lebih berkesan. Kerajaan Negeri Selangor sedar bahawa masalah ini masih wujud. Oleh itu Kerajaan Negeri Selangor dalam proses untuk mewujudkan satu elemen kawalan penjaja yang baru yang ini dalam proses belum dimuktamadkan lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Kelang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya terhadap soalan tambahan ialah berkenaan dengan masalah pemilikan perniagaan oleh pihak warga asing ini. Adakah PBT mempunyai laporan yang terperinci berapakah jumlah tindakan yang diambil dan apakah berapa banyak lagi warga-warga asing yang berniaga di kawasan PBT masing-masing?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Seperti yang telah saya jawab kepada Yang Berhormat Sentosa memang ada satu rekod atau pemantauan yang diadakan oleh setiap PBT. Ada yang angka-angka berapa tindakan yang telah diadakan yang itu memang ada sekiranya Yang Berhormat Pelabuhan Kelang perlu maklumat ini saya boleh berikan secara bertulis.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** MPK sahaja kan? Ok baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Balakong no.14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MYSEL**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) MySel ditubuhkan demi membantu dalam masalah kewarganegaraan. Namun begitu, tiada sebarang informasi atau butiran tentang unit khas ini selain daripada laman web Facebook Y.B. Kota Kemuning. Apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan demi menyelesaikan masalah ini?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Tuan Speaker. Untuk maklumat Yang Berhormat Balakong, program pusat dokumen pengenalan diri MySel iaitu dikenali sebagai MySel ini mula bergerak secara aktif mulai tahun 2016 dengan bertujuan khusus untuk membantu masyarakat yang menetap di Negeri Selangor bagi mendapatkan dokumen-dokumen peribadi asas penting seperti dokumen pengenalan diri kewarganegaraan, sijil kelahiran dan kad pengenalan serta menyelesaikan masalah permasalahan anak-anak yang tidak mempunyai surat beranak akibat daripada sindiket perkahwinan di sempadan termasuklah kegagalan ibu bapa untuk mendaftarkan kelahiran anak-anak mereka di atas sebab-sebab tertentu. Bagi sesi baru 2018 hingga 2020 Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah melantik dua orang pegawai bagi mengendalikan pusat dokumen pengenalan diri MySel. Pegawai-pegawai yang dilantik ditempatkan di Pejabat EXCO bagi mengendalikan Pusat Dokumen Pengenalan Diri MySel yang khusus untuk membantu golongan miskin yang tidak mempunyai pengetahuan, maklumat dan saluran yang betul untuk membuat sesuatu permohonan bagi mendapatkan dokumen-dokumen tersebut. Program MySel berperanan dalam merancang, menyelaras dan menyediakan dokumen-dokumen dan keperluan berkaitan dan memastikan setiap permohonan yang dikemukakan kepada agensi dan jabatan berkenaan adalah lengkap dan teratur. Pegawai juga bertanggungjawab memastikan Program Pusat Dokumen Pengenalan Diri MySel ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan dapat dimanfaatkan setiap rakyat di negeri Selangor. Namun begitu, pernyataan yang Berhormat Balakong bahawa tiada sebarang informasi atau butiran khas unit ini adalah kurang tepat. Pegawai-pegawai MySel telah melaksanakan dan menggunakan pelbagai kaedah hebahan berhubung manfaat program ini dan mendekati rakyat melalui pengedaran *fliers*, sesi penerangan dan secara *walk-in* ke setiap DUN dan juga DUN yang paling kerap mempelawa mereka. Pengedaran *flyers* ini disusuli dengan sesi penerangan daripada pegawai My Sel dengan kerjasama dan komitmen rapat bersama Pusat Khidmat Masyarakat, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Ketua Komuniti Kaum India Setempat serta Rumah Ibadat.

Taklimat dan Sesi Penerangan ini diadakan secara giliran di setiap DUN dengan membuka Booth Pertanyaan. Ini terbukti dengan peningkatan kes-kes yang diterima dan berjaya diselesaikan oleh Pegawai My Sel. Pada tahun 2018 program dokumen pengenalan diri My Sel telah menerima sebanyak 1686 permohonan melibatkan dokumen pengenalan diri. Daripada jumlah keseluruhan permohonan tersebut sebanyak 457 permohonan didapati lengkap dan sebanyak 94 kes telah berjaya diselesaikan. Berikut adalah bagi permohonan



### **31 JULAI 2019 (RABU)**

tersebut. Bagi permohonan Warga Negara 26 permohonan berjaya daripada 101 permohonan. Permohonan anak angkat 7 permohonan berjaya daripada 66 permohonan. Permohonan IC Merah, 16 permohonan berjaya daripada 115 permohonan. Permohonan IC Biru 4 permohonan berjaya daripada 15 permohonan. Permohonan sijil kelahiran, 33 permohonan berjaya daripada 116 permohonan. Permohonan Imigresen 17 permohonan berjaya daripada 26, 28 permohonan. Permohonan Kad Pengenalan 1 permohonan daripada 16 permohonan lagi sekali. Permohonan adalah berikut mengikut kaum yang direkodkan : daripada kaum Melayu , 97 permohonan. Daripada kaum Cina, 81 Permohonan, daripada India 279 permohonan. Jumlahnya 457 permohonan.

Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa dan pegawai MySel dilantik sentiasa proaktif dalam mencari solusi terbaik serta kaedah yang baru yang lebih efisien (batuk) bagi memastikan program MySel, ini akan lebih diketahui oleh rakyat Selangor khususnya. Penggunaan media sosial dan digital akan lebih diperhebatkan lagi bagi mempromosikan program MySel demi menjaga kebajikan rakyat Selangor khususnya. Secara tidak langsung melalui program MySel mereka dapat membina kehidupan baru secara normal dengan membuang pandangan prejudis terhadap mereka. Program ini sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri dalam kepedulian terhadap setiap rakyat Selangor untuk menikmati manfaat dalam (batuk) program Insentif Peduli Rakyat mengikut kelayakan masing-masing.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER** : Banting

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya berterima kasih kepada jawapan EXCO itu dan memohon juga dapat dibantu senarai-senarai nama yang ada pada saya. Soalan saya adalah berdasarkan statistik yang dikemukakan itu terdapat juga permohonan daripada kaum Melayu menjadikan isu ini bukan saja berlaku di kawasan di kalangan kaum bukan Melayu tetapi juga melibatkan kaum Melayu. Saya ingin bertanya apakah keseluruhan statistik. Saya tak pasti sama ada itu adalah sebahagian tapi keseluruhan statistik yang melibatkan permohonan daripada kaum Melayu kerana ada orang Tuan Speaker, di luar yang mengatakan ini adalah isu perkauman khususnya di sebelah sana. Saya rasa itu adalah tidak betul dan mengikut pengalaman saya memang tidak betul. Saya melawat ke Jabatan Pendaftaran Negara hampir separuh daripada mereka yang menghadiri temu duga itu, adalah daripada orang Melayu. Jadi saya ingin bertanya kepada EXCO apakah angka yang ada pada Yang Berhormat EXCO yang boleh dikongsi dengan kita.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih daripada Banting, Yang Berhormat Banting. Secara jujur nya, saya kena beritahu daripada 1686 tadi hampir separuh nya adalah dari kalangan kaum Melayu tapi mereka tak datang dengan dokumen yang lengkap. Yang datang dengan dokumen yang lengkap kepada pejabat saya adalah sebanyak 97 permohonan. Kebanyakannya adalah hasil daripada perkahwinan yang apa tu yang dilakukan bersama dengan orang asing, anak-anak luar nikah. Belum ada perkahwinan yang apa tu yang sah tapi sudah ada anak seperti daripada khususnya daripada kaum Indonesia yang mana 1 partner adalah dengan izin Yang Berhormat sorang partner adalah sepasang daripada Malaysia dan sorang lagi daripada luar negara khususnya daripada Indonesia dan juga Thailand. Ini berlaku ye ini memang sebab mereka tidak ada perkahwinan yang sah tapi sudah ada anak. So bila anak itu akan menjadi satu

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

masalah untuk mendapatkan kewarganegaraan. So pada akhir-akhir ini pejabat saya sudah jadi dulu kalau datang pejabat saya boleh nampak semua penuh dengan kaum India. Sekarang dah penuh dengan hampir bukan hampir boleh dikatakan 60% sudah merasai kaum Melayu, terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Bagi statistik tadi permohonan yang gagal ataupun ditolak oleh JPN, ada tak MySel menerima kerjasama daripada JPN atas apa alasan permohonan ini ditolak dan kebarangkalian apa yang boleh dilakukan oleh MySel untuk membantu mereka dalam merayu penolakan tersebut.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima Kasih Bukit Gasing yang sentiasa prihatin dalam isu MySel. Sebenarnya kita sedar ye ini adalah undang-undang yang telah termaktub sekarang ini adalah di bawah KDN ye, Kementerian Dalam Negeri bukan perkara ini sebenarnya bukan sangat tergantung dekat JPN sebenarnya. KDN ya. Sebab yang melibatkan warga asing perkahwinan warga asing dengan warga Malaysia. Maka bukan dikatakan tolak tapi saya kata saya lebih suka dianggap sebagai permohonan itu masih dalam diteliti sedang kami dalam sebenarnya kami di antara JPN dengan MySel agak bagus. Saya boleh kata sangat bagus daripada Putrajaya, pegawai-pegawai saya dapat jumpa dengan mereka secara personal dan juga saya telah menulis kepada KDN di mana saya hanya dapat berjumpa dengan pegawai yang kurang dari segi kekuasaan mereka. Bagaimanapun dapat berjumpa dengan KDN dan KDN ini memang mereka tu tidak suka memberi sebarang alasan apabila mereka menolak. Ye mereka tak akan bagi alasan secara bertulis mereka kata ini semua termaktub undang-undang mereka. Dan bagaimanapun kita sedar perkara ini tapi kami menggunakan soft approach sekarang setiap kali kami tak anggap sebagai ditolak tapi kami pergi dan jumpa balik dan saya difahamkan ada dalam masa yang terdekat Kementerian KDN Dalam Negeri juga sedang merangka satu penggubalan dasar dalam menyelesaikan isu kewarganegaraan itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Tanjung Sepat. Saya persilakan Tanjung Sepat. Cukup lah.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan Nombor 15.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH (N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : KEPERLUAN MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN JKR MORIB -  
SEPANG**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

### 31 JULAI 2019 (RABU)

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Jalan Morib-Sepang yang berada dalam keadaan yang teruk?
- b) Adakah kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih akan dilakukan terhadap jalan tersebut dalam masa terdekat?
- c) Adakah terdapat perancangan untuk menambah lampu jalan di kawasan merbahaya disepanjang jalan tersebut?

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Terima kasih Tuan Speaker. Tanjung Sepat ingin bertanya berhubung dengan isu penaiktarafan Jalan Persekutuan JKR Morib- Sepang. Jalan Morib-Sepang ini adalah merupakan Jalan Persekutuan FT05 buat masa ini tiada keperluan mendesak untuk menaik taraf jalan ini, walau bagaimanapun pihak JKR Selangor akan membuat bancian trafik dan kajian awalan berterusan terhadap keperluan menaik taraf jalan ini dan sekiranya ada keperluan untuk jalan ini dinaik taraf satu kertas kerja cadangan permohonan projek akan disediakan oleh pihak JKR Selangor untuk dimohon ke Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia dalam Rancangan Malaysia seterusnya. Telah ada perancangan untuk bahagian keduanya soalan telah ada perancangan untuk menyelenggara jalan-jalan Persekutuan termasuk FT05 ini di bawah program berkala *pavement* dan perkara bukan *pavement* yang dianggarkan berjumlah RM 1.7 Juta bagi daerah Sepang dan RM 4.6 Juta bagi daerah Kuala Langat untuk tahun 2019. Ianya akan dipohon setiap tahun mengikut keperluan dan tahap kerosakan jalan. Untuk bahagian C berhubung dengan lampu jalan yang merbahaya di kawasan yang merbahaya buat masa ini pihak JKR membuat siasatan terhadap lokasi yang merbahaya melalui statistik kemalangan bagi mengangkat kertas permohonan ke pejabat, ibu pejabat JKR Malaysia untuk disemak oleh Unit Forensik Keselamatan Jalan dan seterusnya memohon peruntukan jika ada keperluan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya tentang juga keadaan jalan kerana ianya melibatkan kawasan DUN Banting. Berkenaan dengan permohonan pihak (berdehem) penyelenggaraan untuk jalan ini apakah status permohonan yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi kerana permohonan ataupun peruntukan ini sangat-sangat mendesak khususnya di kawasan-kawasan yang cenderung dan selalu berlaku kemalangan. Kalau tidak ada permohonan untuk lampu jalan, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya cari lah apa saja peruntukan yang ada untuk memperbaiki semula *road marking* yang ada. Kebelakangan ini kita nampak ada *new and paste* yang dilakukan tetapi *road marking* belum lagi disiapkan. Dan saya memohon semua permohonan itu disegerakan dan yang penting sekali keselamatan pengguna jalan raya perlu diutamakan. Saya mohon jawapan.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Ni merujuk jalan FT05 ataupun jalan lain? FT05 yang saya sebut tadi bawah Jalan Persekutuan, Jalan Persekutuan ini adalah tertakluk di bawah Ibu Pejabat JKR, dan kita sentiasa membuat permohonan. Sebenarnya

### 31 JULAI 2019 (RABU)

permohonan kita jauh lebih banyak daripada apa yang disebut, tetapi persoalannya di sini adalah peruntukan yang kita terima ini tidak memadai untuk kita melaksanakan kerja-kerja yang lebih sesuai dengan kewujudan jalan-jalan ataupun keperluan kawasan-kawasan yang berkemalangan. Dan saya telah sebenarnya telah mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif lagi dengan berbincang dengan pihak Ketua Pengarah JKR Malaysia berhubung dengan isu penyelenggaraan jalan. Sebab Jalan Persekutuan untuk makluman Yang Berhormat yang terhormat semua bahawa tidak ada peruntukan sebagaimana penyelenggaraannya seperti ke jalan negeri.

Di mana kita mempunyai MARRIS. Mereka tidak mempunyai peruntukan yang tetap berdasarkan kepada panjang jalan itu. Jadi mereka terpaksa memohon setiap tahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Dan saya telah membuat cadangan supaya dibuat macam MARRIS juga bagi Jalan Persekutuan dan ini melibatkan perubahan ataupun pindaan pada akta. Dan saya kata kalau dah cantik jalan dengan dengan belanja yang tetap setiap tahun untuk penyelenggaraan kan lebih baik kalau dibuat juga di Jalan Persekutuan. Sebab apa kalau di negeri Selangor dan di negeri lain juga rakyat tidak tau membezakan antara jalan sama ada jalan itu jalan Kerajaan Negeri atau Persekutuan. Mereka menganggap itu semua sama. Jadi ini yang jadi masalahnya kalau kita negeri, kita ada peruntukan yang dah tetap tapi negeri di peringkat Persekutuan tidak ada sebab itu saya mencadangkan supaya di ambil langkah-langkah di peringkat kerajaan Persekutuan. Supaya dibuat peruntukan seperti MARRIS bagi jalan mereka.

Tapi walau bagaimanapun ini tidak kita tidak menghalang juga kita cuma kekurangan bajet bagi kita untuk melaksanakan jalan ini sebab kalau ikut yang saya dah sebut dalam ucapan ataupun jawapan yang lepas-lepas saya dah sebut banyak kali. Jalan-jalan di Negeri Selangor ini kebanyakannya dah *expired* ataupun dah melebihi had umur dia. Telah lebih daripada separuh jalan-jalan kita di Selangor ini telah melebihi had umur yang perlu dinaik taraf tapi disebabkan kekurangan bajet sebabnya kita terpaksa buat berperingkat-peringkat untuk untuk kita pastikan mutu dan kualiti jalan kita dapat dijaga dengan baik. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya bilakah kali terakhir pihak JKR membuat baik pulih jalan-jalan tersebut? Yang kedua saya ingin memaklumkan bahawa baru sebentar tadi pukul 4 pagi ada lagi kemalangan yang telah melibatkan nyawa seorang wanita. Jadi sebelum ini di dalam dewan saya ada menyebut jugak ada seorang yang daripada Kampung Endah meninggal jugak melanggar sebuah kenderaan yang rosak di tepi jalan. Jadi paling tidak ada usaha kalau tidak di naik taraf sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya ada usaha untuk memberi keselesaan kepada pengguna jalan khususnya jalan, memasang lampu di spot-spot kawasan yang telah dikenal pasti berlaku kemalangan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Sebagaimana yang disebut tadi penaiktarafan ini bukan suatu perkara yang di buat secara tetap. Ya Ini penaiktarafan ini bermakna *upgrading*. *Upgrading* ini dia biasa dibuat bila ada keperluan untuk membetulkan struktur asas jalan ini. Jadi tapi ada beza dengan

### 31 JULAI 2019 (RABU)

penurunan. Penurunan ini memang dibuat secara tetap ye regular secara regular berdasarkan kajian biasanya dibuat lebih kerap. Tapi penaiktarafan ni jarang dibuat kecuali kalau betul-betul ada keperluan dari segi struktur. Dan setakat ini berdasarkan kepada kajian yang dibuat JKR tidak ada keperluan menaik taraf lagi jalan ini. Ini yang berlaku ya. Dan untuk sebagaimana yang saya setuju tadi kemalangan ini bukan semata-mata kerana lampu ya bukan saja semata-mata kerana lampu, walaupun lampu itu penting, lampu jalan tapi bukan saja lampu tapi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Banting tadi ada lagi *road marker* dia dan jugak dia ape nama ni langkah-langkah lain lah yang kita ambik untuk keselamatan dari segi penurunan tu sendiri dari signal eh *signages* sebagainya ini perlu dipertingkatkan saya rasa dipantau oleh pihak JKR untuk dilaksanakan untuk jalan-jalan Persekutuan ini dia di bawah *road care* dia punya *contention* di bawah Road Care. Dan kita sentiasa berhubung dengan mereka untuk memastikan jugak jalan-jalan Federal ini Persekutuan ini jugak dapat dibuat dapat dipantau dengan baik. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih tuan Speaker , Jalan B5 di Kuala Langat sebagaimana yang disebutkan EXCO tadi bahawa tiada keperluan untuk naik taraf dan ialah sepertimana kita sedia maklum bahawa kita ada masalah dengan jambatan di 2 jambatan di sepanjang jalan B5 ini yang sekarang ini masih saya tidak nampak lagi ada berlaku kerja-kerja untuk naik taraf yang mana sekarang ini menggunakan struktur yang sementara. Cuma untuk keperluan sepertimana yang dimaklumkan oleh EXCO keperluan untuk... semula ukuran jalan di B5 Kuala Langat ini saya dimaklumkan oleh JKR Kuala Langat memerlukan peruntukan yang agak besar RM 30 Juta. Dan sebelum ini berlaku apabila jawapan daripada Kementerian bahawa terlepas pandang. Dan kemudian diturunkan peruntukan sejumlah RM 6 Juta dan itu pun tak sampai RM 6 juta dan keadaan jalan yang saya boleh katakan terlalu teruk pada hari ini memerlukan keperluan ini apatah lagi Kuala Langat sebagai Klang Valley 2 yang mana cukup rancak pembangunan dan termasuklah perindustrian harus ada peruntukan-peruntukan yang bagi saya, saya melihat agak mendesak. Terima Kasih.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HAHSIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat setuju dengan pandangan ataupun yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sijangkang tadi dan saya bersimpati dan kita berusaha sebenarnya untuk mendapatkan peruntukan bukan sahaja di jalan ini yang disebut tadi juga di jalan-jalan lain yang telah pun saya sebut awal tadi telah melebihi had. Dan kita ada satu lagi masalah besar di Negeri Selangor ini ialah kedudukan jalan-jalan kita itu di kawasan tanah banyak tanah yang gambut ataupun tanah *marine clay* disebut menyebabkan kerosakkan jalan kita berlaku begitu cepat. Ini antara satu punca lagi yang menyebabkan kita menghadapi kos, mengalami kos, memerlukan kos yang banyak dalam kita menaik taraf atau membaiki jalan-jalan kita. Perkara sama juga berlaku dalam Air Selangor la. Dari segi tanah kita ni yang tidak begitu sesuai untuk pembinaan jalan yang berkualiti. Jadi kita memerlukan kos yang tinggi dari segi nak menguruskan jalan-jalan ini. Walau bagaimanapun tidak menghalang kita untuk mendapatkan bajet cuma bajet yang kita minta tu tidak sebagaimana yang kita pohon, ini yang dan saya bertanya dengan Ketua Pengarah JKR ia memang kekangan sangat rendah. Bajet yang mereka perolehi untuk *maintenance* sebab itu saya tetap memberi pandangan yang sama. Jadi kita perlu ada satu sistem MARRIS ini iaitu jumlah

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

yang tetap. Jadi kalau dah 1KM tu 35000 mana 35000 telah tetap setiap tahun untuk *maintenance* atau penyelenggaraan jalan itu lebih sesuai untuk jalan-jalan persekutuan ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Baik saya minta Dusun Tua, soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Tuan Speaker soalan daripada Dusun Tua, Nombor 16.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)**

#### **TAJUK : KAJIAN PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kajian dan penyelidikan terkini yang sedang dilakukan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua, Tuan Speaker. Soalan berkenaan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh PADAT pada masa ini. Pada masa ini peringkat terkini yang sedang dilaksanakan oleh PADAT adalah seperti berikut;

1. Pertama penyelidikan Sejarah Jeram dan Bukit Melawati. PADAT sedang dalam usaha penyelidikan Pra Kesultanan dan Zaman Kesultanan Selangor. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan data-data sejarah yang lengkap mengenai berkenaan dengan zaman sebelum dan semasa Kesultanan Selangor. PADAT juga berhasrat untuk menyediakan pelan induk bagi tujuan pemeliharaan Bukit Melawati yang berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah yang tepat.
2. Yang kedua penyelidikan berkenaan Raja Muda Nala, hubungan Sultan Selangor dengan Kesultanan Aceh. Pihak PADAT telah berjaya mendapatkan beberapa manuskrip bersejarah berkenaan dengan Raja Muda Nala melalui surat-surat Francis Light yang terdapat di dalam simpanan School Of Oriental Studies University Of London pada awal tahun ini dan PADAT juga telah mengadakan beberapa perbincangan dan MoU dengan pihak Universiti Syiah Kuala, Aceh bagi melaksanakan penyelidikan dan juga pengesahan berkaitan dengan artifak dan makam Kesultanan Melayu Negeri Selangor.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

3. Dan ketiga penyelidikan berkenaan Kesultanan Selangor dan hubungannya dengan Kesultanan Palembang. Kajian teliti telah di peringkat telah dilakukan dan peringkat pada masa ini kajian *Arti facture* tentang hubungan Kesultanan Selangor dan Kesultanan Palembang telah dijalankan sehingga kini dan masih belum siap kerana kita masih meneliti secara ilmiah.
4. Yang keempat penyelidikan Lombong Arang Batu di Batu Arang. Terkini terdapat pelbagai tinggalan berupa bangunan lama, terowong, artifak dan masyarakat pewaris para pelombong yang perlu dipelihara sebagai bukti sejarah dan berpotensi di bangunkan sebagai produk dan destinasi pelancongan yang menarik di daerah Gombak. Program ini dijangkakan akan siap pada awal tahun hadapan.
5. Dan akhir sekali pihak PADAT sedang mengadakan penyelidikan tentang adat pakaian pengantin-pengantin tradisional di Selangor. Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data-data berkaitan dengan amalan dan budaya tradisi pengantin di Selangor. Penyelidikan ini merangkumi semua kampung-kampung yang terdapat di Selangor. Ianya dianggarkan dapat menemu bual hampir 100 orang andam-andam tradisional yang ada di Selangor.

Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, bagaimanakah kami rakyat-rakyat Selangor boleh mengakses kajian-kajian penyelidikan-penyelidikan berkenaan adat-adat Melayu dan warisan ini. Kerana kalau kita lihat di *website* PADAT itu sendiri bahagian penyelidikan itu hanya satu muka surat bertulis besar-besar penyelidikan. Jadi bagaimana penyelidikan ini semua dapat di akses oleh rakyat Selangor. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASAR :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kajian-kajian dan penyelidikan ini kita jalankan melalui maklumat-maklumat yang berada di *royal gallery* dan juga melalui perbincangan dengan beberapa orang pakar-pakar sejarah daripada Universiti-Universiti Tempatan dan juga Universiti-Universiti Antarabangsa antaranya Universiti Gadjah Mada di Indonesia. Jadi daripada maklumat-maklumat inilah kita akan dapat kumpulkan dan kita akan bukukan Insya-Allah dan akan diedarkan pada bila-bila masa, mungkin pada awal tahun hadapan. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Sg Kandis... Taman Templer.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Taman Templer kiri sekali.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan, Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Speaker memang sayang Taman Templer saya tahu, saya tak cemburu pun. Soalan tambahan saya, adakah

### 31 JULAI 2019 (RABU)

kepada Yang Berhormat EXCO, adakah kajian yang berkait dengan usaha yang dilakukan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor itu, merangkumi setiap etnik yang boleh diklasifikasikan sebagai Adat Melayu, Orang Jawa ke, Minang, Banjar. Kalau Jawa memang tiba-tiba Speaker ni teruja sikit. Boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya saya sebagai Pengerusi Lembaga PADAT kita telah bermesyuarat beberapa kali dan kita juga telah membincangkan tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, bukan sahaja merangkumi etnik Jawa, Bugis dan sebagainya tetapi juga kita merangkumi etnik-etnik daripada bahasa Cina, India dan beberapa etnik lain yang ada di Selangor. Dan semua maklumat-maklumat ini kita akan rangkumkan dan kita akan apa nama tu, bukukan dalam satu bentuk buku sejarah yang sedang diusahakan oleh PADAT pada masa ini Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya ingin bertanya Tuan Speaker iaitu berkenaan dengan bahasa etnik. Sebenarnya ada bersangkutan paut dengan Taman Medan tadi bersangkutan paut dengan bahasa etnik dan juga bahasa dialek di kalangan orang Melayu, Cina dan juga India. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh PADAT selain daripada menjalankan kajian dan kajian iaitu untuk menyemarakkan kegunaan bahasa-bahasa etnik dan juga bahasa-bahasa dialek ini. Yang kami rasa dan bimbang akan pupus mungkin dalam 10, 15 ataupun 20 tahun lagi. Saya ambil contoh petikan surat khabar daripada Berita Harian bertarikh 20 Februari, di mana lebih 15 bahasa suku di Semenanjung Malaysia semakin hilang identiti mereka dan berisiko untuk pupus dalam tempoh 20 tahun akan datang termasuk Bahasa Acheh, Bahasa Banjar, Bahasa Betawi, Bahasa Bugis, Bahasa Jawa kerana tidak lagi dituturkan oleh golongan pemuda pemudi sekarang. Jadi saya rasa itu adalah satu fenomena yang agak memeranjatkan saya. Saya ingin mendapat pandangan.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi dalam mesyuarat Lembaga PADAT kita ada membincangkan soal-soal etnik ini dan dalam Lembaga juga kita ada pakar-pakar daripada orang Cina, orang India dan juga *ofcourse* la ada orang Jawa, dan Bugis dan sebagainya. Dan kita bincangkan perkara ini beberapa kali seperti yang saya katakan tadi kita akan cuba bukukan supaya bahasa-bahasa yang menggunakan etnik-etnik yang tertentu ini akan dapat digunakan ataupun dipermudahkan supaya anak-anak muda ataupun generasi muda akan datang akan mengingati atau apa orang kata tu, menghormati akan bahasa-bahasa ataupun etnik-etnik yang ada dalam Negeri Selangor ini Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Soalan tambahan Dusun Tua.

**TUAN SPEAKER :** Sg Kandis.



**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Sg Kandis ingin bertanya adakah pernah dibuat kajian tentang sumbangan dan peranan Kesultanan Selangor dalam pembangunan Islam di Selangor.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya kata tadi kita sedang dalam usaha untuk membukukan atau pun mengumpulkan maklumat-maklumat sejarah Kesultanan Selangor daripada awal di mana sejarah Kesultanan Selangor ini dikatakan bermula di Jugra ataupun di Banting. Kemudian mereka juga berjaya membuka kawasan baru seperti Bukit Melawati dan sebagainya. Daripada situ, daripada informasi-informasi ataupun maklumat-maklumat yang ada dalam *Royal Gallery* kita nampak bagaimana perkembangan Kesultanan Selangor ini daripada mereka awal mula-mula memerintah Selangor hingga ke masa ini. Jadi seperti yang saya kata tadi, PADAT dalam proses untuk membukukan tentang Sejarah Kesultanan Selangor ini untuk di edarkan mungkin di awal tahun depan tentang kedudukan, perkembangan Kesultanan Selangor daripada awal mungkin daripada awal Abad 18 sehinggalah ke hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Sila Yang Berhormat Kuang, soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Speaker No. 17.

**TUAN SPEAKER :** Kita minta Yang Berhormat Morib, silap tadi.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Terima kasih speaker, soalan saya yang ke 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KERJA MEMBAIKPULIH PRASARANA  
KEMUDAHAN KAMPUNG TRADISI**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme Jabatan Pembangunan Unit Perancang Ekonomi berkenaan dengan infrastruktur dan kerja membaikpulih prasarana kemudahan kampung tradisi seperti dewan orang ramai, balairaya dan jalanraya kampung yang kebanyakan dalam keadaan yang tidak memuaskan serta kerosakan yang teruk?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Speaker, soalan daripada Morib, Morib bertanyakan tentang apakah isu yang berbangkit tentang infrastruktur dan kerja membaik pulih prasaran kemudahan kampung tradisi. Izinkan saya menyatakan di sini bahawa tahun ini alhamdulillah mekanisme telah pun ditambah baik daripada dua sedia ada kita telah tambah lagi dua mekanisme bagaimanakah isu-isu berkaitan dengan infrastruktur kampung ini boleh kita perbaiki ataupun boleh kita laksanakan Insya-Allah.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Jadi di sini izinkan saya menyatakan di sini dimana-mana pihak setiap lapisan masyarakat sama ada Rakyat, Ketua Kampung atau pun Yang Berhormat boleh menyalurkan permohonan ataupun aduan kepada Pejabat Daerah/ Tanah yang merupakan agensi penghubung antara negeri dan juga penduduk. Jadi selepas aduan dibuat melalui agensi ataupun individu yang kita telah kenal pasti tadi. Jadi Pejabat Daerah kemudiannya akan menyemak aduan tersebut dan seterusnya membuat permohonan kepada Pihak Unit Perancang Ekonomi untuk kelulusan. Jadi ini adalah untuk memastikan semua permohonan-permohonan yang ada itu saluran itu disampaikan melalui dengan proses carta alir yang baik dan akan dikumpulkan oleh Unit Perancang Ekonomi. Itu mekanisme sedia ada. Mekanisme kedua adalah Kerajaan Negeri telah pun menyediakan inventori ataupun masih lagi menyediakan inventori-inventori tambahan bagi jalan-jalan luar bandar dan kampung bagi seluruh negeri. Jadi Pejabat Daerah/ Tanah juga bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan telah pun dipertanggungjawabkan untuk menjalankan ataupun mendaftarkan jalan-jalan di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf dapat dilaksanakan. Jadi yang mana terletak di bawah luar bandar itu akan diberikan kepada UPEN dan UPEN akan menyediakan senarai untuk boleh dilaksanakan terutama kalau MARRIS contohnya tahun ini 2019 Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan RM30 juta untuk memastikan jalan-jalan kampung yang mulanya diinventorikan lepas itu diletakkan peruntukan khas untuk pelaksanaan jalan-jalan ini. Yang tadi saya sebut sedia ada tadi yang mekanisma pertama tak kira jalan ke, balairaya ke, apa-apa yang berkaitan infrastruktur kampung. Yang kedua tadi, tentang penyediaan MARRIS. Ini yang tambahan adalah berkaitan dengan mekanisma tambahan adalah Yang Berhormat semua kena maklum bahawa di bawah ICU ataupun Unit Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor di bawah JPM telahpun menyediakan setiap parlimen RM2 juta untuk perkara-perkara yang sama. Jadi, di sini Yang Berhormat semua perlulah berbincang dengan Ahli Parlimen untuk memastikan bagaimana kerja-kerja pembaik pulih ini boleh dibuat secara terus dan mana had yang diletakkan sebanyak RM200,000.00 kepada satu perkara ataupun projek-projek tertentu. Maksud ini, ini yang boleh dijalankan terus. Yang tadi perkara pertama dan kedua tadi perlu dimohon dahulu dan ia akan dimasukkan bajet akan datang jika ianya bersesuaian.

Dan mekanisma yang terkini, yang keempat adalah mulai 2019 Sistem Profail Kampung Peringkat Nasional telahpun diwujudkan ataupun ringkasannya disebut SPKPN yang mana semua ketua-ketua kampung telahpun diminta untuk mengisi SPKPN ini yang berakhir sepatutnya 30 Jun yang lepas. Profail ini mesti disediakan supaya kita tidak ada lagi mana-mana balairaya, infrastruktur dan semuanya tidak diinventorikan. Jadi, profail kampung ini adalah melibatkan semua kementerian nanti yang akan mengambil pengetahuan. Kalau tidak *diregisterkan* ataupun didaftarkan maksudnya di pihak Kementerian Luar Bandar mereka tidak dapat menyalurkan ke manakah isu ini, siapakah isu ini, siapakah yang akan mengambil isu ini untuk dilaksanakan? Jadi, saya mengharapkan semua Yang Berhormat pastikan empat mekanisma ini diguna pakai untuk memastikan tidak ada kawasan-kawasan ataupun perkara-perkara yang berbangkit di kawasan Yang Berhormat tidak dapat dilaksanakan. Jadi, yang penting mengikut carta alir yang ada sama ada ketua kampung, rakyat ataupun Yang Berhormat sendiri boleh terus salurkan. Kalau Yang Berhormat boleh menggunakan mekanisma JKTD ataupun Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk menyampaikan isu ini tetapi kalau melalui ketua kampung kita menyarankan supaya ketua kampung mesti menggunakan SPKPN untuk mengisi semua isu-isu berbangkit termasuk permohonan-permohonan baru yang ingin dikemukakan. Itu sahaja, terima kasih.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Silakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih Speaker... EXCO di atas jawapan yang telah diberikan. Cuma kita semua sedia maklum bahawa kedudukan ataupun keadaan kemudahan balairaya, dewan orang ramai di kampung ini agak daif. Memang melalui jawapan tadi mekanisma pertama boleh dihantar permohonan, namun saya kira banyak permohonan-permohonan yang dihantar tersebut mungkin terlepas pandang ataupun mungkin terlalu banyak. Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan menyediakan bajet-bajet yang tertentu di setiap daerah untuk membaik pulih balairaya dan kemudahan dewan-dewan MPKK. Mungkin dewan orang ramai mereka mempunyai hasil seumpamanya sewaan apa ni...sewaan permainan badminton ataupun kenduri-kendara atau seumpamanya dan untuk jalan raya mungkin daripada MARRIS namun banyak lagi kemudahan-kemudahan kampung yang perlu diambil perhatian dan penambah baikan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Morib. Ini semua menjadi perhatian kepada semua Yang Berhormat. Tentang balairaya yang uzur dan ada yang perlu dibaik pulih dan sebagainya. Sebab itu empat mekanisma tadi telah saya kemukakan dalam Dewan ini. Ambil maklum tentang bagaimana ianya boleh dilaksanakan sama ada ianya boleh dilaksanakan terus ataupun ianya kena menunggu tahun hadapan bila semua inventori ini dikumpulkan. Jadi, dengan saluran yang saya sebut tadi, *Insyallah* mudah-mudahan tidak ada lagi permohonan yang terlepas pandang ataupun permohonan yang tidak diangkat untuk diberikan permohonan. Jadi, isunya saya mengharapkan juga ya, Yang Berhormat supaya bekerja rapat dengan ketua-ketua kampung ya, untuk melihat apakah situasi di kampung tersebut? Turun padang dan kita pastikan SPKPN yang saya sebut tadi itu mesti diambil maklum dan dibangkitkan setiap kali dalam JKTD untuk memastikan bahawa pelaksanaan itu mendapat perhatian daripada pihak kerajaan ya, *Insyallah*. Dan, saya juga mempunyai perancangan supaya di akhir, di hujung...tahun ini nanti kita akan membukakan kepada semua Yang Berhormat semua permohonan yang telahpun masuk di dalam Pejabat EXCO ataupun ke Pejabat-Pejabat Daerah untuk diteliti dan kita akan angkat berperingkat untuk masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Taman Templer. Yang ini betul Taman Templer...

**TUAN SPEAKER :** Saya tidak bagi Taman Templer. Saya minta Kuang. Kuang. Silakan Kuang.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Dah tak sayang ke?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tuan Speaker, soalan saya nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN  
(N13 KUANG)**

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TAJUK : PENYUSUNAN SEMULA SEMPADAN PBT DAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Disebabkan persempadanan semula kawasan pilihanraya sebelum PRU14 yang lalu, maka terdapat kesukaran dalam urus tadbir sempadan pentadbiran PBT dan Pejabat Tanah dan Galian.

Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menyusun semula sempadan PBT dan Pejabat Tanah dan Galian di daerah yang terlibat?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Sabar, sabar Templer. *Bismillah hirrahman nirrahim.* Terima kasih Speaker dan Kuang yang bertanyakan soalan. Mengikut laporan kajian persempadanan semula syor-syor kawasan-kawasan ataupun bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dan negeri yang telah dicadangkan pada tahun 2018 adalah berdasarkan kepada beberapa faktor.

1. Keadaan geografi dan topografi kawasan berkenaan.
2. Tahap pembangunan kawasan-kawasan terlibat.
3. Keadaan demografi kepadatan penduduk dan bilangan pemilih.
4. Kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan sistem komunikasi.

Inilah empat asas yang telah digariskan SPR ketika menetapkan satu-satu kawasan bahagian pilihanraya sebagaimana yang termaktub dalam syor-syor yang telah dikemukakan pada tahun 2018 yang lalu. Justeru, untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh pihak Kuang sebenarnya di bawah Seksyen 4, 3, Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun Akta 171 telah menggariskan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan sempadan-sempadan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut. Penukaran nama dan taraf dan perubahan sempadan. Ini dalam Seksyen 4 yang saya sebutkan tadi. Pihak Berkuasa Negeri dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya boleh melalui pemberitahuan dalam warta mengubah suai sempadan mana-mana kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Satu kajian terperinci dan spesifik wajar dilaksanakan bagi tujuan ini mengambil kira semua aspek baik dan aspek geografi, demografi kepadatan, penduduk serta kawasan persempadanan pilihanraya bagi menjamin kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada seluruh lapisan rakyat Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, kewajaran ini patut dilaksanakan sebab sebahagian kawasan-kawasan ataupun bahagian Pilihanraya Negeri di Negeri Selangor sudah melebihi beberapa kawasan parlimen di luar Negeri Selangor. Jadi, memang saya telah menyampaikan hasrat kepada Pengerusi SPR dalam pertemuan baru-baru ini, mereka minta untuk kita cadangkan berapa persempadanan baru. *InsyaAllah* kita akan kemukakan dan cadangan itu sudah pasti melibatkan kos dan kos itu akan cuba masukkan ataupun akan kita kemukakan dalam pembentangan bajet ataupun Belanjawan Tahun 2020 nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah anggaran jumlah pelaburan masuk dan keluar pada suku tahun pertama 2019?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah pelaburan baru pada 2019?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, bagi suku tahun pertama 2019 iaitu bagi tempoh Januari hingga Mac 2019, pihak MIDA telah meluluskan sebanyak 75 projek perkilangan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.52 billion. Daripada jumlah ini sebanyak RM954 juta daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM567 juta daripada pelaburan asing. Sebanyak 51 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.1 billion dan sebanyak 24 projek merupakan projek pembesaran atau perbagaian dengan nilai pelaburan berjumlah RM395 juta.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** OK. Terima kasih Tuan Speaker. Berapakah peluang pekerjaan yang boleh diwujudkan daripada jumlah pelaburan yang dijangka dapat diwujudkan nanti?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Puan Timbalan Speaker, maklumat itu masih belum diperolehi daripada pihak MIDA. Hanya setakat jumlah pelaburan yang telahpun diluluskan, yang telahpun disiarkan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan Ijok nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**31 JULAI 2019 (RABU)**  
**TAJUK : PENCEMARAN UDARA**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Pencemaran udara daripada pembakaran plastik di Ijok amat ketara. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri, PTD dan Majlis Tempatan untuk membanteras aktiviti haram ini?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kejadian pembakaran plastik yang berlaku di kawasan Ijok adalah dijangkakan berpunca daripada operasi kilang-kilang plastik kitar semula yang terdapat di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sabak Bernam bersama-sama dengan Majlis Daerah Kuala Selangor turut dibantu oleh pihak SPAD, TNB, Air Selangor, PDRM, Imigresen, PTD, Ahli Majlis Kawasan dan juga jabatan dalam MDKS dalam operasi penguatkuasaan sepadu kilang plastik haram kitar semula yang dilaksanakan pada 18 Julai 2019 yang lalu. Operasi ini dijalankan ke atas 10 premis kilang plastik haram di kawasan Ijok, Bestari Jaya dan Jeram. Tindakan pemotongan bekalan elektrik dan juga bekalan air telah diambil ke atas sembilan premis. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas kilang plastik yang masih beroperasi secara haram mengikut bidang kuasa Jabatan dan agensi masing-masing. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ijok, silakan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Ijok ingin menanya Yang Berhormat EXCO semua langkah-langkah telah dibuat tetapi sampai sekarang masalah ini tidak diatasi. Beri kompaun, tutup letrik tetapi masih kebakaran masih berlaku. Bau udara amat teruk. Ini menyusahkan dan memberi kesihatan yang buruk kepada penduduk. Ijok ingin menanya apakah langkah-langkah yang tegas? Adakah tuan-tuan tanah yang melanggar telah diberi kompaun ataupun tutup letrik tanah mereka dirampas atas kesalahan salah guna tanah dan juga Ijok ingin menanya bukan sahaja pembakaran plastik, bau pun kadang-kadang datangnya dari kilang-kilang yang mengurus kimia-kimia. Jadi, saya inginlah saya harap pada kerajaan dan Yang Berhormat EXCO datang turun ke Ijok dan tengok sendiri, kenalpasti masalah-masalah ini telah sampai tahap serius.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Buat masa ini di Ijok, di kawasan Ijok kita telahpun menutup di mana Majlis Daerah Kuala Selangor telahpun menutup enam kilang di kawasan Ijok. Yang pertama, Soh Chiew Heng... Soh Chiew Seng dekat Ijok. Kilang kedua, Kumar A/L Nakapan juga di Simpang Tiga, Ijok. Yang ketiga juga nama Kumar A/L Nakapan juga di Simpang Tiga, Ijok. Tapi jalan berlainan. Yang keempat Tetuan CS Kitaran Resources di Simpang Tiga, Ijok. Yang kelima merupakan kilang LSM Jaya Trading iaitu di Tun Sambanthan, Taman Kilauan Tun Sambanthan, Bestari Jaya. Yang keenam, Sunray Enterprise Sdn. Bhd. Itu Batu 22, Ijok dan ini telahpun ditutup awal bulan Julai. Untuk makluman Yang Berhormat Ijok. Kita tidak ada *compromised* tentang

### 31 JULAI 2019 (RABU)

kilang haram kitar semula plastik ini. Kita memang ambil tindakan tegas di mana Majlis Daerah Kuala Selangor telah pun sita...buat sitaan terhadap kilang ini dan kalau dapati mereka tanpa lesen perniagaan yang sah, mereka boleh denda sebanyak RM1,000.00.

Yang kedua, kalau tidak ada tanpa kelulusan Pelan Bangunan, mereka boleh denda sebanyak RM25,000.00. Pada masa yang sama juga, Pejabat Tanah di mana PTD boleh mengambil tindakan kalau salah guna tanah rampasan boleh dilakukan dengan pengeluaran Notis 7A iaitu notis untuk memulihkan kegunaan asal tanah. So, selepas ini akan dikeluarkan Notis 8A untuk rampas tanah. So, pada masa yang sama Jabatan Alam Sekitar juga boleh ambil tindakan di mana tindakan boleh diambil adalah berdasarkan kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Antaranya adalah kesalahan di bawah Seksyen 34A Beroperasi Tanpa kelulusan. So kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014, kerana tidak memasang alat kawalan serta tidak memaklumkan Jabatan Alam Sekitar, permasalahan punca yang menyebabkan pencemaran udara kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling iaitu *Effluent Industry* 2009, jika *effluent* dilepaskan melebihi standard yang ditetapkan maka denda boleh diambil sebanyak RM100,000.00 dan juga penjara tidak lebih lima tahun. Ini tindakan yang kita boleh ambil terhadap kilang yang kita sita itu. So saya rasa kita memang tidak ada *compromise* tentang kilang ini.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tetapi sekarang masih ada juga bertimbun-timbun plastik. Kalau pergi di kawasan Ijok memang *obvious* lah ada bertimbun. Apa usaha kerajaan untuk mengalih plastik-plastik yang bertimbun sebab bukan saja memberi satu bahaya, mereka akan bakar dan juga ini tempat... apa, membiak nyamuk-nyamuk. Itu sebab di Ijok salah-satu kawasan wabak denggi. Jadi apa usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mengalih plastik-plastik yang ada di kawasan Ijok.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih. Plastik-plastik yang ditimbul itu boleh di... sepatutnya di, akan diambil oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal di bawah Pusat. Kita pun telahpun memberitahu Jabatan tu supaya mereka ambil alih plastik itu ke tempat lain. So kita memang telah buat di kawasan Klang dan juga Kuala Langat. So saya rasa Ijok saya akan bekerjasama dengan Majlis Daerah Kuala Selangor untuk pastikan tempat-tempat lokasi yang dikenalpasti dan kita akan beritahu JPSPN iaitu Jabatan Pelupusan Sisa Pepejal Negara untuk ambil tindakan selanjutnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sijangkang

**Y.B. DATO' DR.AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingat isu kitar semula plastik pembakaran plastik, sampah plastik, dia isu yang tak sudah-sudah yang telah kita bahaskan beberapa bulan yang lepas daripada Kuala Langat, Klang, Pelabuhan. Dan sekarang di Ijok. Dan... cuma saya ingin tahu setakat ini berapakah yang kita berjaya ambil tindakan, maksud saya berjaya sehingga peringkat Mahkamah, yang dikompaun, yang didenda, yang ditarik, yang dirampas tanah tu. Daripada hasil tindakan-tindakan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Saya tidak ada maklumat untuk masa ini ya. Kalau nak ambil statistik saya boleh bagi kemudian. So yang ini saya akan menjawab dengan bertulis. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan seterusnya soalan daripada Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Puan Timbalan Speaker, soalan saya Nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : PROJEK MRT 2 DI KAWASAN SERI KEMBANGAN**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek MRT 2 sekarang?
- b) Apakah projek penaiktarafan seperti pelebaran jalan, pembesaran longkang dan lain yang disyaratkan oleh pihak agensi kerajaan seperti MPSJ, JKR di kawasan Seri kembangan yang akan dilakukan oleh pihak MRT Corp setelah siap?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Timbalan Puan Speaker, Yang Berhormat Seri Kembangan bertanya apakah status projek MRT sekarang sekarang, MRT 2 sekarang. Sehingga bulan Jun tahun ini, Projek MRT 2 yang melalui jajaran Sg. Buloh, Serdang, Putra Jaya telah mencapai kemajuan kerja sebenar sebanyak 53.9%. Bagi keseluruhan projek berbanding kemajuan yang dirancang iaitu 50.9%. Manakala status bagi penyediaan infra adalah sebanyak 55.5% berbanding dengan 51.4% yang dirancang. Status kemajuan bagi penyediaan sistem adalah 40.6% berbanding 38.1% yang dirancang. Dan status bagi pembinaan bawah tanah ataupun underground sebanyak 54.7%. Kemajuan kerja keseluruhan ini menunjukkan pihak MRT dapat melaksanakan kerja-kerja dengan lancar dan telah melebihi sasaran yang dijadualkan. Tempoh projek MRT 2 dijangka siap masih kekal iaitu pada bulan Julai 2022.

Syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MPSJ dan JKR adalah pelebaran jalan besar Seri Kembangan, FT 3215 bermula dari Serdang, Kaliaman Temple ke Persimpangan Stesen UPMRT sehingga persimpangan Jalan Indah, Taman UST Indah dari satu lorong kepada dua lorong yang termasuk dalam skop pembinaan Stesen UPM MARDI. Di mana stesen ini akan siap dibina pada tahun 2022 serentak dengan kerja pelebaran tersebut.

Syarat lain adalah menaik taraf jalan utama Serdang Raya, Seri Kembangan yang akan dimulakan pada Ogos 2020 dan dijangka siap pada 2022 serentak dengan pembukaan jajaran dan stesen MRT 2. Bagi Jalan Raya 1 dan Jalan Raya 3 di kawasan Serdang Raya pihak MRT2 akan melaksanakan kerja membaiki pulih jalan dengan kaedah "melt and



### 31 JULAI 2019 (RABU)

paste” serentak dengan pembukaan jajaran dan stesen MRT 2 pada 2022. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan 22 Kota Anggerik. Tidak hadir. Seterusnya...

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Puan Timbalan Speaker...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jeram

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** 24 kurungan 2 saya mohon wakilkan kepada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Untuk makluman Jeram EXCO yang menjawab untuk soalan 22 juga sedang dalam perjalanan dan dalam keadaan “emergency”. Jadi kita “skip” soalan 22. Jadi kita teruskan kepada soalan 23 daripada Teratai. Silakan.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHUNG :** Puan Timbalan Speaker, soalan saya soalan 23.

#### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAI WAI CHONG (N22 TERATAI)

#### TAJUK : BANGUNAN TERBIAR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah dan contoh yang sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan isu tapak pembinaan, pusat beli-belah, kompleks terbiar di dalam Negeri Selangor?
- b) Adakah perancangan untuk mentransformasi bangunan komersial kepada rumah mampu milik atau SOHO dapat ditimbang oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Teratai. Soalan ni sebenarnya ada dua bahagian. Sebenarnya bahagian pertama tu bawah Yang Berhormat Kinrara tapi saya jawabkanlah. Bagi bahagian pertama berkaitan dengan langkah-langkah untuk mengatasi tapak-tapak pembinaan yang terbiar termasuk pusat membeli-belah, kompleks di Negeri Selangor. Di PBT memang tidak mempunyai kuasa untuk, dari segi perundangan untuk mengambil tindakan terhadap projek-projek terbengkalai secara spesifik, ya. Walau bagaimanapun, PBT boleh memantau dari segi tapak-tapak projek yang menimbulkan kacau-ganggu kepada sama ada masyarakat ataupun kawasan sekitar. Dan sudah tentulah ya, PBT juga telah menjalankan siasatan di tapak sama ada dia mempunyai tempat-tempat pembiakan nyamuk dan sebagainya.

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

Jadi bagi jawapan kepada bahagian kedua, berkaitan dengan rancangan untuk transformasi bangunan komersial kepada Rumah Mampu Milik ataupun SOHO, sama ada ini dapat dipertimbangan atau tidak, jadi untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri mempunyai Dasar dan Dasar ini tidak ada halangan seandainya bagi pihak Pemaju untuk menukar ataupun ialah meminda Bangunan Komersial itu kepada Pangsapuri Perkhidmatan (Service Apartment) ataupun SOHO. Hanya dia perlu, dari segi penggunaan tapak tanah ataupun syarat nyatanya masih komersial. Dua-dua tu adalah, maknanya komersial. Hanya dia perlu mengikut Dasar Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan dan “Boutique Office” yang telah di... yang telah digubal ya, oleh Negeri Selangor berkuatkuasa mulai 1 September 2016.

Sekiranya Bangunan Komersial itu dipinda kepada Rumah Mampu Milik pula, kategori penggunaan tanah perlu ditukar kepada Bangunan Kediaman. Dan ini perlu sejajar dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor yang kita telah kemas kini pada tahun 2018. Kita panggil Dasar Rumah Selangorku 2.0. Terima kasih.

**Y.B. PUAN MICHELE NG.MEI SZE :** Puan Timbalan Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batang Kali

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya nak tanya oleh kerana di kawasan saya juga terlalu banyak rumah-rumah terbiar, apa ni, kedai terbiar, sama ada Kerajaan Selangor ada satu perancangan untuk menyusun ataupun strategi untuk kita memulihkan mana-mana kawasan-kawasan ini, mengikut keadaan. Daripada kita hanya membiarkan kawasan tersebut digunakan untuk perkara-perkara yang tidak ni, so saya harap Kerajaan ada satu perancangan sama ada jangka pendek atau jangka panjang untuk memperbaiki keadaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Batang Kali, yang mengambil berat tentang rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan yang telah terbengkalai dari segi pembangunannya. Sebenarnya di peringkat Kerajaan Negeri kita memang ada jawatankuasa yang melihat kepada pemulihan projek terbengkalai ini, ya, kita panggil Jawatankuasa Projek Terbengkalai. Bagi melancarkan lagi ataupun mempercepatkan lagi proses pemulihan ini kita baru-baru ini telahpun mewujudkan Jawatankuasa yang serupa di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi ini kita harap dapat, apa tu, dipantau, ya, apa-apa pemajuan yang mendapat kelulusan. Yang pertama adalah memantau pemajuan ataupun pembangunan yang dapat kelulusan di peringkat PBT. Kedua, adalah juga menyediakan ataupun menyiapkan inventori projek-projek yang terbengkalailah, di dalam kawasan seliaan PBT tersebut. Jadi saya nampak ini langkah yang kita ambillah untuk mengatasi masalah projek-projek terbengkalai ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Subang Jaya

**Y.B. PUAN MICHELE NG. MEI SZE :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan tambahan. Berkenaan bangunan terbengkalai, saya nak tanya sama ada Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk semak semula undang-undang yang sedia ada untuk memberikan Kerajaan Negeri atau PBT kuasa untuk merampas tanah-tanah di mana terdapat bangunan terbengkalai, contohnya; dalam Subang Jaya terdapat satu

### 31 JULAI 2019 (RABU)

pembangunan di mana terbengkalai 30 tahun, air dah bertakung, dua orang dah lemas mati, tambah lagi ada nyamuk yang membiak, so ini telah menjadi isu yang sangat serius dalam kawasan tetapi tidak ada kerja sama daripada pihak Pemaju. Oleh itu isu itu telah tersekat macam itu saja untuk telah 30 tahun. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Subang Jaya. Sebenarnya kita tidak boleh, ialah, kaedah merampas tanah ini tidak boleh digunakan di dalam kesemua sebab dia ada berbagai sebenarnya, situasi yang agak kompleks juga. Sebab dia melibatkan, ada situasi melibatkan syarikat yang sudah digulung, kemudian diambil alih oleh “pelikuidasi”. Kemudian dia ada juga tapak-tapak yang sebenarnya ada pertikaian dari segi tuan punya tanah dan juga dalam syarikat ataupun pemaju tersebutlah, ya. Ada pertikaian. Jadi sebenarnya undang-undang yang sedia ada ini saya nampak boleh digunakan. Hanya dia mengambil proses, apa tu, perlu dipercepatkanlah sebab kita juga sebenarnya memaklumkan kepada Pihak Berkuasa yang terlibat terus setelah pemulihan projek ini, Projek Terbengkalai, supaya melihat ia sebagai satu projek yang bermasalah. Jadi mungkin syarat-syarat yang biasa digunakan untuk projek yang biasa tu tidak boleh dikenakan. Jadi itu kita nak nampak kelonggaran dari segi penguatkuasaan syarat-syarat yang dikenakan. Jadi itu. Hanya waktu sekarang di peringkat, apa tu, Persekutuan juga memantau projek-projek tersebut. Jadi kita ada dua senarai sebenarnya. Senarai di Peringkat Persekutuan juga di Peringkat Negeri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Nombor Satu 2019, semua peringkat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat semasa sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Nombor Satu, 2019. Dipersilakan.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Bismillahirrahmannirrahim, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya akan menjawab soalan pertama secara umum dahulu untuk memberi penjelasan tentang penjajaran semula IPR (Insentif Peduli Rakyat) ini, kemudian saya akan menjawab secara spesifik soalan-soalan yang belum terjawab dalam penjelasan ini. Hampir kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat bangun membahaskan isu penjajaran IPR ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian, untuk Bahagian Pertama ini, ya, kita sebagai Kerajaan bertanggungjawab, memanglah merangka satu program yang bersifat jangka panjang dan mampan atau *sustainable*, yang menjamin kelestarian pembangunan di Selangor dan juga kebajikan rakyat.

Kita bertanggungjawab untuk menyalurkan bantuan kepada penerima yang benar-benar layak dan memerlukan. Untuk makluman, Yang Berhormat sekalian, bila kita bercakap mengenai isu kebajikan, bukan sahaja ia nya terletak, sekarang ini di bawah Kerajaan

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

Negeri Selangor, kita dapati dan kita memang ada jabatan-jabatan lain, agensi-agensi lain juga yang turut terlibat di dalam menjaga kebajikan rakyat, dan tidak semestinya kesemua program yang ada di dalam Selangor ini, kita hanya melihat kepada Kerajaan Negeri, kita juga kena sedar bahawa kita ada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan pelbagai, dengan pelbagai bantuan-bantuan kepada rakyat. Kita juga ada zakat, ya, Jabatan Zakat Negeri Selangor, Lembaga Zakat Negeri Selangor, pelbagai program oleh masjid dan NGO-NGO. Ya, dan juga pelbagai program oleh Kerajaan Negeri Selangor sendiri yang telah, Yang Berhormat semua faham iaitu yang tersenarai dalam IPR ada 43 program, namun sebenarnya ada lagi program-program yang tidak tersenarai di bawah IPR tetapi menjadi program-program EXCO-EXCO Negeri.

Jadi dengan itu, saya ingin menjelaskan, tentang, kenapa dikatakan turun mendadak ya, dalam setengah-setengah program itu dan saya akan jelaskan setelah kita buat saringan dan setelah kita membuat silang semak ini. Soalan yang sering ditanya dan dibangkitkan adalah pertama dalam Program PSS (Peduli Sihat Selangor), ya, daripada keseluruhan, keseluruhan penerima sebelum ini ataupun penama yang mendapat kad Peduli Sihat Selangor, 392,798 orang. Setelah kita buat semak silang kita dapati bahawa, 113,231 orang pemegang kad, tidak pernah menggunakan kad Peduli Sihat mereka, dalam jangka masa dua tahun. Ya, tidak guna langsung, 113,231. Dan penerima yang meninggal dunia 10,363 orang dan bila disemak silang, bukan penerima eKasih atau BSH, 154,502 orang. Dan tidak menepati kriteria pendapatan maknanya RM2,000.00 ke atas ada 27,892 orang. Semua ini memberi jumlah kepada 392,798.

Setelah semak silang dilakukan, itu yang kita dapat, jumlah yang layak, ya, makna dia, sama ada mereka tersenarai dalam eKasih dan juga penerima BSH 2018, seramai 86,810 orang. Ya, namun disebabkan oleh sistem kuota menurut jumlah pengundi yang ada di DUN-DUN, itu yang kita dapat 64,988 orang.

Ada apa ni, ada terlebih layak melebihi kuota sebanyak, seramai 30,727 orang. Dalam 30,727 ini sudah dimasukkan dalam Kategori Khas. Ya, Kategori Khas, penerima kad Peduli Sihat Selangor adalah pada mulanya Kategori Khas ini adalah seramai 134,420 orang ya, ini semua pada awalnya tidak termasuk di mana-mana DUN, ini adalah golongan anak yatim, anak yatim KAFA, Ketua Kampung, MBI, OKU dan pelbagai lagi termasuk juga warga emas.

Setelah disemak silang, dalam kumpulan ini, kita ada yang layak 1056 sahaja, jadi ini pun telah dimasukkan di dalam jumlah yang melebihi kuota, dan InsyaAllah, mereka ini sudah kita masukkan di dalam senarai dan diluluskan tambahan untuk mereka terima.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Soalan, boleh mencelah. Terima kasih EXCO, sebenarnya saya pun rasa, agak terkilan juga, ini soalan yang selalu saya kemukakan, bahawa begitu jauh bezanya ya, 134,420 orang, tinggal bila disemak silang, tinggal 1056 orang. Masa dulu pemberian tu bagaimana kriteria dibuat, sampai sejauh ini ya, sampai dekat hampir 90%.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** OK saya jawab ya, saya jawab. Yang Berhormat Hulu Bernam, bila kita buat kategori ini dulu, kriteria kelayakan pada ketika itu untuk Peduli Sihat Selangor adalah RM3,000.00 dan ke bawah. Ya, itu sebabnya kita ada tidak menepati kriteria itu, ada yang menerima BSH tetapi pendapatan mereka

### 31 JULAI 2019 (RABU)

RM2,000.00 ke atas, mereka ini sudah terkeluar 27,000 orang. Bagaimana mereka diluluskan, semasa itulah sebab saya sebutkan, pada awal, pada awal dulu, semalam bahawa, masalah verifikasi yang dialami oleh ADUN-ADUN kita apabila, pemohon datang kepada mereka, mereka hanya perlu mengisi borang. Ya, pendapatan dan sebagainya dan sama ada mereka bermastautin ini hanya bergantung pada pengesahan daripada sama ada daripada Ketua Kampung, Ketua JMB, Persatuan-Persatuan Penduduk dan sebagainya. Jadi, ini adalah maklumat yang tidak dapat diverifikasi oleh ADUN dan mereka meluluskan kerana hanya dengan kriteria RM3,000.00 ke bawah.

Jadi bila, semak silang kali ini, kita hanya memakai RM2,00.00 ke bawah. Itu sebabnya, penurunan yang mendadak, jadi kita telah dalam, kalau kita tengok, ini kita tidaklah hendak menyalahkan sesiapa tetapi adalah kerana sistem kita yang tidak boleh di verifikasi. Bukan penerima BSH dan eKasih sahaja 154,502 orang. Maka ini adalah sebab, kita buat semak silang ini, dengan menggunakan piawai daripada eKasih dan juga dari BSH. Ya, yang boleh lebih dipercayai daripada pengakuan surat-surat permohonan itu sahaja.

Jadi, tujuan kita adalah untuk kita memberi kepada yang layak dan sekarang kita ada satu metodologi untuk memastikan mereka ini yang layak, yang mana terkeluar kita akan, InsyaAllah, mengusahakan supaya menerima RM2,000.00 pendapatan RM2,000.00 ke bawah ini, Insya Allah akan kita cuba memenuhi akan kelayakan ini.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Boleh mencelah? Sebenarnya, bila garisan pendapatan RM3,000.00 hari itu, sebab, kita tahu Selangor, dikatakan lebih maju daripada negeri-negeri lain. Tetapi kenapa, ditukarkan kepada RM2,000.00 sedangkan Menteri Besar berucap hari itu, mengatakan pendapatan kita dan rizab kita makin naik. Tapi, akhirnya rakyat yang rasa terperangkap dalam kes ini. Sebab perkara ini jangan diambil sambil lewa, sebab terlalu tinggi turunnya. Bukan setakat itu sahaja, mereka akan merasakan mereka dipergunakan.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** OK, saya jawab. Jadi sekarang ini, Yang Berhormat, dahulu RM3,000.00 kita terpaksa bergantung pada sistem eKasih dan juga kepada BSH. Kalau *cut off point* eKasih RM1,500.00 ke bawah, Kalau BSH RM2,000.00 dan RM4,000.00 ke bawah. Kita hendak guna satu piawai yang *standard*, satu instrumen, yang *standard* untuk di Selangor. Yang lepas-lepas kita ada, apa ini orang kata, *cut off* berlainan, untuk KISS RM2,000.00. untuk Peduli Sihat RM3,000.00. Ya, untuk air nanti RM4,000.00. Ya, jadi dia lain-lain, sekarang ini kita hendak di bawah IPR untuk KISS dan Peduli Sihat, kita hendak letak pada RM2,000.00 dulu.

Ya, supaya kita boleh mampan, kita boleh *sustainable* perkara ini. Ya, setiap program bergantung pada pendapatan kerajaan, kita tidak boleh menjanjikan lepas ini, kita hendak betulkan perkara ini supaya kita boleh sambung, kalau kita letak RM3,000.00 dan tidak buat saringan kita mempunyai jumlah yang lebih tinggi. Ya, itu jawapan saya, saya tidak mahu bertengkar lagi dengan

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Yang Berhormat EXCO, sikit sahajalah, jadi jelaslah masa buat keputusan itu, dibuat tangkap muat sahajalah.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Itu, adalah, jangan cakap tangkap muat.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Ya lah, sebab main apa aja, semua ambil, sebab sampai ke tahap melebihi.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat, itu adalah tuduhan, bukan tangkap muat, kriteria, kriteria yang perlu kita, kriteria dan kemudian verifikasi yang perlu kita, kita semak semula, tidak ada satu perkara yang kita buat hari ini, dia akan selama-lamanya begitu. Lepas ini, kita tengok dan semak balik, sekiranya pendapatan negeri bertambah dan sebagainya mungkin akan dipertingkatkan semula.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Bernam, boleh duduk sebentar, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Terima kasih. Sikit sahaja, maksud tidak dikaji selidik, yang benar, yang tepatlah sebelum ini ya. Itu yang sebenarnya, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat Hulu Bernam, nawaitunya itu yang penting, bila kita tidak mampu, kita mengakulah kita tidak mampu. Adakah sekarang ini, kita nak seluk duit kita biar terceruk orang kata, orang Kedah kata ceruk. Tak cukup duit hendak bagi juga, hendak buat satu perkara yang kita tidak mampu. Nanti kita berhutang, nanti kita defisit, kalau defisit pun Sungai Air Tawar akan marah juga. Kita sebenarnya cuba untuk memenuhi keperluan rakyat mengikut kemampuan kita.

Hari tu kata populis, bila kita hendak turunkan, kata pula, kita tidak prihatin kepada rakyat. Kita tidak hendaklah nanti jadi macam nanti 1MD, seluk duit KWAP, lepas tu ambil pula duit terceruk, duit Tabung Haji, hanya untuk apa, popular. Naik Sheikh. Baik.

Saya ingin, juga menerangkan mengenai KISS, supaya Yang Berhormat faham, kita tidak membuat sesuatu, apa ni orang kata, semakan dan sebagainya adalah supaya kita boleh memenuhi untuk betul-betul membantu yang perlu, yang layak dan memerlukan. Rakyat kita pun, kita panggil *streetwise*, *smart*. Kalau kita tengok balik, borang-borang, borang permohonan, kadang-kadang letak nama isteri, suami tak letak, kemudian buat laporan polis, kata ditinggalkan suami dan sebagainya. Jadi perkara-perkara yang kita tidak boleh verifikasi Yang Berhormat. Kita cuba buat yang terbaik.

Untuk KISS pula, saya ingin mengatakan bahawa, memang kita bermula dengan sepanjang 2018, 39,953 pemohon keseluruhannya, serupa juga, permohonannya serupa juga, isi borang, tanpa verifikasi. Setengah-setengah ADUN buat verifikasi, tapi kita tidak mampu dan pada akhir 2018, banyak borang-borang kita terima di semua Pejabat DUN, yang tidak dapat diproseskan kerana kita sudah membelanjakan RM96 Juta untuk KISS ini.

Ya, jadi bila kita buat semak silang, kita kata kita ambil kriteria kita RM2,000.00 dan buat semak silang semula. Maka dari situ kita, melihat bahawa, yang meninggal dunia hanya 44, yang bukan penerima BSH, eKasih, yang bukan miskin tegar atau pun miskin adalah 25,019 orang.

Ya, tidak menepati kriteria pendapatan, makna lebih daripada RM2,000.00 adalah 1,938 orang. Jadi setelah kita sebut tadi, saya sebut kuota yang disebut pada awal tadi, maka

### 31 JULAI 2019 (RABU)

kita ada kuota 19,991 orang hampir 20,000. Ya, dan terkeluar daripada kuota ini, 1,312 orang.

Saya telah jelaskan bahawa, ya, 1312 ini sebenarnya secara dasarnya MMKN sudah setuju untuk kita masukkan kembali dalam senarai KISS ini. Ia maknanya dia, yang mana layak ia, yang mana layak walaupun terkeluar daripada kuota yang layak 11,462 orang. Yang telah diteruskan campur 1000... 1 ribu... maaf... ia, 1,312 orang, akan diteruskan, apa ni penerimaan KISS mereka, ia. (ketuk meja) Ini adalah data untuk KISS... Jadi... Yang Berhormat sekalian, itu adalah untuk menerangkan bagaimana jumlah ini berubah... ia, bagaimana jumlah ini berubah apa-apa instrumen yang kita pakai untuk memastikan yang kita terima ini yang permohonan kita terima layak, dan sekarang Yang Berhormat semua, yang mana ada kuota baki kuota nya, boleh menerima permohonan-permohonan baharu. Ia boleh menerima permohonan baharu. Kalau sebelum ini, kalau kita tidak buat semak silang, makna 44 ribu itu lah yang akan dapat sampai bila-bila. Ia tidak ada kemasukan baharu kerana peruntukkan tidak, tidak boleh tambah lagi di situ ia. Baik seterusnya saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang secara ringkas mudah saya jawab, jadi saya jawab sekarang. Ada Yang terhormat Banting bertanya mengenai SMART IPR, untuk makluman Banting, SMART IPR di dalam proses. Saya dimaklumkan bahawa akhir tahun ini SMART IPR itu akan siap. Di mana kita akan gabungkan semua data-data yang kita ada, daripada program-program IPR itu ia, sekarang ini dalam proses belum tamat. Cuma, SMART IPR ini tidak termasuk data daripada Lembaga Zakat ia. Lembaga Zakat tidak ada, jadi dia mungkin tidak menyeluruh kerana Lembaga Zakat itu adalah data yang lain yang bukan di bawah... bawah penguasaan kita. Perkara dibangkitkan lagi satu ialah petugas eKasih yang tak mencukupi di Pejabat-Pejabat Daerah. Alhamdulillah, negeri... MMKN telah meluluskan setiap DUN akan ada seorang pegawai eKasih, untuk membuat verifikasi. Dan pegawai ini bukan kita yang lantik tetapi akan dilantik oleh ICU dan satu peruntukan 800 ribu lebih akan diberi kepada ICU untuk melaksanakan penambahan apa ini, petugas-petugas eKasih ini, kerana mereka kena melatih dan juga mereka yang akan menguruskan bayaran elaunan sebagainya. Jadi ini adalah untuk memastikan supaya mereka yang memohon dan layak, cepat dibuat verifikasi dan saya percaya dalam masa yang singkat kalau kita ada seorang pegawai eKasih di setiap DUN. Kita boleh membuat verifikasi dengan cepat...

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Saya ikuti dengan cermat jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh EXCO, termasuk dalam soal semak silang. Yang dibentangkan tadi dan kita ikuti bahawa begitu ramai juga penerima-penerima yang *drop out* ataupun terkeluar daripada senarai penerima manfaat bagi program-program ini. Namun sebagai mana yang juga dibangkitkan dalam soal SMART IPR dan sebagainya. Saya kira kita juga harus melihat semula mekanisme Kerajaan Negeri. Khususnya untuk memaklumkan kepada mereka-mereka yang menerima manfaat sebelum ini, tetapi sekarang dia tidak lagi menerima manfaat. Sebab ini masalah yang berlaku, khususnya di pusat-pusat khidmat kita. Kita bukan sahaja terpaksa melayani mereka yang datang untuk daftar, permohonan yang baharu, tetapi kita terpaksa melayani mereka-mereka yang hadir dan bertanyakan tentang status mereka. Ini masalah sebab kalau dalam seminggu ada

### 31 JULAI 2019 (RABU)

tujuh hari, dia datang ke pejabat kita tu 14 hari purata dia satu hari dua kali dia datang. Pagi dia datang, petang pun dia datang tanya dia masih layak ataupun tidak. Jadi ini menjadi masalah kepada kita untuk kita untuk menjawab kerana kita juga tidak tahu tentang status mereka ini dan kalau kita boleh jawab pun kita boleh lihat satu per satu. Jadi saya mintak kalau Kerajaan Negeri ada satu mekanisme supaya kita dapat keluarkan mungkin satu surat, pemakluman kepada mereka ini. Mengapa mereka tidak layak lagi untuk menerima manfaat ini, jadi saya kira ia juga akan membantu ADUN-ADUN kita juga, meredakan sedikit kemarahan yang mungkin timbul di peringkat mereka yang sebelum ini menerima manfaat tetapi sekarang ini tidak lagi menerima manfaat yang di peruntukkan oleh Kerajaan Negeri. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia, betul, buat masa sekarang kita memang boleh menyemak di PKM-PKM, tetapi kita juga boleh memanggil pada *line Selcare*. Cuma masalah di dalam sebulan lebih kebelakangan ini, oleh kerana penurunan yang dikatakan tadi mendadak itu, *Selcare* menerima terlalu banyak panggilan. Selepas ini, *Selcare* telah menambah sebenarnya petugas-petugas untuk menjawab panggilan telefon. Saya akan sampaikan dan arahkan *Selcare* untuk menghantar surat kepada mereka-mereka yang tidak layak. Tetapi kerana kita masih dalam proses pengemaskinian ini. Kita tidak mahu bagi terlalu awal nanti potong siap semua kad tiba-tiba esok layak minta kemudian hendak buat kad semula ia. Jadi inilah kita agak berhati-hati ia dan saya kira saya akan minta *Selcare* untuk paparkan di *website*, makna dia ada nombor i.c ada nombor kad pengenalan, mereka boleh tahu sama ada mereka diteruskan ataupun statusnya sedang disemak ia, *insyaallah...* terima kasih Yang Berhormat. Baik, seterusnya saya akan... apa... mengenai KISS tadi ia... saya ingat saya... jelaskan yang tercicir yang tadi banyak kali disebut tercicir-tercicir, tercicir itu, yang dikeluarkan adalah mereka yang tidak layak. Kalau hendak kata tercicir saya adalah mereka-mereka yang layak, tetapi terkeluar daripada kuota, yang ini yang kita akan usahakan untuk masuk balik ke dalam untuk meneruskan penerimaan, daripada KISS... KISS ini. Ia, yang melebihi kuota, tidak sampai hanya 1300 lebih sahaja saya sebut tadi, dan sudah dipertimbangkan dalam MMKN, Yang Berhormat Sg. Air Tawar ada bertanya mengenai *Work From Home* ia yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan. Bajet tahun lepas... *Work From Home* ini adalah program baharu dan kita di dalam peringkat perintis, merintis perintis jadi setakat ini kita belum keluarkan mana-mana daripada penerima KISS hanya kerana mereka menyertai *Work From Home*. Kita telah melakukan satu program perintis tahun lepas yang melibatkan lebih kurang 87 orang. Penerima KISS ia, lima a 87 penerima KISS. Ia, dan ini saya belum cerita lagi tentang... kejam, dan setakat ini kita belum keluarkan mereka ia kecuali kalau setelah dibuat semak silang, mereka ini memang tidak layak terkeluar daripada semak silang maka mereka dikeluarkan bukan kerana pendapatan mereka sudah melebihi... melebihi RM2000.00, tetapi kerana mereka tidak layak ia dan apa ini, untuk makluman semua memang sebelum ini, baik Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri pun banyak mendanakan program-program untuk usahawan. Kita kena ingat kumpulan daripada pendapatan rendah ini, tidak semestinya semua mereka yang kita latih akan menjadi usahawan itu sebabnya sistem yang hendak kita, laksanakan adalah sistem mentor dan *mentee* yang sebahagian daripada telah dimulakan oleh program di bawah EXCO. Usahawanan, keusahawanan baik itu daripada *zero to A.. hero* ia. Walau bagaimanapun kita perlu menapis kerana *Work From*



### 31 JULAI 2019 (RABU)

Home melibatkan wanita-wanita, atau ibu-ibu yang tidak boleh keluar daripada rumah untuk bekerja, kerana perlu menjaga anak mereka.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih bagi saya peluang kedua, Cuma saya hendak mencelah sedikit Yang Berhormat Speaker, tadi Dewan di fahamkan bahawa setiap Pejabat ADUN akan diletakkan seorang pegawai eKasih so mungkin juga boleh dimaklumkan kepada Dewan ini bila agaknya, pegawai itu hendak diletakkan dan mungkin juga mereka ini boleh dilatih untuk menjawab sedikit soalan-soalan yang banyak dikenakan ke Pejabat ADUN ini. Berhubung dengan IPR. Terima Kasih.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat , Banting silap dengar kot. Saya kata setiap, maaf Batang Kali, minta maaf... minta maaf... Batang Kali satu Pegawai Petugas Khas di DUN bukan ditempatkan di Pejabat DUN. Mereka tidak ditempatkan di Pejabat DUN, mereka di bawah ICU, saya tidak tahu lagi di mana mereka ditempatkan, tetapi besar kemungkinan di Pejabat Daerah lah. Ia, dan mereka inilah yang akan, membuat verifikasi tersebut. Jadi, mereka bukan *staff* tambahan kepada Pejabat DUN... mereka bukan, so jadi itulah... jelas ia Yang Berhormat Batang Kali ia, bila kita kena tunggu ICU memberi jawapannya. Sebab mereka perlu dilatih Yang Berhormat, mereka perlu dilatih macam mana hendak mengisi borang 25 muka surat, bila mereka membuat verifikasi itu, ia dan kemudian bagaimana secara objektif, sama ada ini miskin tegar atau miskin atau terkeluar daripada a dua kategori ini, ia. Saya tadi tengah menjawab tentang...

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Tuan Speaker, berkenaan dengan eKasih. Pelabuhan Klang.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Mohon daripada pihak Kerajaan Negeri memang pemohon-pemohon ekasih ataupun pengemaskinian yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap pemegang-pemegang kad Kasih ibu, Smart Selangor dan juga Peduli Sihat ini. Boleh tidak sebelum diumumkan, siapa yang layak selepas di verifikasi oleh a pihak eKasih maklumkan dulu kepada pihak DUN untuk semakan yang seterusnya sebelum diumumkan siapa yang benar-benar layak, sebab ada, aduan yang kita terima. Mereka ini tidak layak tetapi telah diberikan kelayakkan oleh, Pihak eKasih, jadi ini yang menimbulkan tanda tanya dan perbalahan di bawah.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat, saya ingat kita tidak boleh mengeluarkan sendiri begitu, bila eKasih dengan BSH telah meletakkan mereka di bawah golongan 2000 pendapatan, isi rumah 2000 ke bawah. Sekiranya mereka ada di dalam senarai itu dan juga menerima Peduli kad Peduli Sihat Selangor dan juga KISS dan daripada siasatan Yang Berhormat, bahawa mereka ini tidak layak, Kuala Kubu Baharu telah *advance* dalam perkara ini. Mereka telah membuat, *one by one*, satu demi satu siasatan dan telah mengemukakan nama-nama mereka yang dikatakan ada eKasih tetapi daripada siasatan mereka, mereka ini bukan tergolong daripada golongan eKasih, *Insyaa Allah* kalau Yang Berhormat, boleh melakukan begitu mereka-mereka, yang

### 31 JULAI 2019 (RABU)

dikatakan dalam eKasih tetapi sebenarnya, tidak sepatutnya berada di dalam senarai eKasih itu, kerana kita akan minta ICU buat verifikasi semula. ok..

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Boleh.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat Balakong, ada menyebutkan tentang ibu tunggal, sebenarnya ibu tunggal ibu yang tidak berkahwin pun...

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Sudah masuk di dalam senarai ibu tunggal.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Boleh. Puan Speaker..

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Hendak minta mencelah sedikit daripada EXCO, bermakna pada masa ini, Kerajaan Negeri ada satu pangkalan data tersendiri, kemudian kita membuat silang semak dengan eKasih untuk bangunkan satu *database*, tadi kefahaman saya bila ada seorang pegawai daripada di bawah.. ICU diletakkan sebagai Pegawai eKasih juga ataupun macam mana?

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Jelaskan, sekarang ini, maklumat yang kita ada, adalah maklumat yang sedia ada eKasih dan juga BSH ia daripada bawah Kerajaan Pusat. Apa yang berlaku adalah semua penerima KISS, semua penerima bantuan, ini Peduli Sihat Selangor. Kita bagi nama mereka, semua data ini kepada ICU, dan ICU akan bawa kepada LHDN dan juga mereka akan buat semak silang, dan kita dapat balik nama, nama-nama mereka yang ada di dalam eKasih dan BSH. Jadi, nama inilah yang kembali kepada kita dan apa yang kita buat, apa ini, bahagian maklumat kita, dan *Selcare* hanya masukkan di bawah DUN-DUN tertentu. Ia jadi mana-mana yang.. yang.. yang tidak ada dalam itu makna mereka tidak, tidak menerima, tidak diteruskan program ini.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Soalan.. soalan.. mencelah sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Ok. Silakan Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Cuma hendak jelaskan Yang Berhormat EXCO, hendak tanya sedikit, adakah sekarang yang... dapat nikmati KISS ini, adalah bawah eKasih dan BSH.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ya betul. Itu yang saya (ketawa), saya dah beberapa...

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Tapi bila ada penerima KISS ini datang ke Pusat Khidmat saya dia pandu Vellfire. Adakah eKasih ini betul ke tidak? Itu yang kita syaki sekarang.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok ok (ketawa). Inilah yang saya sebut tadi ya. Pihak yang membuat senarai eKasih memasukkan eKasih adalah pegawai daripada Pejabat Daerah yang dilantik oleh ICU. Maklumat kita ada maklumat 2018 ya dan maklumat ini lah yang kita guna sekarang tadi Yang Berhormat Pelabuhan Klang telah membangkitkan tentang ada orang yang tersenarai dalam eKasih tapi dia dapat KISS, dia dapat Peduli Sihat Selangor dia dapat tapi kita mempertikaikan macam mana dia boleh duduk di dalam eKasih? Ya sama ada, ada bagi saya sebut kecurangan ataupun penyelewengan masa memasukkan di dalam eKasih itu bukan tanggungjawab kita tetapi sekarang ini saya minta Pihak Yang Berhormat Sekalian kalau ada kes-kes begitu tulis surat kepada saya. Tulis surat dan kita boleh buat verifikasi semula dan sekiranya benar dia tidak layak kita akan keluarkan dan kita akan keluarkan daripada senarai KISS dan juga daripada penerimaan Peduli Sihat Selangor ya Yang Berhormat. Itu sebab kita kata penyemak, kemas kini kita ini tidak berhenti di sini sahaja Yang Berhormat ya in syaa Allah sampai selesai semua orang rasa layak ya dan kita dah ada verifikasi baru lah kita rasa lega yang menerimanya adalah orang-orang yang betul-betul layak terima. Boleh ya Yang Berhormat jawapan itu.

Ya kita tidak tutup ya, *i know*, saya tahu ia adalah kerja lebih sikit kepada Yang Berhormat tetapi ini adalah untuk memastikan yang betul-betul layak menerima ya memang saya juga dapat laporan ya sebab dulu e-Kasih kebanyakannya adalah di luar bandar ya di luar bandar dan memang tidak semua orang diunjukkan sebagai pemohon eKasih dia berlaku di atas rekomendasi ya pihak-pihak tertentu ya sementara itu eKasih tidak berapa popular di kawasan bandar ya hanya kawasan-kawasan kampung, jadi itu sebabnya kita ada BSH untuk menampung di segi semak silang jadi mereka-mereka yang tinggal di pangsapuri yang tinggal di kawasan bandar yang tidak ada akses kepada permohonan e-Kasih mereka ada akses kepada permohonan BSH ya.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Soalan tambahan.  
Pencerahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Timbalan Speaker atas ruang yang diberikan. Ini soalan khusus berkenaan dengan DUN Sungai Kandis. Saya menerima maklumat bahawa penerima KISS di DUN Sungai Kandis 73% penerimanya adalah bukan Melayu sedangkan pengundi di tempat saya ini 70% adalah Melayu jadi apa mekanisme pemilihan tersebut. Mohon pencerahan.

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Saya sebut begini, dia kalau kita lihat macam Pelabuhan Klang dia ada dekat dua ribu penerima e-Kasih ya DUN Seri Serdang pula tidak sampai 500, tak penuh. Dia bergantung kepada keaktifan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mencari orang-orang yang dia rasa layak dan untuk daftarkan ya jadi masa sebelum ini tidak ada apa ni semak silang ya jadi borang yang diisi itu dengan kriteria-kriteria apa ni kelayakan-kelayakan itu, itu lah yang di *scan* dan kemudian di hantar kepada *selcare* dan berdasarkan kriteria itu dan apa ni tandatangan daripada Yang Berhormat DUN masing-masing maka mereka mendapat KISS. Jadi soal Sungai Kandis mendapat ramai nya pengundi Melayu tetapi yang dapat ramai bukan pengundi Melayu saya dulu jaga Parlimen Kota Raja

### 31 JULAI 2019 (RABU)

memang kawasan itu 28% sahaja orang India, 23% orang Cina dan Melayu 40 tak sampai 50% sudah. Jadi saya rasa tidak menghairankan Yang Berhormat sebab memang kawasan itu ramai bukan Melayu tapi sekiranya mereka layak kita tidak boleh menafikan ya kalau mereka layak tidak boleh kita menafikan sebab kita tidak ada kuota bangsa. Kita tidak ada kuota bangsa untuk kita meluluskan perkara ini ya Yang Berhormat. Kalau ada lagi yang layak, Yang Berhormat buat permohonan aje lah nanti.

Tadi saya rasa terganggu sikit (ketawa) masa saya tengah menjawab tadi ada *Work From Home* ya *Work From Home* ini ya tadi saya sebut kita cuba dengan satu kumpulan lebih kurang 100 orang yang datang 80 lebih untuk mengikuti kursus dan kemudian kita jalani kursus mereka dan kontrak kita dengan apa ni pihak yang memberi kursus ini adalah supaya mereka boleh memberi kerja kepada golongan ini dan di dalam congakkan kita kerja-kerja ini mesti boleh dilakukan di rumah kerana mereka tidak boleh keluar rumah, itu sebabnya mereka berada di dalam lingkungan kemiskinan itu kerana ada anak-anak yang hendak dijaga. Kalau wanita, isteri keluar rumah maka kos untuk menghantar anak, penjagaan anak itu lebih tinggi jadi mereka duduk di rumah, jadi kerja yang kita hendak pilih mesti lah kerja yang boleh dilakukan di rumah. Jadi kita di dalam peringkat merintis. Ada beberapa lagi program yang akan kita laksanakan pada tahun ini untuk melihat keberjayaan program *Work From Home* ini.

Baik. Seterusnya saya ingin ke, saya ingat saya dah jawab kes tadi semua dah habis. As Skim Peduli Sihat Selangor juga saya sudah jawab dengan habis tapi ada soalan yang bertanya mengenai Skim Peduli Sihat Selangor ini berapa jumlah nya dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Sekalian, yang mungkin ADUN kali pertama kali ini, peruntukan awal untuk Peduli Sihat Selangor pada tahun 2017 sebenarnya adalah 125 juta ya tetapi pada tahun 2017 yang memohon ya ataupun yang dapat dan peruntukan dikeluarkannya hanya 11 juta, 11.330 ribu sahaja. Pada 2018 permohonan meningkat namun masih lagi 41 juta 490 ribu. Masuk 2019 peningkatan inilah yang mendadak ya untuk Peduli Sihat Selangor ini penggunaannya. Pada peringkat awal yang tadi saya bacakan ramai yang dapat tapi tak guna. Sama ada mereka tidak memerlukan, tidak perlu pergi ke klinik ataupun memang tidak mampu, memang mampu untuk mereka pergi ataupun mereka menggunakan khidmat Klinik Kesihatan Kerajaan ya.

Jadi untuk makluman semua, dalam tahun 2019 peruntukan ini sudah turun lah ya kepada 10 ribu habis di pakai dan kemudian sudah ditambah ya dan kini kita minta lagi untuk kita teruskan program ini pada 2019 jadi saya cuma nak memberi ingatan kepada Yang Berhormat semua, Skim Peduli Sihat Selangor ini bukan lah satu-satu skim yang rakyat boleh dapat rawatan, kita ada klinik-klinik kesihatan, kita ada hospital-hospital di seluruh Negeri Selangor.

Jadi pada awalnya Skim Peduli Sihat Selangor ini adalah untuk program pencegahan. Mengharapkan rakyat pergi ke klinik untuk buat pemeriksaan gula darah, tekanan darah, kolesterol dan sebagainya dan kemudian sekiranya ya didapati, di peringkat yang dikhuatiri mendapat penyakit-penyakit bukan berjangkit maka seterusnya diteruskan apa ni rawatan yang nya itu di klinik-klinik biasa. Klinik-klinik Kerajaan, klinik-klinik Kesihatan, KKM dan sebagainya. Jadi bila maklum balas yang kita dapat bahawa sekarang sakit tidak ada kad Peduli Sihat ini kita tidak boleh pergi mendapat rawatan, ini adalah satu perkara yang rasa saya tidak benar dan tidak betul kerana kita ada klinik-klinik lain tidak sepatutnya orang

### 31 JULAI 2019 (RABU)

tidak pergi dapat rawatan hanya kerana tidak ada kad Peduli Sihat Selangor ya kita ada klinik komuniti sekarang yang dulu dikenali sebagai Klinik Satu Malaysia. Kita ada klinik-klinik kesihatan. Kita ada hospital-hospital ya di Selangor yang boleh kita dapatkan rawatan.

Jadi malah dalam tinjauan saya bila saya turun ke hospital-hospital. Hospital seperti Tengku Ampuan Jemaah di Sabak Bernam. Hospital Tanjung Karang. Dia punya *bed occupancy* tak sampai 50% dan klinik dia tidak sibuk. Namun klinik-klinik panel yang berdaftar dengan *Selcare* hampir lebih daripada semua kesemua mereka mempunyai pesakit lebih 50% daripada pesakit mereka datang daripada kad Peduli Sihat. Penerima kad Peduli Sihat. Ini menunjukkan bahawa walaupun ada apa ni perkhidmatan-perkhidmatan percuma di dalam kawasan mereka rakyat masih bila dia pegang kad Peduli Sihat dia masih nak pergi ke klinik-klinik panel ya, ini adalah maklumat yang ada dengan saya.

Jadi untuk makluman juga bukan sahaja kita ada Peduli Sihat Selangor, kita juga ada bantuan Sihat Selangor. Ramai Yang Berhormat ADUN tidak menggunakan perkara ini untuk mendapatkan bantuan kepada mereka yang berpenyakit kronik. Yang paling banyak, yang kita terima adalah penyakit mereka yang menjalani dialisis mereka perlu tambahan kepada bayaran dialisis tetapi kita juga ada untuk kanta, untuk apa ni bila dia buat *operation* katarak, untuk apa ni kakitangan palsu, organ palsu dan sebagainya. Boleh mohon ya dan juga ramai juga pesakit terlantar yang menggunakan untuk dapat pampers, untuk dapat susu dan sebagainya.

Mungkin ini tidak dilakukan oleh pejabat-pejabat Yang Berhormat ya kalau ada pesakit-pesakit yang macam itu boleh sekarang ini maksimum dia RM2,000 boleh terima untuk tapi kita tidak bagi kepada pesakit kita bayar kepada pembekal-pembekal kepada perkara-perkara ini.

Dia ada lagi dan kalau ikut dari segi kesihatan Peduli Sihat Jantung yang kita beri kepada pemegang Kad Pemegang Sihat Selangor dan hingga ke pendapatan RM8,000.00 ada ruang untuk rakyat mendapat apa ni bantuan daripada Kerajaan Selangor ya tapi saya tidak akan bentang bukan sebab ini tidak termasuk di dalam IPR ya.

Baik, akhir sekali saya ingat ialah Skim Mesra Usia Emas. Sungai Air Tawar bertanya, tentang pendaftaran yang berdaftar. Yang Berdaftar adalah 314 ribu ya dan penerima semenjak 2008 khairat kematian ini adalah 106 ribu 12 orang berjumlah RM265 juta ya dan masa ini, ini adalah khairat kematian sebelum 1 Mei dulu ini lah bayaran yang telah dikeluarkan. Kalau kita ingat Skim Mesra Usia Emas ini sekali orang dengar dia adalah untuk warga emas tetapi bila di sebaliknya adalah khairat kematian. Bagi saya daripada mula pun saya merasakan bahawa *it is misnomer* ada salah silap panggil dia bukan Skim Mesra Usia Emas sebab warga emas dah meninggal, dia tidak dapat apa-apa faedah dan kemudian ialah khairat kematian kepada keluarganya ya dan untuk makluman semua khairat kematian ini banyak dan ada daripada SOCSO, KWSP, masjid dan surau pun ada khairat kematian.

Dan saya ingin mencadangkan bahawa Yang Berhormat boleh mengeluarkan daripada peruntukan masing-masing untuk membantu keluarga yang betul-betul memerlukan. Kalau dulu SMUE kita bagi kepada semua warga emas tanpa mengira status sosio ekonomi dia.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Makna yang kaya, yang miskin semua dapat ya jadi sekarang ini Skim Mesra Usia Emas masih kepada semua orang ya tetapi dalam bentuk mereka dapat semasa mereka masih hidup ya. Warga emas di Negeri Selangor yang berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas sekarang ini tinggal 204,679 maknanya mereka ini semua layak dapat. RM100 setahun ya Jom *Shopping* dan kalau mereka semua daftar jumlah warga emas di Negeri Selangor pada 2018 statistiknya adalah 518,900 orang maknanya kita perlu menyediakan 50 juta lebih untuk kumpulan ini. Tahun ini tahun 2019, jumlah warga emas mengikut statistik di Negeri Selangor adalah 595 ribu orang. Makna dia juga bertambah, jadi hendak kata kerajaan menyelamatkan banyak kewangan kerana kita tidak melakukan lagi khairat kematian adalah tidak benar kerana kita ada 500 ribu lebih yang akan menerima RM100.00 seorang.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L GEORGE :** Mohon penjelasan, Puan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L GEORGE :** Berkenaan dengan berapa lama gerak kerja yang akan diperlukan untuk menyiapkan mekanisme yang baru ini? Yang kedua ialah berkenaan dengan Skim Mesra Usia Emas ini atau pun program-program yang akan diubah. Bolehkah kita bagi notis, baik mungkin enam bulan untuk program ini akan digubal semula dan diberi notis kepada semua pemegang kad KISS terutamanya supaya mereka pun bersedia dan tahu berkenaan apa yang akan dirancang oleh Kerajaan Negeri, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Saya dah terangkan tadi yang program kita mengemas kini ini, mungkin mengambil masa beberapa bulan lagi. Saya bagi *target* akhir tahun ini supaya kita selesai pengemaskinian ini. Bagi KISS ini, kita telah war-warkan agak awal dulu. Yang kita tengah mengemas kini dan sebagainya. Dan Yang Berhormat sekalian pun bolehlah letak notis dekat PK masing-masing ya untuk mengatakan bahawa tengah kemas kini. Jadi bagi saya kalau kita hendak hantar surat ya untuk kemas kini itu, kita boleh lakukan tetapi kalau kita oleh sebab perubahan alamat dan sebagainya, saya masih ada kad-kad Peduli Sihat yang tak dapat disampaikan kerana bertukar alamat dan sebagainya. Tapi kalau Yang Berhormat semua mahukan perkara ini saya takut *is under productive work*, itu sahaja. Ya, mereka boleh *check* dengan SELCARE tentang status mereka. Dan mereka sendiri pun patut tahu sebenarnya bila kita buat semak ini, tak boleh lari daripada kalau pendapatan yang lebih daripada RM2,000.00 ya, LHDN menyalurkan maklumat ini kepada 18 jabatan. Kalau ada sesiapa yang ambil *loan* kereta, RM100 ribu ke atas, keluar dia akan dikeluarkan daripada situ.

Baik Skim Mesra Usia Emas ini saya ingat saya dah jawab kesemuanya. Skim Mesra Usia Emas, kalau ada lagi pun hanyalah secara cepat. Bukit Lanjan, Kuala Kubu Baharu, Yang Berhormat Sijangkang bangkit isu kriteria penerima bantuan KISS dan Skim Peduli Sihat. Dan saya ingat saya dah jawab tadi, semua ini secara umum ya. Semuanya saya dah jawab semuanya tadi ya. Dan kemudian ada cadangan supaya jumlah kredit dalam kad KISS untuk diturunkan daripada RM200.00 ke RM150.00 oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu akan kita bincangkan dan pertimbangkan. Sijangkang juga dan Meru bertanyakan mengenai penyelesaian sistem semakan penerima selepas proses penjajaran. Ini pun saya telah jawab tadi, saya minta maaf bagi pihak SELCARE kerana berlaku kesesakan panggilan telefon semasa program penjajaran dan mereka memang tidak dapat menjawab semua panggilan. Dan sekarang mereka telah menambah kakitangan pusat panggilan dan

### 31 JULAI 2019 (RABU)

masa yang sama telah menaik taraf sistem pusat panggilan bagi menampung peningkatan drastik jumlah panggilan yang diterima. Ini pun saya sudah jawab, Yang Berhormat Bukit Lanjan, Banting, Sijangkang dan Meru mencadangkan pasukan khas bantuan untuk pihak ICU menjalankan proses verifikasi. Saya telah *confirm* tadi 56 orang dan seorang setiap DUN akan menerima satu orang pegawai semakan atau pun dari spesifikasi KISS ini ya. Dan saya ingat setakat itu sahaja Yang Berhormat sekalian, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersilakan Yang Amat Berhormat Sungai Tua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang telah membangkitkan khususnya ketika membahaskan Rang Undang-undang atau pun Tambahan Belanjawan yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan di hari pertama sidang kita. Dan pada sesi ini, Kerajaan telah menyasarkan untuk menambah sekitar RM123 juta kepada peruntukkan-peruntukkan sedia ada iaitu untuk pembelian Air Percuma untuk Kasih Ibu Smart Selangor. Untuk Skim Peduli Sihat dan untuk Skim Mesra Usia Emas yang keseluruhannya bernilai RM123 juta.

Jadi saya ingin menjawab beberapa ulasan dan juga beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan. Terutamanya daripada Sungai Air Tawar dan beberapa Ahli Dewan yang lain. Iaitu berkenaan dengan kebimbangan Ahli Dewan berkenaan dengan defisit yang akan semakin melebar dengan pertambahan bajet atau pun belanjawan yang dibentangkan pada kali ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya untuk mencerakinkan sedikit sebanyak daripada manakah RM123 juta yang akan dibawa ke dalam kantung Kerajaan Negeri atau pun dipohon kebenarannya untuk dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. RM82 juta daripada RM123 juta yang akan dimasukkan kepada akaun hasil disatukan adalah datangnya daripada bayaran pinjaman daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Satu nilai dan hutang daripada KDEB di bayar pada Kerajaan Negeri menyelesaikan beberapa komitmen-komitmen tertentu dan ada lebih RM82 juta yang akan dibayar kepada pihak Kerajaan Negeri pada tahun ini. Jadi daripada situlah, kita ambil RM123 juta tambahan yang akan masuk ke dalam kantung akaun wang dihasilkan atau pun akaun Kerajaan Negeri. Kenapa kita kena bawakan, sebab wang ini tidak ada di dalam senarai jangkaan dan hasil yang ada sebelum ini. Dan wang ini adalah hasil baharu yang datang dan perlu dimasukkan untuk dibenarkan penggunaannya pada Kerajaan Negeri.

Yang kedua selepas itu bermakna kita ada RM41 juta lagi yang kurang dan daripada RM41 juta itu adalah kita anggarkan dan kita telah dapat dan selesaikan RM25 juta. Daripada mana RM25 juta itu RM25 juta datangnya daripada beberapa agensi atau pun PP yang tertentu. Iaitu yang dipanggil sebagai Jabatan Kerja Raya, JPS dan sebagainya. Maknanya daripada mana datangnya RM25 juta itu adalah penjimatan-penjimatan sama ada melalui tender terbuka dan beberapa projek yang belum boleh diteruskan pada tahun ini. Jadi setakat ini, ada penjimatan RM25 juta. Kalau ikut biasa, RM25 juta ini boleh *wired* kepada Pejabat Menteri Besar, tetapi kerana tidak ada dalam jadual, P01 yang di dalamnya ada PK1, PK2, PK3 dan PK4, itu akhirnya kita perlu bawa RM25 juta itu ke dalam akaun wang hasil disatukan di dalam P01 Pejabat Menteri Besar untuk Pejabat Menteri Besar gunakan dan sebahagiannya akan digunakan untuk Air Percuma, KISS, Peduli Sihat dan sebagainya. Jadi yang sebenar-benarnya dapat digunakan atau pun yang diambil daripada

### 31 JULAI 2019 (RABU)

lebih atau pun daripada kantung rizab Negeri ialah sebanyak RM15 juta lebih yang perlu kita gunakan. Jadi imbangan itu wajar, saya tak nafikan tapi sebab apa Kerajaan Negeri yakin buat perkara itu sebab sehingga sekarang akaun sehingga Julai 2019, Kerajaan Negeri dengan pengurusannya dan juga dengan perbelanjaan pembangunan, kita telah mempunyai lebih RM165 juta. Tapi itu sampai pertengahan tahun ya. Jadi nilai defisit berapa banyak defisit itu biasanya akan dapat dilihat pada akhir tahun dan sebab itu dengan kutipan sekitar 64% daripada keseluruhan sasaran yang telah kita tetapkan berakhir Jun 2019. Kita yakin, kita akan dapat nilai paling kurang RM2.2 juta berbanding dengan tahun lepas yang kita hanya dapat mencatatkan RM1.9 bilion, maafkan saya RM2.2 bilion. Yang tahun lepas kita hanya capai RM1.9 bilion berbanding dengan sasaran RM2.5 bilion.

Jadi, kebimbangan itu saya akui dan saya hargai sebab itu Kerajaan Negeri berkira-kira dan menjalankan sesuatu tambahan itu berdasarkan kepada kemampuan-kemampuan dan pelan yang sedia ada dan *insyaAllah* kita akan meneliti setiap satu persatu termasuk memastikan jabatan-jabatan dapat berbelanja secara berhemah. Dan dapat melaksanakan tugas dan ia telah ditunjukkan pada Hari Raya yang lepas, apabila saya menyarankan supaya kita dapat menggabungkan jamuan-jamuan Hari Raya tertentu. PKNS yang selalu diletakkan beberapa anak Syarikat turut akan menganjurkan, tahun ini membuat satu sahaja. Dan beberapa Pejabat Daerah tertentu telah menggabungkan seperti Sepang, seperti Gombak menggabungkan agensi-agensi di bawahnya untuk mengadakan jamuan Hari Raya. Dan ia sekali gus menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri, pentadbiran sama ada pentadbiran eksekutif Kerajaan Negeri, termasuklah kepada pentadbiran-pentadbiran kita untuk berbelanja secara berhemah dan tidak berbelanja dengan berlebih-lebihan dan juga melampau-lampau.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, justeru saya percaya walaupun ada kebimbangan tentang defisit yang tinggi tapi kita masih lagi rendah berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Malahan kalau trend yang kutipan yang ditunjukkan pada hari ini adalah baik dan sihat saya percaya ia akan dapat meningkatkan lagi atau pun hasil yang kita kutip itu lebih daripada jangkaan yang kita buat iaitu RM2.2 bilion. Tapi kita kena tunggu semasa pembentangan bajet nanti atau belanjawan nanti. Biasanya kita telah boleh dapat gambaran berapa banyak kita mampu kutip daripada keseluruhan yang telah disangka atau pun yang telah diunjurkan.

Seterusnya, ada beberapa pula teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan beberapa Ahli Dewan yang lain terutamanya berkenaan dengan perancangan Kerajaan Negeri. Seolah-olah kita ingin menunjukkan baik di peringkat awal, tetapi di tengah-tengah kita tambah atau pun kita berbelanja dengan lebih. Saya sebutkan tadi ia dapat kerana kita sudah mempunyai perkiraan dan angka-angka tertentu dan angka-angka itu masih lagi dalam kawalan yang baik serta nilai kawalan yang baik. Yang kedua, memang kita berbelanja secara defisit, kita bukan tawarkan perbelanjaan berimbang. Sebab kita melihat ada beberapa suntikan perlu dibuat dan sebagainya. Cuma nilai defisit itu kita tetapkan pada kadar yang sedikit rendah kerana kita tidak lagi mempunyai gambaran yang khusus berkenaan dengan penjajaran-penjajaran yang akan dilakukan. Untuk kita muktamadkan kesemua penjajaran itu dalam tempoh lima enam bulan memang agak mustahil. Sebab itu Kerajaan Negeri meletakkan beberapa sasaran-sasaran tertentu dan melihat kepada perkembangan semasa. Saya ambil contoh, kalau kita lihat air ikutkan pada tahun ini bulan 6, bulan 7, kita akan laksanakan pelarasan



### 31 JULAI 2019 (RABU)

untuk Air Percuma. Tetapi di atas suara orang ramai, kita melihat kepada perkembangan semasa dan sebagainya, kita akan tangguhkan pada tahun hadapan. Sebahagiannya saya akan umumkan dalam skim yang baharu pada hujung persidangan nanti ya.

Manakala berkenaan dengan SMUE ya, kita ambil masa, pandangan Yang Berhormat Seri Serdang tadi telah menjelaskan sedikit sebanyak. Bezanya dahulu kita tidak mempunyai akas atau tidak mempunyai alat untuk mengukur. Kita letakkan RM2,000.00 sebagai tangga gaji, RM3,000.00 sebagai tangga gaji. Tetapi nilai-nilai itu tidak dapat diverifikasi, paling baik ialah dengan hanya senarai slip gaji. Bagaimana pula dengan peniaga yang tidak mempunyai slip gaji dan sebagainya. Dan sebahagian perniagaan dijalankan di atas talian atau pun *online*. Jadi perkara-perkara ini tidak ada verifikasi dan verifikasi yang paling akur bagi saya pada ketika ini adalah melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dan terima kasih dengan sebab perubahan Kerajaan yang sedia ada kita dapat akses kepada angka tersebut dan kita membawa *database* yang kita yang ada untuk semak. Kita tak boleh akses setiap masa yang boleh kita bawa ialah kita bawa dan semak dan mereka semak dan sebab itu keluar angka-angka yang tertentu walaupun nilainya agak besar 50%, 40% mungkin 60%. Tetapi itulah realiti yang kita harus terima bahawa ada pendaftaran-pendaftaran yang melampaui dengan sebenarnya kerana akas atau pun alat sebelum ini belum cukup akur berbanding dengan alat yang sedia ada iaitu di bawah Lembaga Hasil dalam Negeri. Sebab itu kita menggunakan alat yang sedia ada yang saya rasa lebih tepat yang laporannya dibuat *yearly*. Iaitu laporan terhadap pendapatan dan kewangan Kerajaan Negeri dilaporkan. Kewangan individu untuk semua pembayar-pembayar cukai dan diikuti dengan program BSH dapat kita lagi menggabungkan data-data yang sedia ada. Sebab itu selepas kita dapat angka dan data tertentu baru kita bawa balik ke dalam sidang ini untuk menambah. Kenapa kita hendak letakkan satu angka yang kita tidak pasti dan bila sudah pasti barulah kita tambah dan kita senaraikan sebagaimana yang sedia ada. Itu pun saya ingin menyeru dengan Sijangkang dan Banting bahawa kelemahan kita sebelum ini ialah *database*.

Dan Kerajaan Negeri pada 1 Mac 2019, telah menetapkan di bawah CCSB, Kumpulan Jaringan Komunikasi kita iaitu untuk melantik satu syarikat bagi melaksanakan apa yang di katakan My IPR. Ini dalam soalan nombor 28 daripada Banting, yang ingin mengetahui tentang, apakah My Smart IPR. Di mana kita akan menggabungkan semua *database - database* ini ke dalam satu sistem. Dan dalam sistem itu, penyelenggara serta pengendali boleh menyemak. Dan juga dalam masa yang sama, kita juga dapat menggalakkan rakyat untuk berdaftar di dalam satu sistem untuk pendaftaran online. Selepas dilantik pada 1 Mac, syarikat terbabit telah bergerak, bermula 8 Mac, menghubungi semua agensi-agensi pelaksana dan juga agensi-agensi yang melaksanakan program Inisiatif Peduli Rakyat. Sehingga kini, sehingga kini, kita telah berjaya menggabungkan 8 skim IPR, sampai 100%. Maklumat-maklumatnya telah dikutip, iaitu sehingga kini, 8, maafkan saya, 8 skim telah tergabung. Dan 30 Ogos ini, kita akan lancarkan iaitu di bawah Kasih Ibu Smart Selangor, Skim Peduli Sihat, Tabung Warisan Anak Selangor, Bekalan Air Percuma, Skim Mesra Usia Emas, Skim Kesihatan Wanita, Bantuan Sihat Selangor, Skim Rumah Selangorku, ataupun di bawah LPHS. 8 skim ini, datanya telah dikumpulkan 100%, dan Inshaa Allah, bulan 8 ini kita dapat lancarkan dan kita jelaskan apakah itu Smart Selangor IPR.

Dan seterusnya, dijangkakan sehingga 5 Mac tahun 2020, kita akan menggabungkan lagi 25 program-program IPR yang telah kita kumpulkan. Dan keseluruhan, supaya IPR kita menjadi 33 berbanding 43 sebelum ini. Dan itulah penjabaran IPR, dan kita telah

### 31 JULAI 2019 (RABU)

menetapkan apakah program-program yang akan digabungkan. Apakah program-program yang kita akan teruskan. Dan apakah program-program kita akan jenamakan. Kalau sebut kita tak, kita hanya memotong dan tak ada. Tak betul juga. Kita ada program baru seperti ANIS, Anak Istimewa Selangor. Satu canaian baru kepada bantuan untuk orang kurang upaya, tapi ANIS, Anak Istimewa Selangor dan di bawahnya ada Didik ANIS, di bawahnya ada Cikgu ANIS, di bawah ada Bantuan ANIS. Di mana Bantuan ANIS adalah program untuk membantu keluarga-keluarga orang kurang upaya mendapatkan rawatan ataupun peralatan. Didik ANIS, adalah untuk bantuan yuran kepada pusat-pusat yang menawarkan sekolah-sekolah *early intervention program*. Dan Cikgu ANIS ialah melatih guru-guru ataupun guru-guru di taska ataupun di pusat-pusat bimbingan yang tidak mempunyai kemahiran untuk menguasai serta mengendalikan anak-anak kurang upaya. Dan itulah nilai tambah yang kita buat. Dan kita perkasakan. Kalau sebelum ini kita mempunyai program bantuan sumbangan pendidikan pelbagai. Kali ini kita satukan, dan program itu kita namakan Peduli Siswa. Itu yang saya katakan, ada program yang kita susun balik, namakan balik. Ada program yang kita aturkan dan jenamakan balik. Dan ada program yang mungkin kita terpaksa gugurkan pada masa hadapan.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Yang Amat Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Terima kasih Tuan Speaker, juga Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar di atas penjelasan tentang penjajaran-penjajaran program-program IPR yang dilakukan. Dan saya ikuti, bahawa Kerajaan Negeri setakat ini, masih lagi sedang melaksanakan beberapa usaha melihat semula, meneliti semula, dan penjajaran program IPR ini sedang berlangsung dengan rancaknya. Namun kita juga harus beringat kerana perbekalan tambahan yang dibentangkan dan dikemukakan kepada Dewan kita pada hari ini. Ianya sedikit sebanyak juga disebabkan oleh penjajaran-penjajaran yang berlaku. Justeru itu saya ingin bertanya kepada Dato' Menteri Besar, apakah jaminan bahawa apabila penjajaran-penjajaran ini terus berlaku dan apakah jaminan Kerajaan supaya tidak ada lagi perbekalan tambahan yang akan dikemukakan ke dalam Dewan ini pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Persilakan Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Setakat ini kita menjangkakan memang kita mempunyai pendapatan yang cukup. Dan ini adalah beberapa IPR-IPR yang menggunakan kos yang tinggi. Sebagai contoh, kalau kita ambil skim Peduli Sihat. Dengan 300 ribu pendaftaran yang sedia ada, Kerajaan akan *expose* kepada RM129 juta satu tahun. Dengan air percuma, Kerajaan Negeri akan *expose*, dengan izin, RM200 juta satu tahun. Sebab itu kita meletakkan peruntukkan tambahan ini kepada IPR-IPR atau skim-skim yang menggunakan yang tinggi, serta kos yang melibatkan peruntukkan kewangan yang lebih tinggi daripada yang lain-lain. Sebab itu kita yakin untuk skim-skim yang lain, seperti Rumah Selangorku, Perpustakaan Bergerak, Hadiah Pengajian IPT, Bas Smart Selangor, Wi-Fi Smart Selangor, *Apps 100 And Online 100*, Bantuan Sihat Selangor, Skim Kasih Ibu dan yang lain-lain. Saya kira tidak mempunyai kos-kos yang tinggi sebagaimana yang telah kita umumkan, ataupun yang kita telah laksanakan sebelum ini. Di samping pada ketika ini juga, kita sedang berbincang pada peringkat akhir dengan beberapa institusi untuk kita jenamakan semula, TAWAS, kerana sistem dalam TAWAS itu

### 31 JULAI 2019 (RABU)

tidak sustainable, dengan izin. Kita umumkan TAWAS, tapi sistem itu tidak sustainable. Dan kita terpaksa melantik dan menguruskan balik kerana *database* yang ada, bagus, nilainya bagus, tetapi yang tak ada ialah pelaburannya. Dan setelah 10 tahun, baru kita nak uruskan pelaburannya. Sebab itulah, kalau kita dah muktamadkan dan baru kita akan umumkan sistem TAWAS yang kita telah maksudkan hari tersebut untuk kita *launching* kan balik ataupun uruskan balik. Sebab itu, saya yakin di pihak Gombak Setia, kita mempunyai peruntukkan yang cukup sampai akhir dan tidak perlu membuat peruntukan tambahan. Dan kalau ada pun, ia sangat minimum, tidak sampai ratusan juta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang, silakan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Sungai Tua, saya mendengar tadi, apa ni, hujahan ataupun gulungan daripada Seri Serdang dan daripada Sungai Tua. Terima kasih di atas penjelasan sumber-sumber kewangan untuk peruntukan tambahan ini, yang telah di jelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri. Sebahagiannya adalah anggaran penjimatan ataupun lebihan daripada jabatan-jabatan yang akan digunakan untuk bajet tambahan ini. Dan tadi juga disebutkan oleh Seri Serdang bahawa ada jumlah-jumlah yang layak tetapi ia melebihi daripada kuota yang diperuntukkan. Saya melihat Yang Amat Berhormat sebutkan tadi, adalah lebihan-lebihan yang dijangkakan ataupun penjimatan. Kenapa tidak digunakan sumber daripada sumbangan dividen GLC dan juga perbadanan yang mana, Yang Amat Berhormat sendiri menyebutkan di dalam Sidang bajet, bahawa ini akan dikhususkan atau peruntukan ini antara peruntukan yang bila Kerajaan Negeri dapat, akan digunakan untuk program-program IPR. Dan saya mengharapkan supaya kewangan yang ada itu, kalau tidak digunakan untuk program-program yang lain, kenapa tidak kita gunakan untuk keperluan-keperluan, bagi-bagi kuota tadi. Yang memang mereka ini layak. Untuk menerima juga program-program yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri. Dan satu lagi berkaitan dengan *database* kita. Saya tak pasti sama ada Kerajaan Negeri, benar-benar ada *database* yang kukuh yang ampuh yang telah dibangunkan. Dan adakah buat masa ini kita telah mempunyai satu, satu nombor ataupun satu jumlah B40 yang kita rasakan, itu adalah sebahagian daripada perancangan untuk pemberian air percuma kepada B40, yang dinanti-nantikan oleh mereka ini. Mereka tertunggu-tunggu untuk dapat 25m<sup>2</sup> pertama air daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Untuk maksud tersebut memang sebahagian daripada RM15 juta yang kita ambil itu sudah pasti akaun amanah, akaun tabung, akaun yang disatukan, dan dalam sebahagian itu adalah sumbangan daripada RM58 juta yang telah kita kutip daripada Kerajaan Negeri. *On top of that*, di samping itu, kita juga telah memperuntukkan beberapa program-program tambahan melalui program yang dipanggil sebagai bisnes amal ataupun CSR, *Corporate Social Responsibility*, MBI. Antaranya ialah Muassasah Haji, 500 orang. Tahun ini 7,000 jemaah-jemaah haji yang melalui sistem muassasah, telah diberikan sumbangan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui MBI. Baru-baru ini, 1200 ekor lembu-lembu korban yang diagihkan juga melalui program IPR. Dan melalui program tambahan yang kita buat. Baru-baru ini ketika hari raya Aidil Fitri, buat pertama kalinya, imam, siak, bilal dan juga nazir-nazir masjid, telah diberikan sumbangan duit raya bernilai RM300.00 dan RM200.00, tiap-tiap seorang menjelang hari raya. Dan itu adalah datangnya daripada program-program MBI ataupun anak syarikat Kerajaan Negeri, di samping pada masa ini, Kerajaan Negeri juga berdepan dengan kejadian bencana. Di Tanjung Karang, yang melibatkan Permatang dan Sungai

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Burung. Di Rawang, yang melibatkan kawasan Rawang. Di kawasan DUN Sungai Tua dan juga di kawasan DUN Taman Templer. Dan juga di kawasan Hulu Bernam, iaitu di kawasan Felda Soeharto. Yang kita bantu, dan setiap satu lokaliti itu, kita memerlukan paling kurang RM400 ribu. Untuk di kawasan Permatang dan juga di kawasan Sungai Burung, kita terpaksa berbelanja hampir RM1 juta untuk menampung. Dan itu dibiayai melalui CSR-CSR MBI, untuk menangani masalah-masalah tertentu di dalam Negeri Selangor. Kita peruntukan sekitar RM20 juta untuk CSR, dan ada satu lagi tambahan di bawah program CSR ini, iaitu program Tuisyen Rakyat. Kali ini diletakkan di bawah CSR, dengan peruntukkan RM4 juta tambahan. Kita dapat menambah jumlah penerima-penerima ataupun mereka yang mengikuti program Tuisyen Rakyat dari 6,000 orang sebelum ini kepada 10,000 di seluruh Negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, dan seterusnya dengan *database*. Ia, memang *database* kita....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih Dato' Menteri Besar. Kepada perkembangan yang berlaku, saya melihat bahawa pertambahan, penandaan, program-program IPR akan dilakukan oleh CSR GLC. Dan daripada bajet yang telah diluluskan pada tahun lepas, menyatakan secara jelas bahawa salah satu sumber tambahan kepada bajet belanjawan Negeri Selangor adalah nilai RM50 juta daripada sumbangan CSR. Dan ini dilakukan secara disatukan. Saya nak bawa dua soalan. Soalan saya yang pertama, adakah trendnya akan berlaku cara pelaksanaan seperti apa yang dilakukan, maksud memberi duit hari raya kepada imam dan bilal. Kemudian, lembu korban yang akan datang ini. Dan juga apa yang telah diberikan kepada mereka yang mengerjakan haji muassasah, merupakan sumbangan *direct* daripada CSR MBI. Adakah *trend* ini akan diteruskan.

Keduanya, program ini akan berlaku secara *direct*, maknanya keputusan yang dibuat oleh Menteri Besar sebagai pengerusi MBI ataupun keputusan oleh EXCO di bawah pimpinan Menteri Besar. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum ini kita mempunyai dua sistem yang terpecah. Dan untuk tahun ini kita belum mampu lagi. Sebenarnya dalam sistem yang kita cadangkan pada masa depan, iaitu pada tahun hadapan, kita akan menggabungkan. Biarlah program kebajikan dan program merakyatkan ini di kendali dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri, dengan alatnya, alatnya boleh jadi YAWAS, boleh jadi Badan-badan yang terlantik, SELGATE dan sebagainya. Itu tidak berapa, alatnya bawah Kerajaan Negeri, tetapi *decision* oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi keputusan untuk memberikan hadiah dan sebagainya, duit raya, dan sebagainya itu adalah keputusan yang akhirnya diputuskan oleh pihak Kerajaan Negeri. Diputuskan oleh pihak Kerajaan Negeri dan dia dibawa untuk dipertanggungjawabkan di bawah program CSR MBI. Untuk membantu bencana, ia juga dibentangkan di pihak MTES. Dan pihak MTES mengarahkan kepada MBI untuk membayar ataupun membantu menyelesaikan, membantu rumah-rumah yang ditimpa bencana dan sebagainya.

Begitu juga untuk program Tuisyen Rakyat. Program tuisyen rakyat dibawa kepada MTES, dan MTES melihat ada kewajaran untuk CSR MBI, yang mempunyai setengah bajet dan amaun itu untuk menggunakan peruntukan mereka bagi pembiayaan serta menguruskan program Tuisyen Rakyat. Itu bagi saya dalam proses transisi. Transisi ini biasa dia akan

### 31 JULAI 2019 (RABU)

berlaku sedikit sebanyak kekurangan dan sedikit sebanyak penyusunan semula ataupun penyesuaian terhadap keadaan-keadaan serta isu yang berlaku. Ahli Yang Berhormat sekalian saya nak menjawab secara spesifik daripada Sungai Air Tawar yang menyebutkan tentang air percuma.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Berkaitan dengan *database* tadi Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Lupa-lupa minta maaf. Berkenaan dengan *database* yang disebutkan tadi kita sedang membina, sebab itu kita menamakan dia SMART IPR. Kita baru lantik 1hb Mac dan kita sedang masukkan satu persatu saya dah sebutkan tadi ada beberapa institusi yang dapat kita kumpulkan data dan kita nak kumpulkan lagi "*the next*" 25 institusi ataupun 25 IPR. Kita dah selesai 13 dan kita kena tambah lagi yang 25. Buat setakat ini 65% kita dah kumpulkan dan selepas ini barulah kita akan mempunyai satu set data yang menyeluruh berkenaan dengan penerima-penerima IPR dan di sana juga kita dapat melihat seorang akan dapat beberapa IPR, berapa orang akan kontrol IPR. Sebelum ini kita tidak ada satu data yang boleh criss-cross ataupun dicantumkan dilihat kolokasinya antara satu sama lain. Dan selepas dengan MYSMART IPR ini bukan hanya untuk pendaftaran, bukan hanya untuk kemudahan kita menyemak tetapi kita juga akan dapat data yang terkini. Belum lagi Yang Berhormat sebab 2 tahun mereka perlu menyelesaikan tugas ini mulai Mac 2019 dan inn shaa Allah akan tamat menjelang Mac 2021 untuk melengkapkan keseluruhan. Jadi menjelang 5 Mac 2020 inn shaa Allah kita akan dapat beberapa kontes dan juga beberapa data. Setakat ini dalam sekitar 65% baru kita kumpulkan yang di bawah sistem yang sedia ada, itu Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Yang Berhormat, bermakna *database* B40 itu kita tidak dapat bangunkan lagi dan kemungkinan besar kita tidak dapat melaksanakan program IPR, pemberian air percuma B40 pada tahun ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Baik, itu saya sebutkan tadi melihat kepada keadaan semasa kita akan meneruskan sampai hujung tahun air percuma 20 meter padu sebab kita sedang susun perkara ini. Yang kedua maklumat B40 sebenarnya kita boleh dapat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebab di Negeri Selangor B40 kita adalah RM6,000 dan ke bawah. Tetapi suka saya nak maklumkan kita takkan letak RM6,000 itu sebagai permulaan untuk air percuma saya akan umumkan dalam akhir sidang nanti program yang kita namakan sebagai skim air yang baru. Saya kira yang akan memberi manfaat kepada sebahagian besar daripada penerima-penerima air percuma yang ada sekarang. Saya akan umumkan nanti setelah kita melalui beberapa proses dan keadaan. Jadi memang saya sebutkan tadi air percuma yang kerajaan jangkakan dapat dilaksanakan pada masa sekarang untuk B40 sahaja kita telah tangguhkan kerana kita harus menyesuaikan tentang beberapa perkara. Penyesuaian ini kerana menunggu tentang beberapa proses penyerahan air dan inn shaa Allah September nanti baru Syarikat Air Selangor akan mendapat lesen keseluruhan untuk menguruskan air Selangor. Sekarang ini masih dalam proses pencantuman dan kita memerlukan sedikit masa untuk menggabungkan dan juga menyusun perkara-perkara tersebut. Berkenaan dengan air

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

percuma saya nak sebutkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor semasa menyediakan belanjawan tahun 2019 dibentangkan dalam dewan negeri pada 23 November telah mengambil kira peruntukan bagi perbelanjaan menampung pemberian air percuma 20 meter padu sebanyak 185,000,000. Namun demikian Dewan Negeri Selangor pada ketika itu iaitu pada 23 November telah meluluskan supaya penjajaran semula program pemberian air percuma dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebenar Inisiatif Peduli Rakyat dan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah perbelanjaan yang lebih berhemah. Justeru itu peruntukan bagi program air percuma tahun 2019 adalah sebanyak 80,000,000 sedangkan perbelanjaan sebenar yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri setakat 31 Julai 2019 adalah RM114,186,306.30. Peruntukan tambahan ini diperlukan kerana penjajaran semula program air percuma masih ditangguhkan pelaksanaannya sehingga hujung tahun 2019 dan Januari atau Februari nanti baru kita akan laksanakan apa yang dikatakan Skim Air Baru sebagaimana hasrat Kerajaan Negeri yang ingin dilaksanakan pada tahun 2019 ini. Perbelanjaan Program Air Percuma bagi separuh tahun kedua mulai bulan Ogos 2019 hingga 31 Disember 2019 akan dibiayai oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. Selaras dengan persetujuan yang telah dicapai di dalam Retreat Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersama dengan Yang Berhormat Menteri Besar yang telah dilaksanakan pada 1 April nanti. Jadi tidak ada isu, kita akan membuat penambahan kerana selepas ini kos air percuma tersebut akan ditampung oleh Syarikat Air Selangor yang merupakan pengendali setelah mereka menguruskan air secara keseluruhannya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian tadi juga ada orang yang menyentuh satu dua walaupun kelihatan tidak bertepatan berkenaan dengan masalah air di Negeri Selangor. Tapi keseluruhan kita telah membentangkan baru-baru ini pelan perancangan serta beberapa pelan untuk memastikan bekalan air kita dapat disalurkan dengan baik dan menyeluruh. Inn sha Allah menjelang bulan Ogos kita akan dapat tambahan 60 mld ataupun 60 juta liter perhari daripada Bukit Badung, bukan daripada Labuhan Dagang. Maafkan saya ya. Dan dengan adanya Labuhan Dagang tersebut kita akan dapat memastikan bekalan air di Kuala Langat dapat diedarkan melalui Kuala Langat. Sebelum ini di daerah Kuala Langat terpaksa menerima daripada SSP 1, SSP 2 dan SSP 3 iaitu di bawah Lembangan Sungai Selangor di bahagian di kawasan Ijok dan Bukit Badung yang harus mengalirkan kepada 60% daripada kawasan-kawasan yang menerima bekalan air daripada Sistem Air Selangor. Dan sebab itu dengan adanya Labuhan Dagang kita dapat mengurangkan risiko jika berlaku masalah pencemaran dan juga henti tugas di mana-mana tempat yang ia tidak dapat dialirkan dan kita ada 60 juga liter perhari untuk kawasan Bukit Badung, kawasan Kuala Langat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Semenyih.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI :** Ya mencelah, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker mengenai tawaran air di Selangor ini, saya nak bertanya perkembangan semasa mengenai Langat 2 pada Yang Amat Berhormat, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk Langat 2 sekarang dalam proses percubaan apa yang dipanggil T&C dan proses T&C ini adalah kewajipan yang perlu dilalui paling tidak 3 bulan ataupun 5 bulan. 3 bulan lebih untuk memastikan operasi Langat 2 beroperasi dengan baik. Terima kasih bangkitkan Langat 2 kerana menjelang bulan November tahun 2019 kita akan dapat tambahan lagi untuk 325,000,000 liter perhari daripada Langat 2. Dan Langat 2 secara keseluruhannya menjelang tahun 2021 akan mampu menambah lebih kurang 1,000 juta liter perhari, apa

### 31 JULAI 2019 (RABU)

manfaatnya daripada situ. Manfaatnya beberapa locality dan kawasan terutama kawasan tengah seperti Gombak, kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya dan kawasan-kawasan yang tertentu akan dapat dialirkan air melalui Langat 2 berbanding dengan sekali lagi SSP 1, 2 dan 3 yang menguasai 65% daripada bekalan air pada waktu ini. Jadi justeru itu saya percaya menjelang kepada bulan Ogos nanti hingga ke bulan November secara perlahan-lahan kita dapat mengagihkan secara pismel atau runcitan beberapa locality-locality dengan siapnya ataupun beroperasinya Loji Rawatan Air (LRA) Labuhan Dagang dan juga Langat 2 Yang Berhormat sekalian.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Terima kasih, terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebenarnya apakah masalah sebenarnya yang menyebabkan *database* B40 ini yang dijanjikan masa belanjawan bulan Mac selepas itu masuk ke Mei, masuk ke September hingga hujung tahun. Apakah tidak ada pegawai-pegawai efisien atau pun kajian terperinci sebabkan *database* ini menyebabkan berlakunya pemberian air percuma ini kepada rakyat tergendala. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat tidak tergendala pun pemberian air percuma, pemberian air percuma diteruskan sampai hujung tahun. Itu kenyataannya, dia lebih baik dan kosnya lebih besar kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri memikirkan bahawa dengan cara ini kita dapat membantu rakyat. Yang Berhormat selalu sibuk orang makin kurang, orang makin kurang ini kita bagi nak bising lagi. Macam mana.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Maksud saya *database*, ya persiapan *database* apa masalahnya, itu saya kata.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat sekalian saya nak sebutkan ada perkara rincih, perkara yang sangat teknikal, isunya saya bagi satu contoh berkenaan dengan rumah dan rumah sewa. Kebanyakan yang tinggal di rumah sewa adalah mereka-mereka yang duduk dan kurang berkemampuan sebab itu mereka menyewa rumah. Ini berlaku di beberapa kawasan dan locality tetapi pemilik rumah sewa ini adalah mereka-mereka yang berada. Selama ini akaun dan juga nilai dan bil-bil mereka itu tetapkan di rumah itu untuk pemilik-pemilik rumah sewa dan mereka tidak ambil kisah siapa akaunnya yang penting mereka dapat air percuma. Dan sebab itu kita memerlukan beberapa proses pendaftaran dan sebagainya kerana mereka yang tinggal sebagai penyewa boleh untuk mendaftarkan. Tetapi mereka kena mendaftar kepada Syarikat Air Selangor dan juga proses yang akan membekalkan bil-bil tersebut. Ini satu contoh sahaja Yang Berhormat dengan satu contoh sahaja kita terpaksa mengambil proses yang panjang untuk meletakkan siapa yang B40 dan sebagainya. Di samping itu kita juga melihat kepada keadaan semasa. Bukan sebab *database* sahaja tidak sempurna tetapi kita juga lihat daripada keadaan semasa sebab permintaan, teguran daripada orang ramai jadi kita ambil, ok kita teruskan air percuma sampai hujung tahun, sampai bulan 12 walaupun kita terpaksa tambah sedikit belanjawan kita dan Air Selangor akan membiayai menjelang bulan Ogos sampailah ke akhir tahun ini Yang Berhormat sekalian. Dan saya nak sebutkan tadi loji-loji

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

rawatan tersebut beberapa loji rawatan kita seperti Wangsa Maju seperti Semenyih juga akan dapat mengurangkan operasi mereka. Pada waktu ini mereka bergerak di luar dan melebihi kapasiti biasa jumlah air yang sepatutnya dikeluarkan adalah pada jumlah tertentu saya nilainya lebih 100%. Yang Berhormat saya sebutkan mesin kalau dah bergerak 100% kemungkinannya *maintenancenya* akan lebih tinggi. Begitulah juga kepada loji rawatan kita, jadi dengan adanya Labuhan Dagang dengan adanya LRA, Loji Rawatan Langat 2 kita secara tidak langsung dapat memastikan bekalan air yang lebih baik dan terancang di Negeri Selangor. Di samping itu juga Kerajaan Negeri juga menyusun tiap-tiap tahun lebih kurang 150 kilometer untuk kita gantikan paip-paip daripada 25,000 atau pun 22 kilometer yang ada di Negeri Selangor. Memang ia satu usaha yang masih nampak kecil tetapi dengan usaha yang kita laksanakan dalam tempoh 4, 5 tahun sekitar 100 hingga 150 kilometer tiap-tiap tahun penggantian-penggantian paip ini kita dapat mengurangkan lebih kurang 50% kejadian-kejadian paip pecah. Kalau kita bandingkan yang berlaku 2018 dan 2019 nilainya ada lebih kurang 5,000 lebih tahun lepas, tahun ini setakat Jun kita catatkan sekitar 2,000 lebih laporan penggantian paip-paip pecah. Yang dulu mungkin tidak ada laporan tetapi kali ini laporan kita lebih tepat dengan komunikasi yang dibuat pihak Air Selangor dan sebagainya. Di samping kita juga akan mempergiatkan usaha-usaha pengawalan Lembangan Sungai Selangor dan juga Lembangan di sungai-sungai Selangor yang berdepan dengan masalah pencemaran daripada mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya kira saya telah menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan dan saya percaya apa yang kita buat iaitu peruntukan tambahan ini adalah selaras untuk memastikan program kepedulian rakyat dapat diteruskan di samping Kerajaan Negeri memperkasakan dan menguruskan masa pemberian ini kepada mereka yang benar-benar memerlukan dan menjadikan ia bukan sekadar pemberian dan sebaliknya adalah program pemberdayaan. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan terus giat merencanakan dan menggembelng kegiatan ekonomi dengan perancangan-perancangan yang kita lakukan dan kita usahakan untuk memastikan negeri ini bukan hanya negeri yang memberi tetapi juga negeri yang menghasilkan yang terbaik untuk rakyatnya dan Malaysia yang kita cintai. Semoga bantuan atau pun ini diterima dan juga pindaan atau rang undang-undang bekalan tambahan ini diterima. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, sebelum saya menanggungkan saya ingin memberikan satu maklumat iaitu satu taklimat ringkas dan demo pendaftaran rumah Selangorku pada pukul 1.00 tengah hari di laluan masuk Bangunan Dewan Persidangan kita. Jadi dijemput kepada semua kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersama. Dengan ini saya menanggungkan persidangan ke pukul 2.30 petang.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)**



**31 JULAI 2019 (RABU)**

**DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ya. Penjelasan telah dibuat oleh pihak Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Seri Serdang tentang perbahasan-perbahasan yang ditimbulkan, soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, maka Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan Kali Yang Kedua. Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan pada Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang Rang Undang-Undang ini Fasal demi Fasal.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Fasal Satu (1) dan Fasal Dua (2).

**TUAN SPEAKER :** Fasal Satu (1) dan Fasal Dua (2) menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual.

**TUAN SPEAKER :** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. Dipersetujui.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang semula.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini, sila kata **YA**. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker, saya nak minta Tuan Speaker memberikan pandangan sama ada kelulusan ini memerlukan kuorum yang cukup atau pun tidak.

**TUAN SPEAKER :** Kita dah terus ke sini, sepatutnya Yang Berhormat kena .. perlu bangun tadi. Kita dah sampai ke sini, kita akan terus sekarang ya. Ya, baik. Usul dipersetujui ya. Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan Kali Ketiga. Rang Undang-Undang ini boleh lah dinamakan Enakmen Bekalan Tambahan (No.1) 2019. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No. 9 Tahun 2019; Usul Peruntukan Pembangunan Tambahan (No. 1) 2019.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu Usul di dalam Dewan yang mulia ini, yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4(2)(b) dan Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak **Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit (RM123,000,000.00) yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan (No. 1) 2019**, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

JADUAL

PERUNTUKAN TAMBAHAN (NO. 1) 2019  
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	123,000,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>123,000,000.00</b>	

Di dalam Persidangan Dewan Negeri yang telah diadakan pada 23 November 2018, satu usul pembangunan telah diluluskan berjumlah **RM1,280,000,000.00 (Satu Bilion Dua Ratus Lapan Puluh Juta Ringgit)** bagi perbelanjaan Pembangunan 2019. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM858,232,000.00 (Lapan Ratus Lima Puluh Lapan Juta Dua Ratus Tiga Puluh Dua Ribu Ringgit)** telah diperuntukkan kepada P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga akhir bulan Mei 2019, terdapat keperluan peruntukan sebanyak **RM123,000,000.00 (Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit)**. Oleh itu, maka satu peruntukan tambahan bertujuan untuk menampung kekurangan tersebut adalah diperlukan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tambahan bagi projek pembangunan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :

**P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri**

Bagi kod projek di bawah Pecahan Kepala 6 (P.K. 6) – Pembangunan Kesihatan, Pecahan Kepala 6 (P.K. 6) – Program Kebajikan, Pecahan Kepala 18 (P.K. 18) – Skim Mesra Usia Emas, Pecahan Kepala 18 (P.K. 18) – Program Pemberian Air Percuma yang keseluruhannya berjumlah **RM123,000,000.00 (Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit)** diperlukan oleh Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan itu, saya mohon mencadangkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, iaitu Usul Peruntukan Pembangunan Tambahan (No. 1) 2019. Oleh itu, saya

### 31 JULAI 2019 (RABU)

kemukakan usul ini untuk dibahaskan, sekiranya ada lah. Tak ada, ok, saya .. sekarang saya mempersilakan, jadi pihak Kerajaan tidak ada, teruskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi :

“Bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4(2)(b) dan Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak **Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Ringgit (RM123,000,000.00) yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan (No. 1) 2019**, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

#### JADUAL

##### PERUNTUKAN TAMBAHAN (NO. 1) 2019 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	123,000,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>123,000,000.00</b>	

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata **YA**. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. Usul ini dipersetujui. Silakan. Penyata. Setiausaha, silakan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2019 Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 – Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan Agensi dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor terhadap Communication Corporation Sdn. Bhd. Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** *Bismillahirrohmanniirrohim. Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.* Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana mengizinkan Sg. Air Tawar mewakili Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam iaitu PAC membawakan Usul di bawah Peraturan 26(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri berkenaan Penyata PAC berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 iaitu bagi maksud Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan Agensi dan Pengurusan Anak

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Syarikat Kerajaan Negeri Selangor terhadap Syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung penemuan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2017 berkaitan Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan Agensi dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd. iaitu CCSB terhadap lima (5) teguran utama yang telah dimuatkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2017, ini ke atas Syarikat CCSB iaitu:

1. Pelantikan pembekal perkhidmatan bagi percetakan dan pengedaran akhbar Selangor Kini.
2. Pemantauan maklum balas rakyat terhadap aktiviti komunikasi yang dilaksanakan.
3. Komposisi Ahli Lembaga Pengarah.
4. Proses pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).
5. Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi operasi jabatan-jabatan syarikat.

Menerusi penelitian dan siasatan yang telah dilaksanakan, Jawatankuasa PAC mendapati terhadap, terdapat beberapa teguran dalam laporan Ketua Audit Negara yang telah diambil tindakan sewajarnya oleh Syarikat CCSB. Namun, masih banyak lagi perkara yang perlu diberikan perhatian dan tindakan lanjut oleh Kerajaan Negeri dan Syarikat CCSB. Bagi teguran pertama iaitu berhubung Pelantikan pembekal perkhidmatan bagi percetakan dan pengedaran akhbar Selangor Kini, Jawatankuasa PAC mendapati bahawa tindakan pembekalan telah diambil oleh CCSB iaitu bermula bulan Mac 2017, ke semua pembekal perkhidmatan percetakan dan pengedaran yang dilantik dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, bukti dokumentasi masih belum dikemukakan pada Jabatan Audit Negara bagi membolehkan isu terhadap, dikategorikan sebagai selesai oleh Jabatan Audit Negara. Oleh yang demikian, Jawatankuasa PAC mengesyorkan agar bukti tersebut diserahkan bagi tindakan susulan Jabatan Audit Negara.

Bagi teguran kedua pula, berhubung pemantauan maklum balas rakyat terhadap aktiviti komunikasi yang dilaksanakan. Jawatankuasa PAC dimaklumkan Syarikat CCSB telah melantik agensi penyelidikan iaitu Institut Darul Ehsan untuk melaksanakan kajian bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung dengan pemantauan dasar, hala tuju dan strategi komunikasi Kerajaan Negeri bermula Jun 2018 yang lalu. Namun, Jawatankuasa PAC mendapati perkara ini masih belum selesai, di mana Laporan Analisa daripada Institut Darul Ehsan iaitu IDE masih belum lengkap dan memerlukan CCSB untuk memberikan input tambahan kepada pihak Institut Darul Ehsan iaitu IDE.

Bagi teguran ketiga, berhubung komposisi Ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa PAC mendapati Syarikat CCSB masih gagal memberikan sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah CCSB berstatus bebas. Sebagaimana yang ditetapkan di dalam *Malaysian Code On Corporate And Governance (MCCG)*, MCCG 2017 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Buat masa ini, terdapat empat (4) orang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat CCSB iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Y.B. Dato' Nor Azmie Bin Diron dan CEO MBI YM Raja Shahreen Raja Othman. Sekiranya agak sukar untuk menggantikan mana-mana individu di dalam Ahli Lembaga Pengarah semasa, dicadangkan agar dibuat penambahan Ahli

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

Lembaga Pengarah supaya kedudukan Lembaga Pengarah berstatus bebas adalah seimbang iaitu separuh daripada kedudukan semasa Ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa PAC juga berpendapat agar Menteri Besar Selangor (Incorporated) iaitu MBI dapat meneliti semula secara segera komposisi Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat dan anak-anak syarikat yang lain bagi memastikan, prinsip yang sama diguna pakai iaitu separuh daripada Ahli Lembaga Pengarah mestilah berstatus bebas. Kalau dilihat, Syarikat MBI dan anak-anak syarikatnya kita boleh lihat ramai muka-muka yang sama yang menduduki jawatan Ahli Lembaga Pengarah. Jadi adalah penting untuk mewujudkan posisi Ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas di dalam bagi syarikat-syarikat ini.

Teguran ke empat pula adalah berkenaan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif iaitu CEO Encik Edy Adrianto Ahmad Ghazali. Difahamkan Encik Edy Adrianto telah dilantik sebagai Pengurus Besar pada 15 Oktober 2015 dan kemudian dilantik sebagai CEO pada 1 Januari 2016. Melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ALP pada 29 Februari 2016. Walau bagaimanapun, laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2017 telah mendapati bahawa Syarikat CCSB tidak pernah mengeluarkan surat pelantikan sebagai CEO kepada Encik Edy Adrianto. Dengan kata lain, bagi tempoh tiga (3) tahun penuh iaitu daripada 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2018, Encik Edy Adrianto telah menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif iaitu CEO Syarikat CCSB tanpa lantikan secara rasmi atau bertulis memandangkan tiada surat pelantikan dikeluarkan dalam tempoh tersebut. Secara tidak langsung semua keputusan sama ada di peringkat Lembaga Pengarah CCSB, mahupun di peringkat pengurusan syarikat boleh dipertikaikan kesahihannya. Ini juga bermakna, apa-apa bayaran wang tunai, sama ada berbentuk gaji, elaun atau imbuhan-imbuhan lain kepada Ketua Pegawai Eksekutif iaitu CEO CCSB atas nama Encik Edy Adrianto sepanjang tempoh tersebut juga boleh menjadi tidak sah disebabkan tiada surat pelantikan rasmi tersebut. Walaupun jawatankuasa PAC mengesyorkan agar sesuatu surat pelantikan secara back dated dikeluarkan kepada Encik Edy Adrianto, namun secara jelasnya, Syarikat CCSB telah gagal memastikan tadbir urus yang baik dilaksanakan dan perkara ini boleh menyebabkan banyak permasalahan serta implikasi perundangan kepada Syarikat CCSB. Teguran terakhir iaitu teguran kelima adalah berhubung Prosedur Operasi Standard iaitu SOP bagi operasi jabatan-jabatan di Syarikat CCSB. Jawatankuasa PAC mendapati tindakan sewajarnya telah diambil oleh Syarikat CCSB bagi memastikan SOP bagi setiap jabatan dan bahagian di dalam syarikat dipatuhi sepenuhnya. Namun bukti dokumentasi bagi perkara ini masih belum dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara bagi membolehkan isu tersebut dikategorikan sebagai selesai. Kegagalan berbuat demikian hanya akan memberikan imej buruk kepada Kerajaan Negeri. Ahli Lembaga Pengarah CCSB juga didapati hanya bermesyuarat sebanyak dua (2) kali setahun. Kekerapan ini dilihat tidak memadai untuk memantau aktiviti dan prestasi syarikat dengan lebih efektif. Jawatankuasa PAC mengesyorkan agar mesyuarat dapat diadakan dengan lebih kerap bagi memastikan pemantauan aktiviti dan prestasi syarikat dapat dibuat dengan lebih efektif dan sebarang masalah atau kelemahan jika ada dapat dikenal pasti dan diselesaikan dengan segera.

Selain itu, jawatankuasa PAC juga mendapati tiada badan pemantau tadbir urus anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor di peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor atau UPEN. PAC berpendapat adalah wajar mewujudkan satu bahagian khas untuk memantau tadbir urus anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Y.B. Tuan Speaker, jawatankuasa PAC berharap segala syor yang dikemukakan di dalam penyata ini diberikan perhatian oleh bukan sahaja Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan CCSB malah oleh

### 31 JULAI 2019 (RABU)

kepimpinan Kerajaan Negeri juga. Jawatankuasa PAC juga berharap tindakan dan perhatian yang sama turut diberikan terhadap anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang lain bagi memastikan apa-apa masalah yang berlaku di Syarikat CCSB tidak berlaku lagi pada masa hadapan.

Di kesempatan ini saya mewakili jawatankuasa PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil-wakil dari Syarikat CCSB, Jabatan Audit Selangor serta urus setia jawatankuasa kerana telah memberikan kerjasama sewajarnya sepanjang penyiasatan dijalankan oleh jawatankuasa ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Y.B. Jawatankuasa PAC atas kerjasama yang diberikan bagi saya amat profesional dan berani dalam memberi pandangan serta ulasan yang bernas. Itu sahaja usul saya berhubung perkara ini. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Hulu Kelang penyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Pencadang hendak membawa penyokong?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Hulu Kelang. Hulu Kelang penyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Y.B. Pengerusi PAC, Ahli-Ahli Y.B. sekalian. Saya menyokong usul ini dan saya merupakan anggota Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC). Mana saya melihat ada beberapa perkara yang perlu kita renungi dan ambil iktibar. Pertamanya perkara yang tidak sepatutnya berlaku dan tidak boleh berlaku dan tidak boleh diizinkan berlaku lagi adalah tentang pelantikan tanpa surat lantikan. Ini merupakan satu yang menampakkan kelemahan yang sangat nyata dan kita harap dengan teguran daripada Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara dan sekali lagi kita bawa perhatian perkara ini ke dalam Dewan Negeri Selangor adalah dengan hasrat bahawa isu ini adalah isu penting. Isu tentang pelantikan seseorang ke jawatan tanpa pelantikan yang sah telah berlaku sebelum ini dalam kes GLC ataupun perbadanan anak syarikat yang lain di Selangor. Dan ia menyebabkan berlakunya satu bentuk tindakan yang agak luar biasa liarnya apabila seseorang itu dalam kes sebelum ini menjawat satu jawatan berpelantikan. Dia melakukan kerosakan-kerosakan hingga Kerajaan Negeri terpaksa menyamannya dan dihadapkan ke Mahkamah.

Jadi isu ini adalah isu sangat penting dan saya berharap bahawa semua GLC mengambil perhatian yang besar tentang isu perihal pelantikan seseorang tanpa surat pelantikan yang sah. Kemudian teguran Audit juga oleh Syarikat CCSB ini, bagi pandangan saya pengaudit dan pandangan kami sebagai jawatankuasa adalah satu syarikat yang *straight forward* dengan izin bidang tugasnya. Peranannya dia telah diberi dana, dan dana itu dia di tugaskan *deliver* menyampaikan satu khidmat. Khidmat penyiaran maklumat tentang aktiviti Kerajaan Negeri Selangor melalui media. Dan ini merupakan sesuatu yang *straight forward* dan tidak ada SOP yang kompleks dalam proses tersebut tetapi berlaku juga apa yang dikatakan tidak ada SOP yang teratur yang menjadikan berlaku kepincangan.

Jadi saya berharap apa yang telah dibentangkan oleh Y.B. Pengerusi PAC tadi dan diperhatikan dengan betul dan teliti bahawa kami telah menemui beberapa penemuan.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Penemuan itu cukup teratur dan fakta-fakta sebab kenapa kita membukakan penemuan tersebut dan daripada penemuan tersebut kita kemukakan syor kita dan setiap syor itu ada kaitan yang relevan yang tepat menurut pandangan kami dan usaha yang telah kami lakukan kepada penemuan-penemuan tersebut dan itu menjadikan perkara ini adalah perkara yang boleh dilaksanakan dengan baik. Dan sehubungan dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak. Saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Y.B. sekalian. Usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ya, Jeram, lima minit.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ucap terima kasih dan juga tahniah kepada Ketua Pembangkang juga merupakan Pengerusi PAC yang mana menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Dewan Negeri untuk sama-sama barisan-barisan jawatankuasanya untuk terus meneliti anak-anak syarikat yang mana sebelum ini telah tidak di audit atau pun tidak di adakan Mesyuarat PAC semasa Ketua Pembangkang sebelum ini. Terima kasih dan juga tahniah. Apa yang saya dapati di sini, berlakunya beberapa ketirisan dalam pengurusan pentadbiran. Walaupun saya selaku Adun Kerajaan, saya rasa terpenggil untuk memberi pandangan dan juga teguran kepada Kerajaan Negeri Selangor dari segi pengurusan anak-anak syarikat di Kerajaan Negeri Selangor ini.

Saya ambil satu contoh di mana MBI, iaitu salah satu syarikat yang besar di bawah anak syarikat Selangor di mana bawahnya ada 19 anak syarikat. Ini baru satu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor belum lagi PKNS dan sebagainya. Di bawah MBI ini ada 19 anak syarikat di mana majoritinya jawatankuasa, ahli jawatankuasa, Ahli Lembaga Pengarah terdiri dari orang yang sama. Kenapa saya berkata sedemikian? Kita mengkritik pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional dahulu di mana Dato' Seri Najib Razak dialah pengerusi 1MDB, dialah pengerusi kewangan dan dia juga lah Perdana Menteri dan dia buat keputusan sama. Jadi kita agak malu apabila kita mendapati anak-anak syarikatnya orang yang sama, Menteri Besarnya pun orang yang sama. Dan benda ini tidak dapat ketelusan dalam mentadbir urusan anak syarikat. Maaf kepada Y.M. Raja Shahreen. 9 daripada 19 anak syarikat menganggotai sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Begitu juga individu-individu lain. Jadi keputusan yang dibuat oleh anak syarikat itu akhirnya nak tak nak perlu dipersetujui di Syarikat MBI ini kerana anak syarikatnya orang yang sama. Jawatankuasanya boleh dikatakan lebih daripada separuh orang yang sama menduduki jawatankuasa-jawatankuasa itu.

Saya nak tanya, berapakah pendapatan mereka ini? Individu-individu ini? Dah berapa lama mereka memegang jawatan yang sama di dalam anak syarikat ini? Apakah kelayakan mereka untuk memegang jawatan-jawatan itu. Perlu diteliti sebab apa saya bangkitkan isu ini kerana kita tahu kadar kewangan perlu dipertingkatkan. Jadi anak-anak syarikat perlu membantu mencari hasil pendapatan untuk memberikan sebagai imbuhan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Kita perlu ambil contoh Johor Corporation di mana anak syarikatnya tidak silap saya lima (5). Anak syarikatnya telah jadi *listed company*. Berapakah *listed company* yang ada di Kerajaan Negeri Selangor ini? Sebab kita negeri yang maju. Patut kita kena ambil contoh, kita jadikan contoh dan kita jadi yang ke depan. Jadi saya tidak nampak. Sepatutnya apabila anak-anak syarikat ini dikenal pasti memiliki Ahli Lembaga Pengarah yang sama,



### **31 JULAI 2019 (RABU)**

dan tidak membuahkan hasil yang lumayan, maka kita perlu ambil tindakan segera menukar. Ada juga kita dalam jawatankuasa PAC mendapati ada anak syarikat yang hanya bermesyuarat dua (2) kali setahun. Kerana mana tidaknya semua Ahli Lembaga Pengarah memiliki anak syarikat mesyuaratnya. Macam mana hendak datang mesyuarat. Jadi benda-benda ini saya rasa perlu Kerajaan Negeri ambil perhatian. Begitu juga, maaf saya minta kepada pegawai daripada SUK sendiri yang mana memegang 13 daripada 19 anak syarikat MBI belum lagi masuk PKNS punya anak syarikat. Saya tidak pasti berapa sebab kita minta pun tidak bagi lagi, anak-anak syarikat berapa.

**TUAN SPEAKER :** Y.B. Jeram pendekkan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Jadi saya rasa perkara ini perlu dipandang serius. Mungkin pada dulu-dulu dimana tidak ada pegawai kerajaan yang mahir untuk mengendalikan anak-anak syarikat ini, mungkin mengambil pegawai dari SUK untuk memantau dan sebagainya tetapi saya rasa tibalah masanya untuk melihat semula memberikan ruang dan peluang pada anak-anak Negeri Selangor yang mana memang pakar yang hebat dalam bidang masing-masing terutamanya bahagian korporat. Saya hanya nampak orang yang sama. Adakah individu-individu ini di mana 7 ke 8 orang ini sahaja yang bijak pandai untuk menguruskan pentadbiran anak-anak syarikat Negeri Selangor. Tidak ada anak Negeri Selangor yang hebat. Saya tidak pasti. Jadi perlu meneliti hasil yang perlu dibawa anak syarikat ini akan membantu melancarkan ekonomi dan juga membawa naik semula kadar kewangan Negeri Selangor ini. Itu pandangan saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuang. Silakan

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Speaker saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri yang telah mengemukakan usul berkaitan yang disebut tadi. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja. Pertama sekali, apa yang didapat di dalam laporan oleh Jawatankuasa Kira-kira ini ada kesamaannya yang berlaku di dalam Jawatankuasa Pilihan Dewan iaitu JP-ABAS. Kelemahan di dalam pentadbiran urusan sumber manusia di MBI ini perlu diambil tindakan serius kerana saya melihat apabila berlaku banyak sangat konflik, kepentingan di dalam beberapa anak-anak syarikat yang disebut oleh Jeram tadi, saya rasa perlu ada rombakan secara menyeluruh kepada semua anak-anak syarikat kerana kelemahan di peringkat sumber manusia itu menyebabkan anak-anak syarikat ini tidak berfungsi dengan begitu baik dan akhirnya ianya tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada sumbangan mereka kepada kerajaan Selangor itu sendiri. Jadi saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jeram tadi kerana kita perlu bergerak ke hadapan, kita perlu perubahan, tetapi jika kita masih berada di dalam takuk yang lama lagi, maka kita sudah tentu kita tidak akan mengubah apa-apa selain daripada terpaksa mendengar. Setiap kali ada laporan pack, berlaku perkara-perkara yang dilaporkan hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik, saya minta pihak kerajaan apa-apa respon berkaitan penyata PAC.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker bagi pihak Kerajaan Negeri saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam yang telah pun menyediakan penyata Jawatankuasa Kira-kira Awam seperti

### 31 JULAI 2019 (RABU)

yang dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Saya juga ucapkan terima kasih kepada seluruh Jawatankuasa tersebut dan juga Yang Berhormat Jeram dan Kuang yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan penerimaan pembentangan penyata tersebut. Kerajaan mengambil maklum syor-syor yang telah dikemukakan dalam penyata tersebut. Walaubagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa pelantikan CEO CCSB tersebut sah dari segi undang-undang kerana yang penting adalah usul pelantikan itu telah pun diluluskan dalam Lembaga Pengarah CCSB cuma surat pelantikan tidak dikeluarkan. Itu ada satu isu teknikal sementara terma-terma pelantikan termasuk gaji dan juga faedah-faedah yang lain telah diluluskan dan disampaikan dan juga segala pembayaran pemberian faedah tersebut telah pun mematuhi usul yang telah diluluskan oleh Lembaga. Cuma kecuaiannya saya percaya pada peringkat ini kita lihat mungkin kecuaiannya pihak setiausaha syarikat yang tidak mengeluarkan surat pelantikan. Tetapi itu tidak bererti pelantikan itu tidak sah. Pelantikan itu sah cuma ada isu teknikal yang berlaku. Sudah tentu kita ambil maklum perkara ini dan memberi jaminan bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku. Dan satu lagi adalah, saya ingin maklumkan pada dewan ini bahawa jawatankuasa yang ditubuhkan oleh dewan ini memberi kuasa untuk menyiasat, memanggil saksi, dan memberi keterangan dan saya kira kalau Yang Berhormat Kuang dan Jeram merasakan ada sesuatu yang tidak betul, ada percanggahan kepentingan dan sebagainya, sepatutnya perkara ini boleh dirujuk pada jawatankuasa untuk disiasat dan mengemukakan semua maklumat. Adalah tidak adil kepada Kerajaan Negeri sekiranya hanya tuduhan yang dibuat tanpa butir-butir. Sepatutnya dia disiasat oleh jawatankuasa berkenaan dan nyatakan dan mengambil segala bukti-bukti dan sertakan penyata supaya kerajaan boleh menjawab dengan baik. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (Public Account Community) bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1, Pengurusan, aktiviti, kewangan, jabatan, agensi dan pengurusan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor terhadap Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) pengurusan, aktiviti dan tadbir urus yang telah dibentangkan dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bil 10 Tahun 2019. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli-ahli berkata ya). Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul No. 11 Tahun 2019. Usul dibawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Jeram.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Jeram

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan ahli YB sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Selaras dengan peraturan 68(1)(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Wang Kerajaan (PAC) dan menurut Peraturan Tetap 76(1)(6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan, maka penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat kedua penggal kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan ke Empat belas Tahun 2019.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Tuan Speaker dan ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa PAC telah membuat semakan dan penelitian ke atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) antara agensi kerajaan Negeri Selangor yang masih mempunyai isu-isu yang masih belum selesai sehingga kini. Objektif penilaian ini dan siasatan dilakukan bagi mengenalpasti masalah-masalah pengurusan hartanah yang dihadapi MAIS seperti yang terdapat dalam teguran Laporan Ketua Audit Negara. Isu yang dibangkitkan laporan Ketua Audit Negara terhadap MAIS adalah seperti berikut:-

1. Pengurusan sewaan hartanah
2. Hartanah untuk dijual
3. Tunggakan hasil sewaan hartanah
4. Pentadbiran kontrak sewaan

Hasil laporan ini dirumus daripada sesi taklimat pendengaran tertutup dan dialog bersemuka antara Jabatan Audit Negeri Selangor, MAIS Selangor dan Jawatankuasa PAC secara berperingkat. Penemuan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1. Berikut merupakan penemuan laporan Ketua Audit Negara terhadap isu berstatus dalam tindakan oleh MAIS.

1. Pengurusan sewaan hartanah. Semakan audit terhadap senarai premis mendapati setakat 31 Disember 2017, MAIS memilik 480 unit premis di seluruh Negeri Selangor yang diperolehi oleh kaedah pembinaan sendiri, projek usahasama dengan syarikat pemaju dan melalui pembahagian pusaka faraid. Bagaimana pun hanya 461 iaitu 96% daripada 480 premis berkenaan yang boleh disewakan kerana baki 19 ataupun 4% premis telah diluluskan oleh Setiausaha MAIS untuk kegunaan MAIS. Agensi MAIS dan premis yang diputuskan untuk dijual. Semakan audit selanjutnya sehingga 9 Disember 2017 sejumlah 416 iaitu 90.2% daripada 461 premis yang boleh sewa telah disewakan manakala sejumlah 31 iaitu 6.7% premis yang boleh disewa didapati masih kosong dan baki 14 iaitu 3.1% premis tidak dapat disewakan kerana dalam tindakan penyelenggaraan. Semakan seterusnya terhadap 31 premis yang tidak disewakan sehingga bulan Disember 2017, Pihak Audit mendapati tempoh kekosongan premis tersebut adalah antara 4 hingga 69 bulan. Mengikut kiraan audit berdasarkan kepada kadar sewa premis bulan anggaran hasil sewa yang boleh disumbangkan adalah berjumlah 8.61 juta bagi tempoh 2014 hingga 2017. Semakan seterusnya terhadap 14 premis yang dalam tindakan penyelenggaraan pula mendapati berlaku kekosongan premis antara 2 hingga 41 bulan. Mengikut kiraan audit berdasarkan kadar kadar sewa premis sebulan. Anggaran hasil sewaan yang boleh disumbangkan adalah RM447,857 bagi tempoh 2014 hingga 2017.
2. Hartanah untuk dijual. Pada tahun 2010 MAIS telah memperolehi 18 buah rumah kediaman iaitu 16 jenis berkembar dan 2 jenis banglow daripada pemaju sebagai balasan pembangunan usahasama di Rest Trace, Subang Jaya dan MAIS telah berjaya menjual 16 daripada 18 buah rumah berkenaan. Setakat 31 Disember 2017, masih berbaki 2 buah rumah kediaman milik MAIS dengan reka bentuk berkembar dua setengah tingkat seperti yang dimaklumkan. Rumah-rumah tersebut yang dianggarkan bernilai 2 juta seunit pernah disewakan pada tarikh terakhir rumah

### 31 JULAI 2019 (RABU)

tersebut disewakan adalah pada bulan Julai 2013 dan Jun 2015. Pihak Audit mendapati sehingga akhir tahun 2017 selepas 29 bulan keputusan MJPM untuk melupuskan premis diperolehi. Kedua-dua rumah tersebut masih belum berjaya dijual. Perkara ini menyebabkan MAIS menanggung kos kawalan keselamatan kepada pihak pengurusan berjumlah 27,540 bagi tempoh Julai 2013 hingga Disember 2017.

3. Tunggakan hasil sewaan hartanah. Semakan audit terhadap penyata kewangan tahun 2014 hingga 2016 dan laporan tunggakan hasil sewaan bagi tahun 2017 mendapati MAIS tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan kerana berlaku peningkatan tunggakan antara RM145,405 hingga RM290,803 bagi tahun 2014 hingga 2016 disebabkan terdapat penyewa yang masih engkar terhadap perjanjian sewaan. manakala bagi tahun 2017, terdapat pengurangan sebanyak 39.15% berjumlah 1.02 juta namun angka tersebut masih belum mencapai KPI sepatutnya iaitu pengurangan sebanyak 50% daripada nilai tunggakan 2016 berjumlah 2.61 juta. Selain itu didapati terdapat tunggakan hasil sewaan sebelum tahun 2000 yang tidak dapat dikesan penyewanya berjumlah 171,808. Tiada tindakan hapus kira terhadap tunggakan tersebut diambil oleh pihak MAIS.
4. Pentadbiran kontrak sewaan. Pusrawi telah menyewa 9 unit premis di Kajang pada tahun 1998 dan telah menamatkan sewaan pada bulan Mei dan Julai 2017. Mengikut BPP anggaran kos baik pulih bagi 9 premis tersebut adalah berjumlah 1.53 juta. Mesyuarat jawatankuasa pelaburan bilangan 2 tahun 2017 bertarikh 4 Februari 2017 telah memutuskan bahawa kos baik pulih poermis tersebut turut dibiayai oleh MAIS disebabkan MAIS milik bersama PUSRAWI dengan pegangan saham sebanyak 4,207,411 unit iaitu bersamaan 48% daripada 8,765,440 saham Pusrawi. Mengikut kiraan audit berdasarkan peraturan pegangan saham, MAIS perlu menanggung kos baikpulih berjumlah RM736,494.

Penemuan jawatankuasa pula mendapati MAIS kurang efisien dalam pengurusan hartanah sehingga mneyebabkan kerugian dan Jawatankuasa mendapati MAIS kurang memberi tumpuan kepada pengurusan hartanah memandangkan ia bukan kor bisnes MAIS. Jawatankuasa telah mengesyorkan yang :

1. MAIS perlu mengambil langkah yang lebih kreatif dan proaktif dalam Pengurusan Hartanah kerana ia memberi kesan terus terhadap kewangan untuk jangka masa panjang jika tidak ada tindakan diambil hasil teguran Audit dan Jawatankuasa. ALP perlu memberikan tumpuan yang lebih kepada Pengurusan Hartanah supaya setiap keputusan yang dibuat membuahkan pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi.
2. Bahagian Pengurusan Harta MAIS harus terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam Bidang Pengurusan Hartanah.
3. MAIS disarankan agar membuat penawaran kepada anak-anak syarikat dan agensi kerajaan negeri terlebih dahulu sekiranya ingin menyewakan premis atau membuat penjualan harta. MAIS juga perlu mempelbagaikan khidmat agen hartanah dan tidak bergantung kepada satu pihak sahaja.

### 31 JULAI 2019 (RABU)

4. MAIS perlu membuat kajian pasaran dan memilih lokasi hartanah yang paling strategik dan membawa keuntungan dalam semua urusan niaga pembangunan hartanah. Ia nya perlu bagi mengelakkan pihak MAIS sukar menyewakan untuk membuat pelupusan harta yang di terima kerana lokasi yang tidak strategik.
5. Bahagian Pengurusan Harta MAIS perlu lebih peka dalam hal-hal pengurusan seperti memastikan urusan membaik pulih dan penyelenggaraan premis diambil tindakan kurang daripada 1 bulan berbanding melebihi 3 bulan pada ketika ini.
6. Terma dan syarat di dalam Perjanjian Sewaan perlu ditambah baik agar tindakan tegas boleh diambil terhadap penyewa-penyewa yang ingkar, gagal dan enggan membayar sewa bulanan yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan MAIS terjamin.
7. Penyewa yang mempunyai tunggakan sewa melebihi 3 bulan perlu disenaraikan di dalam CTOS. Pemantauan rapi terhadap isu ini perlu dibuat agar tidak terlepas pandang memandangkan perkara ini tidak boleh di aplikasikan terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan sewa melebihi 7 tahun.

Sebagai kesimpulan, Jawatankuasa PAC berharap Ahli-Ahli Dewan dapat meneliti dengan baik pentingnya pihak kerajaan dapat mengambil maklum dan jabatan-jabatan yang ditegur berlapang dada dapat memperbaiki dan menambah baik supaya pastikan prestasi perkhidmatan kerajaan Negeri Selangor semakin hari semakin baik terus kukuh dan menjadi contoh kepada negeri lain. Sekian sahaja untuk usul, saya mohon mencadangkan usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, penyokong.. YB Kota Anggerik silakan.. 5minit..

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speak Kota Anggerik aa..bersetuju dengan pandangan daripada Jeram tadi pembentangan usul tadi. Tahniah pertamanya untuk MAIS kerana sepanjang Jawatankuasa PAC bersidang membincangkan isu-isu melibatkan tata kelola dan juga pengurusan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri MAIS setakat ini daripada sudut tata kelola itu cukup baik. Cuma yang..yang dibawakan oleh Jeram agak mengesankan kerana kita semua sedia maklum MAIS ini Majlis Agama Islam Selangor kefahaman rakyat itu adalah sebuah agensi yang mengurus atau pun menyelia urusan-urusan berkaitan hal ehwal Islam. Tapi..mungkin pengurusan mahu tumpu kepada satu aspek baru iaitu hartanah. Jadi bila kita lihat dalam persidangan mesyuarat kita isu-isu yang timbul adalah daripada sudut ke..kecekapan MAIS menguruskan pengurusan hartanah mereka, aset-aset mereka dan juga hutang-hutang mereka. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Jeram tadi dalam pembentangan usul saya kira seharusnya diberikan satu penekanan atau tumpuan kepada MAIS untuk memperbaiki dan seterusnya menambah baik amalan dalam menguruskan aset-aset mereka dan hartanah mereka sebab bila kita tinjau dalam Laporan Ketua Audit..Ketua Audit antara faktor ketirisan itu bukan sebab apa bocor apa..tapi gagal MAIS dalam menguruskan kutipan hutang misalnya penjualan aset-aset mereka dan juga isu-isu melibatkan sewa beli dan ini seharusnya diberikan tumpuan untuk diperbaiki dan seterusnya ditambah baik seterusnya untuk kita meningkatkan tata kelola dan juga proses pentadbiran agensi-agensi di bawah kerajaan negeri. Akan semua yang kita sedia maklum di Negeri Selangor ini, kita menjuarai isu-isu berkaitan integriti, tata kelola dan juga pengurusan. Jadi macam tadi, kita lihat ada isu berkaitan dengan CCSB ini pun boleh ditambah baik cuma untuk MAIS ini saya ingat tidak ada sebarang isu-isu yang apa boleh

### 31 JULAI 2019 (RABU)

dikatakan ketirisan dan sebagainya..tapi lebih kepada masalah menguruskan hartanah dan juga aset-aset mereka. Jadi kita cadangkan kepada pihak kerajaan negeri selepas daripada ini mungkin boleh tinjau semula peranan agensi-agensi ini dan bantu mereka macam mana untuk tambah baik dan uruskan pentadbiran dan juga pengurusan aset dan hartanah mereka. Terima kasih, Kota Anggerik mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Kota Anggerik. Usul ini telah pun disokong..saya mintak kalau ada yang berbahas..tiada..baik..Pihak kerajaan ada apa-apa nak *respond*..tiada ya..

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cuma..saya ingin memberi maklum balas terhadap beberapa syor-syor dan saranan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa terhadap pengurusan aset-aset milik Majlis Agama Islam Negeri Selangor secara asasnya memang secara asasnya Majlis Agama Islam 80 atau pun 90% fokus pengurusannya adalah untuk membangunkan institusi dan juga beberapa hal ehwal berkenaan dengan Islam di Negeri Selangor secara lebih *specific*. Namun begitu bila menguruskan tentang sesuatu perkara itu pasti sudah ada pengurusan sudah pasti ada melibatkan hal ehwal berkenaan dengan hartanah kerana bangunan..institusi..dan sebagainya itu melibatkan aset-aset yang melibatkan hartanah. Justeru kita telah Majlis Agama Islam sudah pasti mempunyai beberapa *department* atau pun Pengurusan Hartanahnya sendiri. Di samping mereka juga telah melebarkan beberapa aspek seperti MAIS Holding dan sebagainya supaya memberikan nilai tambah terhadap (batuk) aset-aset umat Islam yang secara langsung di bawah pengurusan Majlis Agama Islam. Itu pun dalam masa yang sama kita sudah wujudkan beberapa institusi lain. Antaranya Perbadanan Wakaf untuk menguruskan wakaf-wakaf dan juga MAIS Holding dan sebagainya dan saya percaya dengan syor-syor yang dikemukakan dan penelitian yang dibuat oleh pihak jabatan atau pun Jawatankuasa akan boleh dijadikan sebagai panduan kepada Majlis Agama Islam atau pun akan diberikan maklum balas yang lebih rinci kepada Jawatankuasa terhadap apakah dan juga syor-syor yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini nanti. Untuk saya jelaskan secara terperinci satu persatu saya kira tidak adil sebab perkaranya sangat *detail* dan..dan..dan..dan terperinci ya..jadi itu saja maklum balas dan juga sedikit penggulangan daripada pihak kerajaan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini, ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini, menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam *Public* Akaun Komuniti bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor terhadap Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pengurusan Hartanah yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.11 Tahun 2019. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan Ya..Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan Tidak..Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya..usul No.12 Tahun 2019 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bukit Melawati.

**TUAN SPEAKER:** Silakan..Bukit Melawati..

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut..Bahawasanya mengikut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP Padat. Bagi Dewan Negeri Selangor mengenai prestasi kutipan hasil cukai tanah dan premium yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.12 Tahun 2019. Tuan Speaker, Jawatankuasa telah bermesyuarat dan memanggil beberapa jabatan berkaitan bagi mendapatkan maklum balas berkaitan seperti Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Perbendaharaan Negeri Selangor serta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri bagi mendapatkan gambaran penuh akan isu-isu bersabit cukai tanah dan premium di Negeri Selangor. Selain daripada itu juga, isu ini juga telah dibangkitkan dalam sesi soal jawab serta perbahasan sebelum ini maka saya meneruskan kepada Saranan Pihak Jawatankuasa iaitu:

1. Perbendaharaan Negeri Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Semua Pejabat Daerah dan Tanah perlu merangka 1 modus operandi yang strategik dengan penglibatan pihak PBT untuk membuat anggaran hasil bagi kerajaan negeri bagi tempoh masa yang lebih panjang sekurang-kurangnya 5 tahun akan datang. Ini adalah penting memandangkan segala perancangan Program Insentif Peduli Rakyat (IPR) adalah bergantung kepada unjuran hasil yang boleh diperolehi.
2. 1 mekanisme perbincangan yang berstruktur berjadual dan formal perlu diwujudkan di antara Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pihak PBT di dalam mengatur rancangan terhadap tanah-tanah warta untuk mewujudkan kutipan hasil bagi kerajaan negeri. Selain itu, masalah-masalah sampingan seperti pencerobohan ke atas tanah-tanah warta, haiwan liar serta pembiakan nyamuk aedes juga dapat dielakkan.
3. Semua PBT perlu mengemukakan maklumat mengenai tanah-tanah warta yang telah disewakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor, agar Pejabat Tanah dan Galian boleh mengeluarkan notis berkenaan premium dan cukai tanah kepada penyewa-penyewa berkenaan.
4. Pejabat Tanah dan Galian Selangor perlu mengenakan deposit atau bon pada kadar 5 atau 10% ke atas tender terbuka untuk mengikat pembida dan juga sebagai jaminan komitmen mereka untuk meneruskan pembelian. Deposit atau bon tersebut akan lupus sekiranya pembida gagal mendapatkan pinjaman dan membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan.
5. Jawatankuasa menyarankan lanjutan tempoh bayaran premium bagi tender terbuka yang telah tamat tempoh sepatutnya dibenarkan dalam kes tertentu bagi mengelakkan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Kerajaan Negeri kehilangan potensi hasil kutipan dan mengelakkan bebanan tenaga kerja berulang. Lanjutan tempoh ini, hendaklah dikenakan denda lewat sekurang-kurangnya 8%.

## 31 JULAI 2019 (RABU)

6. Semakan semula premium kelulusan pemberimilikan di bawah Seksyen 204 Kanun Tanah Negara 1995 perlu dibuat bagi kelulusan pemberimilikan tanah kepada anak syarikat kerajaan negeri ataupun pemaju yang telah disyaratkan untuk melaksanakan sesuatu pembangunan oleh pihak berkuasa negeri.
7. Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan dengan lebih mendalam dan menyeluruh sebarang cadangan yang boleh membawa hasil yang baru seperti perlombongan bahan mineral sekiranya ianya berpotensi untuk menjana hasil yang lebih tinggi kepada kerajaan negeri. Sekian, saya mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER :** Menyokong.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih puan..Tuan Speak(gelak) Saya berdiri untuk menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Melawati dan memohon kerajaan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Banting..Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan sekiranya ada..silakan Kuang..5 minit..

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Dalam soalan saya berkenaan dengan pengurusan atau pun persempadanan soalan mulut yang saya ajukan tadi ia berkaitan dengan apa yang di..yang dilaporkan serba sedikit di dalam ini tadi. Pendapatan PBT ni berdasarkan daripada daerah tetapi di dalam Kuang ada 3 DUN yang terlibat di dalam Kuang yang duduk di daerah yang lain. Kerana persempadanan yang saya sebutkan tadi itu, menyebabkan keadaan itu berlaku contohnya ada satu kawasan di mana disebut sebagai Bukit Darah. Bukit Darah ini, walaupun dia masih dalam Mukim Kuang tetapi DUN nya terletak di bawah Paya Jaras. Ada sebahagian lagi yang disebut sebagai Matang Pagar pun begitu juga kerana ini konflik berlaku kerana pengurusan atau pun persempadanan yang dilakukan oleh pihak SPR pada 2018. Jadi kita tidak boleh mengawal keseluruhan di dalam sesuatu apa ni..dalam sesuatu..daerah. Kerana di dalam daerah itu, terdapat DUN yang bercampur terdapat PBT yang bercampur menyebabkan hasil yang dulunya datang kepada Pejabat Daerah Gombak, hari ini telah berpindah ke Majlis Bandaraya dan sebagainya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya mohon maaf pada Yang Berhormat Kuang dan Yang Berhormat Tuan Speaker. Di bawah Peraturan Mesyuarat 36(1). Kerana usul ini adalah penyata berkenaan dengan peningkatan hasil tentang cukai tanah dan premium dan saya rasa ini tiada kaitan dengan PBT , dengan sempadan DUN dan sebagainya. Jadi, saya mohon diperbetulkan.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah, terima kasih Banting. Di atas peraturan tetap, saya minta Kuang, minta fokus pada hasil. Kalau tiada hasil sila duduk. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Dalam saranan No.8.1 PWN dan PTGS dan semua PBT perlu merangka suatu modus operandi yang strategik dengan penglibatan semua PBT. Saya menyentuh tentang persempadanan tadi lah. Saya rasa



### **31 JULAI 2019 (RABU)**

kita masih fokus kepada perbincangan ini. Jadi saya minta supaya perkara ini diambil tindakan, dipandang serius kerana pendapatan itu sudah lari daripada sasaran kita yang sebenarnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Lain tiada? Saya minta pihak Kerajaan kalau ada respon tentang perkara ini.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa PADAT ini yang telah pun berusaha untuk membuat siasatan dan membuat penyata yang agak padat ini. Kerajaan juga akan mengambil maklum, juga akan meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan. Tetapi untuk menjawab Yang Berhormat Kuang. Mungkin ada kekeliruan dari Yang Berhormat Kuang. Sebab Persempadan untuk pilihanraya tidak menjejaskan hasil kepada Pejabat Tanah Daerah atau kalau perkhidmatan mungkin ada menjejaskan sedikit perkhidmatan daripada pihak PBT tetapi tidak melibatkan Pejabat Tanah Daerah. Jadi tidak perlu risau. Kecekapan itu akan tetap kita pertingkatkan untuk memastikan agar hasil kerajaan akan terus diperolehi dengan cara yang terbaik. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Baru Klang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi, Bahawasanya, Menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Prestasi Kutipan Hasil, Cukai Tanah Dan Premium Yang Telah Dibentangkan Di Dewan Yang Mulia Ini Sebagai Kertas Meyuarat Bil. 12 Tahun 2019. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul No. 13 tahun 2019, usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Muiia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Isu Kadar Cukai Petak Bagi Pangsapuri Perkhidmatan Yang Telah Dibentangkan di Dewan Yang Mulia Ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2019.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa perhatian Dewan ke syor yang dikemukakan oleh JP PADAT di mana syor-syor ini merupakan ringkasan daripada semua kaji siasat dan juga pendengaran yang diadakan sejak Bulan April sehingga ke bulan Jun.

Perenggan 8.1;

## 31 JULAI 2019 (RABU)

Adalah berkaitan dengan penetapan satu kaedah kiraan Cukai Petak bagi Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik seperti Rumah Selangorku.

Perenggan 8.2;

Adalah berkaitan dengan saranan mengekalkan nilai pecahan pada skala perpuluhan bagi menetapkan faktor Cukai Hakmilik Strata Pangsapuri Perkhidmatan.

Perenggan 8.3;

Adalah satu saranan untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi menyemak semula kiraan cukai petak yang secara keseluruhan. (kerana isu yang pokok ialah terdapat kekeliruan dan perasaan tidak begitu puas hati terhadap cara cukai petak ini dikira).

Perenggan 8.4;

Adalah dicadangkan kepada kerajaan untuk mewujudkan satu garis panduan yang baru untuk mendefinisikan kategori pembangunan di atas tanah komersial bagi mengelakkan kekeliruan yang akan berlaku.

Perenggan 8.5;

Adalah perenggan atau cadangan kepada Kerajaan supaya menetapkan syarat kepada pemaju untuk memberi makluman yang terperinci kepada kemudahan yang ditawarkan serta bayaran yang bakal di tanggung oleh pembeli pangsapuri perkhidmatan terutamanya kadar cukai petak.

Perenggan 8.6;

Adalah cadangan daripada PADAT kepada Kerajaan agar Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor membuat pemantauan berterusan untuk memastikan pembinaan SOHO dan pangsapuri perkhidmatan dibina selaras dengan garis panduan pada tahun 2016.

Perenggan 8.7;

Adalah berkenaan cadangan kepada Kerajaan untuk melihat dan mencontohi apa yang telah berlaku di Negeri Johor, dimana Kerajaan Negeri Johor melarang individu daripada membeli pangsapuri perkhidmatan supaya pangsapuri perkhidmatan ini kekal sebagai sebuah pangsapuri yang menawarkan perkhidmatan. Isunya adalah satu isu yang pernah hangat satu ketika dahulu kerana melibatkan bantahan daripada mereka yang memberi pangsapuri perkhidmatan dan akibatnya mereka terpaksa membayar cukai petak yang jauh lebih tinggi daripada cukai tanah yang mereka perlu bayar pada masa dahulu. Apa yang berlaku, saya kira Kerajaan perlu melihat, saya memohon kepada Kerajaan untuk melihat

### 31 JULAI 2019 (RABU)

cadangan-cadangan ini secara menyeluruh dan mencari satu jalan penyelesaian untuk mengatasinya. Apa pun sekali, itu lah sedikit sebanyak apa yang saya perlu rumuskan untuk perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mohon mencadang. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan yang menyokong.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat sekalian, usul ini pun telah disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. Saya minta, pihak Kerajaan ada apa nak respon tentang usul ini?.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Yang Berhormat Jawatankuasa terbabit, khususnya berkenaan dengan Cukai Petak. Ini adalah salah satu daripada sumber pendapatan baru kalau kita boleh katakan kepada pihak Negeri ya. Namun begitu, kita harus adil dan objektif dalam persoalan ini, kerana beberapa bantahan dan juga 'kebisingan' yang wujud adalah daripada unit-unit yang kita katakan sebagai *commercial plot* tetapi dalam masa yang sama, mereka anggap sebagai kediaman ataupun anggap sebagai kawasan perumahan mereka. Justeru, saya kira ini adalah salah satu daripada perkara dan juga unsur-unsur yang harus kita nilai secara objektif.

Kalau alasan yang lain adalah melibatkan ratio atau pun plot ratio yang menjadi alasan dengan mewujudkan di bawah komersial...(Batuk)... mereka mempunyai plot ratio yang jauh lebih tinggi berbanding dengan unit kediaman. Saya kira bukan kita menangani asas atau pun slot-slot itu dengan menurunkan kadar dan sebagainya, sebaliknya mungkin kita boleh naikkan plot ratio untuk kediaman. Justeru syarikat-syarikat pembinaan akan dapat keadilan dan juga memberi ruang kepada mereka untuk membina dengan kediaman, dengan bangunan yang tinggi, tetapi mampu untuk diberikan kos yang jauh lebih murah termasuk kos tanah dan sebagainya.

Jadi persoalan yang banyak begini akan sedia di ...(batuk)... di bincangkan oleh Jawatankuasa Tetap Tanah Negeri Selangor ..(batuk..) ada juga kertas yang akan dipantau oleh PTG untuk kita pastikan yang terbaik untuk rakyat dan juga masyarakat Negeri Selangor secara keseluruhannya.

Sekiranya itu, perkara yang paling penting, tentang perpuluhan 0.5, dan sebagainya, perkara teknikal akan diuruskan dalam unsur, dalam pentadbiran ataupun pengurusan untuk memastikan ia tidak membebankan rakyat. Kalau ada lagi hujah berkenaan dengan perbandingan di antara strata dengan rumah banglo, dan kenapa rumah banglo lebih rendah dan strata lebih tinggi berbanding dengan rumah banglo sedangkan luas kawasan dan sebagainya. Kita kena tengok juga kemudahan yang mereka perolehi dan mereka nikmati di saat mereka menggunakan kemudahan awam, tetapi mereka... (batuk).. bersembunyi di sebalik *commercial lot* atau *commercial plot* ia juga satu perkara yang dalam pertimbangan pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Terima Kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun di hadapan Dewan Ini ialah Satu Usul Yang Berbunyi, Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Isu Kadar cukai Petak Bagi Pangsapuri Perkhidmatan Yang Telah Dibentangkan di Dewan Yang Mulia Ini, Sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2019. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul No.14 Tahun 2019, Usul di Bawah Peraturan Tetap 76(5) Oleh Yang Berhormat Subang Jaya.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. PUAN MICHELE NG MEI SZE :** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pihak Berkuasa Tempatan, Bagi Negeri Selangor Berkenaan Isu Sistem Pemantauan Kawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Yang Telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia Ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2019.

Tuan Speaker, siasatan oleh JPPBT wujud akibat ketidakpuasan orang awam, bahawa tiada sistem pemantauan, rondaan dan penguatkuasaan yang cukup menyeluruh dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk PBT yang terlalu bersandar kepada aduan, terdapat juga perasaan di kalangan penduduk bahawa mereka seolah-olah mengambil alih tanggungjawab PBT untuk menjalankan kerja pemantauan, rondaan dan penguatkuasaan. Menurut pengalaman Subang Jaya, memang ketara dalam semua aduan adalah kekurangan pemantauan. Oleh itu, tujuan pendengaran tertutup diadakan oleh JPPBT adalah untuk mengenalpasti samada PBT-PBT mempunyai sistem yang Proaktif untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah dan jika ada, tahap kebergantungan PBT-PBT kepada sistem Proaktif tersebut.

Tuan Speaker dan ahli-Ahli Yang berhormat, penyata di hadapan Dewan ini mengandungi butir-butir terperinci berkenaan penemuan JPPBT. Saya tidak bercadang untuk membaca kesemuanya dan hanya akan petik perkara-perkara yang penting.

Terdapat secara am, tiga (3) cara penyelesaian masalah:

1. Reaktif
2. Proaktif
3. Preventif

### 31 JULAI 2019 (RABU)

Selepas pendengaran tersebut diadakan, Jawatankuasa dengan segera memperhatikan bahawa ketiga-tiga Majlis yang menghadiri pendengaran tersebut mempunyai saluran pelbagai untuk menerima aduan. Berkenaan sistem Proaktif, hasil Jawatankuasa menunjukkan walaupun MBPJ dan MPK mempunyai sistem rondaan tetapi sistem nya tidak matang dan tidak memenuhi potensi sepenuhnya.

Masalah-masalah sistem pemantauan sediada adalah seperti berikut:

1. Tugas pasukan pemantauan atau rondaan tidak terancang dan tidak berjadual. Ini bermaksud terdapat kawasan yang mungkin tercicir daripada pemantauan. Tambahan juga, tanpa jadual pihak Majlis juga tidak dapat menentukan samada tugas betul-betul dibuat.
2. Sistem pelaporan untuk pasukan pemantauan sediada ketinggalan zaman. MBPJ dan MPK masih memerlukan anggotanya membuat pelaporan secara bertulis dengan menggunakan borang *hard copy*. Dengan adanya teknologi, cara pelaporan sepatutnya boleh dijadikan lebih efisien.
3. Kekuatan keanggotaan pasukan pemantauan sediada, perlu setimpal dengan kepesatan kawasan PBT masing-masing. Samada 10 orang adalah mencukupi untuk meliputi seluruh Kawasan MBPJ, menjadi persoalan.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kesimpulannya adalah bahawa sistem penyelesaian masalah sediada dalam PBT-PBT di Selangor lebih bersandarkan kepada sistem aduan iaitu sistem Reaktif dan bukan sistem Proaktif.

Ini jelas dapat dianalisa melalui kematangan kedua-dua jenis sistem dan bilangan pelaporan melalui sistem-sistem tersebut.

Jika kami mengambil MBPJ sebagai contoh, dalam tahun 2018 Multitasking Team MBPJ telah merekodkan 1,075 masalah berbanding dengan sistem aduan yang mencatat 4,691 aduan. Sistem seperti ini bermasalah kerana

1. Bukan semua penduduk suka membuat aduan. Kawasan-kawasan yang didiami penduduk sebegitu, berkemungkinan tinggi akan tercicir daripada penyelenggaraan.
2. Sistem sediada menggalakkan aduan di kalangan penduduk kita. Pada pendapat saya penggalakkan aduan adalah satu budaya tidak berapa sihat, kerana ia melatih masyarakat kita sering melihat kepada perkara negatif yang bakal menambah kepada tekanan hidup.

Oleh itu, selepas siasatan JPPBT menerangkan perkara-perkara seperti di senarai dalam penyata. Secara asasnya, Kerajaan Negeri disarankan untuk memastikan supaya setiap PBT mendirikan satu unit khas untuk mengenalpasti masalah membuat rondaan dan membuat penguatkuasaan atas setiap kesalahan dan kerosakan yang ditemui.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya dengan adanya Unit Khasseperti yang dicadangkan Sistem Proaktif ini bakal menambah keyakinan masyarakat kita terhadap keupayaan dan prestasi PBT. Ini akan menggalakkan Selangor ke arah satu budaya baru di mana kita akan mengenal pasti kewujudan sesuatu masalah sebelum ia dilaporkan oleh pihak ketiga. Itu sahaja Tuan Speaker, saya mohon dicadangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Subang Jaya. Menyokong.

**Y.B.TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Usul ini telahpun disokong. Saya buka untuk perbahasan, sekiranya ada. Tidak ada. Pihak Kerajaan ada apa. Kinrara, Y.B. Kinrara.

**Y.B.TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan mengambil berat dan akan teliti semua cadangan dan saranan daripada Jawatankuasa Pilihan PBT dan akan tambah baik sistem pantauan kawasan sekiranya perlu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Y.B. Kinrara. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini, ya ataupun yang bermasalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “ Bahawasanya mengikut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan isu sistem Pantauan Kawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang telah dibentangkan di DewanYang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 14 tahun 2019. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “Ya”, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “Tidak”. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul No.15 tahun 2019, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sijangkang.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B.DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN KHAIRI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut; Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Projek Taman Air Manis Pancang Berdena Sabak Bernam yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2019. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa telah bersidang beberapa kali dan untuk memberikan satu gambaran, mendapatkan satu gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan projek Taman Air Manis Pancang Bedena ini di Sabak Bernam. Dan beberapa perkara yang telah diletakkan penyata itu termasuklah latar belakang projek

### 31 JULAI 2019 (RABU)

pembangunan bersepadu Taman Air Manis bagi memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat kemudian kronologi Permohonan dan Pemberimilikan tanah yang juga disertakan di dalam penyata tersebut bagi memudahkan penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan Jawatankuasa telah memanggil beberapa agensi untuk memberikan taklimat dan dokumen-dokumen yang berkaitan supaya ianya menjadi satu gambaran yang betul sebelum kita melakukan apa-apa juga tindakan-tindakan selepas itu. Dan jawatankuasa telah bersetuju untuk mengadakan satu Pendengaran Awam. Dan kita telah mendapatkan satu penemuan daripada Pendengaran Awam SELCAT tersebut dan beberapa rumusan telah dapat, kita dapati dalam Pendengaran Awam tersebut. Saya suka membawa kepada dalam Sidang ini, apa yang kita mahu sarankan kepada Kerajaan Negeri hasil daripada projek Taman Air Manis ini kerana projek ini setelah hampir sepuluh tahun pindaan demi pindaan telah dibuat terhadap projek pembangunan perumahan bercampur Taman Air Manis Pancang Bendena ini apa yang diputuskan dan kelulusan asal iaitu R&R sudah tiada dalam Pembangunan di Taman Air Manis tersebut. Saranan-saranan Ahli Jawatankuasa SELCAT yang pertama; PNSB sarankan membuat kajian pasaran tanah, kos dan lain-lain sebelum membuat cadangan pindaan keempat Pelan Pembangunan dikemukakan kepada OSC. Kedua; PNSB perlu meneruskan pembinaan Pusat R&R seperti yang diputuskan oleh MMKN kerana terdapat keperluan dan ianya merupakan projek CSR yang dipertanggungjawabkan kepada PNSB.

Ketiga; perbincangan dan kajian lebih lanjut perlu dibuat untuk memastikan lokasi Pusat R&R adalah lebih sesuai dan selamat. Sekiranya lokasi baru disyorkan ianya perlu dibawa ke MMKN untuk diluluskan. Ketua Pegawai Eksekutif MBI selaku Ahli Lembaga Pengarah PNSB perlu mempunyai fokus dan sasaran yang jelas dan seterusnya membuat, boleh membuat keputusan mengenai cadangan Projek Taman Air Manis agar tidak ada kelewatan dalam pelaksanaannya. Perbincangan di antara MBI dan PNSB adalah wajar dilaksanakan secara menyeluruh dan holistik apabila dilaksanakan projek-projek pembangunan terutamanya projek-projek yang melibatkan perancangan Kerajaan Negeri Selangor sebelum sebarang keputusan dicapai bagi mengelakkan berlaku kekerapan pindaan. PNSB disarankan kod tadbir urus yang baik dalam pengurusan pelantikan Juru Perunding dan mengenalpasti peranan masing-masing dimasa akan datang. Setiap Jabatan Teknikal perlu memberi maklum balas ulasan kepada setiap permohonan yang dikemukakan dalam tempoh yang diberikan untuk mengelakkan kelewatan pelaksanaan sesuatu projek. Anak Syarikat Kerajaan Negeri wajib mengamalkan tadbir urus yang telus dan kompeten dalam melaksanakan sesuatu projek khususnya yang melibatkan wang rakyat. Kerajaan Negeri wajib mewujudkan satu elemen pemantauan bebas yang lebih komprehensif agar kelemahan sebegini tidak berlaku dalam mana-mana projek pembangunan oleh mana-mana Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang lain. Pengurusan PNSB khususnya kedudukan Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif wajar dikaji semula dan beliau sepatutnya mengambil tanggung jawab penuh terhadap kegagalan projek ini. Dan akhirnya Kerajaan Negeri perlu mewujudkan satu Jawatan Kuasa Khas yang dipengerusi oleh, yang dipengerusikan oleh Exco Jawatan Kuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar dan dianggotai oleh Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabak Bernam, Pegawai Daerah, Yang Dipertua PNSB, Ahli Parlimen dan Jabatan Agensi berkaitan untuk memastikan projek ini dimulakan dan disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Saya minta penyokong.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:**

Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima Kasih Bukit Lanjan, usul ini telah disokong. Saya buka untuk perbahasan. Sekiranya ada. Sg. Air Tawar.

**Y.B.TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Isu berhubung projek Pembangunan Sepadu Taman Air Manis di Sabak Bernam ini merupakan isu yang tiada penghujung. Sebagai mana usia pentadbiran Pakatan Harapan atau sebelum ini Pakatan Rakyat, begitu jugalah usia Projek Taman Air Manis. Penubuhan Jawatan kuasa SELCAT ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Kerana apa, kerana apa yang dirancang dan dicanang masih belum nampak apa-apa bayang.

Pelan asal pembangunan adalah untuk membina pusat Hentian dan Rawat yakni R&R bagi mengatasi masalah kenderaan berat yang diletakkan di tepi jalan Persekutuan FR5 yang menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk setempat pada waktu malam serta bagi mengatasi masalah kewujudan gerai-gerai haram memandangkan jalan Persekutuan FR5 ini adalah jalan alternatif utama bagi pengguna jalan raya menuju ke Utara Semenanjung. Namun selepas beberapa cadangan tambahan dikemukakan akhirnya satu Pelan Pembangunan Bersepadu telah diangkat yang mana pelan telah berubah dari hanya pembinaan R&R kepada tambahan projek-projek lain. Termasuklah pembinaan Rumah Mampu Milik, Kedai Pejabat dan juga Stesen Minyak. Dan akhirnya majlis Pecah Tanah telah dilaksanakan pada tahun 2013.

Kini sudah enam tahun semenjak Majlis Pecah Tanah dilakukan. R&R masih belum kelihatan, R&R masih belum kelihatan, Rumah Mampu Milik masih belum terbina. Rumah Mampu Milik yang dijanjikan ketika Majlis Pecah Tanah adalah berjumlah 492 buah rumah. Tetapi yang wujud kini hanyalah enam buah Rumah Contoh. Itupun sekadar Rumah Contoh yang siap pada tahun 2017. Tetapi telah menelan belanja sebanyak RM2.6 juta atau secara puratanya berharga RM433,000 sebuah rumah. Pelan terus berubah dan masih sedang diubah. Dengarnya kini R&R yang dicanang tidak lagi menjadi keutamaan walau pun sejumlah hampir RM27 juta telah dibelanjakan.

Yang jelasnya perancangan oleh pihak PNSB dan pihak PNC adalah tidak teliti dari mula lagi. Tidak dibuat terlebih dahulu kajian kesesuaian tanah, kajian pasaran dan sebagainya. Bermakna ianya adalah satu kegagalan mutlak daripada PNSB dalam memastikan perancangan Kerajaan dapat dilaksanakan. Walaupun PNSB telah berjanji untuk memulakan pembinaan pada penghujung tahun ini Kerajaan Negeri juga perlu menetapkan syarat yang ketat agar tiada lagi penangguhan dibuat. Justeru itu saya berharap kesemua saranan dan syor daripada Jawatan kuasa SELCAT diberikan perhatian yang serius oleh MBI, PNSB dan pihak-pihak berwajib yang lain. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Sg. Air Tawar. Bagi anu...Sabak.

**Y.B.TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh...dan selamat sejahtera. ADUN Sabak segak bergaya, bila tersenyum ramai tergoda, Yang Berhormat Tuan Speaker yang berbudi Bahasa, izinkan saya mulakan bicara. Penggal yang lepas...

**TUAN SPEAKER :** Dipersilakan.

**Y.B.TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Saya tidak diberi ruang langsung oleh Tuan Speaker untuk bercakap. Ikutkan penggal ini saya nak merajuk. Tapi



### 31 JULAI 2019 (RABU)

oleh kerana ini ada kaitan dengan aduan yang saya buat kepada SELCAT maka rajuk saya, saya tinggalkan. Demi cinta saya kepada rakyat Sabak. Terima kasih kepada pihak SELCAT kerana menerima aduan saya. Berkaitan dengan kelewatan Projek Taman Air Manis. Akhirnya Pendengaran Awam pada 7 Mei 2019 yang memakan masa yang sangat panjang. 10.00 pagi hingga hampir 7.00 malam. Dan dalam bulan Ramadhan. Tahniah kepada pihak SELCAT. Dan akhirnya keluar laporan ini yang boleh saya war-warkan kepada, khususnya penduduk di DUN saya bahawa saya membuat kerja. Saya bukan ADUN yang diam dan tidur di DEWAN. Saya harap janji-janji PNSB, ada pegawai-pegawai PNSB di luar. Saya harap ada. Saya ulangi, janji-janji PNSB untuk mulakan balik projek ini pada Disember tahun ini akan dikotakan. Janji ditepati. Bukan janji dicapati. Kalau janji ditepati itu Malaysia Baru. Kalau janji dicapati, itu kita mengikut jejak langkah Kerajaan lama yang boleh menyebabkan kita menjadi Kerajaan Sepenggal. Alhamdulillah, terima kasih, kita sudah tiga penggal, tapi saya baru nak sepenggal. Jadi saya sebut saya bukan ADUN sepenggal, dan akan menjadi dua penggal, InsyaAllah.

Sekali lagi saya nak sebut sekiranya menjelang Januari 2020, tapak di Taman Air Manis itu masih seperti hari ini juga maka saya pernah mandi padi kalau kena harga padi yang dipotong, pernah tengok gambar saya mandi padi? Belum, cuba tengok Y.A.B Menteri Besar. Rupanya mandi padi ni miang. Lebih miang daripada lelaki yang miang keladi. Saya akan pastikan bahawa Januari 1.1.2020 sudah ada kerja-kerja yang dilakukan. Janji ya pegawai-pegawai PNSB. Ada dengar di sana. Saya harap dengar. Salah satu daripada ciri-ciri orang yang munafik ialah orang yang mungkir janji. Jadi selepas sepuluh tahun rakyat Sabak menunggu-nunggu, kami tidak mahu dikecewakan. Penantian itu satu penyiksaan. Diharap penantian ini betul-betul menjadi satu ubat kepada penduduk Sabak. Sekian, terima kasih kepada pihak SELCAT. Hidup Tuan Speaker. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Sabak, Yang Berhormat Sabak. Ahli yang lain, Kuang?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tuan Speaker, saya ingin nak sambung sikit sajalah menyokong Sabak ini. Kebetulan saya ini daripada tempat yang sama walaupun dia di ADUN Kuang. Sebenarnya apabila PNSB ingin merancang untuk membina perumahan kos rendah di kawasan berkenaan, dia sebenarnya tidak menepati pada pasaran kerana di Sabak Bernam ini bagi pandangan saya, keperluan untuk mengadakan rumah kos rendah, rumah mampu milik dan sebagainya, kita tidak mempunyai *purchasing power* yang cukup. Contohnya Taman Air Manis Fasa Pertama. Taman Air Manis Fasa Pertama adalah sejenis rumah semi D yang berharga dijual RM45,000.00 tetapi kos yang ditanggung oleh Kerajaan UMNO dahulu dan juga diwarisi sehingga Kerajaan Pakatan Rakyat melebihi daripada kos jualan yang sebenar. Jadi saya melihat bahawa pembangunan Taman Air Manis ini perlu diubah kepada industri contohnya industri kecil sederhana yang boleh kita tempatkan kilang-kilang kecil ataupun *warehouse* menjadi satu transit antara penghantaran pada barangan utara dan selatan. Jadi saya cadangkan bukan sahaja untuk dirikan rumah kerana saya percaya bahawa *purchasing power* disitu tidak mencukupi kerana kita tidak mempunyai pekerjaan. Ramai yang tidak ada pekerjaan, jadi kita perlu wujudkan pekerjaan terlebih dahulu sebelum kita hendak membuat rumah. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Kuang, saya minta pihak Kerajaan untuk bagi sedikit ulasan.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Speaker, ada daripada Hulu Klang.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Hulu Klang. Silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengambil perhatian bahawa penyata ini merupakan penyata yang sangat besar maknanya dalam konteks pemantauan urus tadbir yang dimainkan oleh sebuah jawatankuasa pilihan tapi mungkin tidak perasan dia berjalan begitu saja. Di mana saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa rumusan daripada Jawatankuasa *SELCAT* pendengaran awam, muka surat 14, 15, nombor 2 di situ menyatakan keputusan PNSB tidak membina pusat RnR ini adalah bertentangan dengan kelulusan asal MMKN dan didapati ianya membelakangkan hasrat kelulusan asal MMKN. Ini merupakan satu pernyataan yang sangat garang, sangat serius dan saya percaya Ahli-Ahli *SELCAT* yang mengendalikan pendengaran terbuka, pendengaran awam kemudian mengadakan mesyuarat untuk menilai dan meneliti akhirnya menemui ini perkara-perkara ini yang dianggap sebagai rumusan memang keberatan saya sebagai ahli *SELCAT* juga agak keberatan juga untuk menampilkan ayat sebegini takut dituduh tidak adil, berpihak tidak suka kepada pihak tertentu dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan suasana di mana keputusan ini diungkapkan dengan ayat-ayat yang begini dengan satu kesedaran bahawa kita hendak membantu rakyat. Kita mahu bantu rakyat, kita tidak mahu rakyat mempunyai pandangan yang silap tentang Kerajaan dan tidak mahu Kerajaan tidak sensitif dan peka pada isu yang dideritai oleh rakyat. Oleh itu jangan menganggap, warga PNSB janganlah menganggap bahawa *SELCAT* ada apa-apa tersirat, tersurat terhadap tuan-tuan dan puan-puan sekalian, tapi kami lakukan hanya untuk mencapai yang terbaik. Pada *point* yang ke empat, projek ini merupakan satu kegagalan dari PNSB untuk membantu pihak Kerajaan Negeri membina rumah mampu milik dan juga pusat RnR. Sekali lagi saya memohon agar pernyataan yang begitu tegas ini adalah satu petanda bahawa kita mahu prestasi yang cemerlang, gemilang yang dilaksanakan oleh PNSB dan Kerajaan Negeri sentiasa ke depan dalam memberi pengharapan dan pengisian harapan cita-cita oleh rakyat. Dan sekali lagi mungkin personal bunyinya nampaknya tapi tidak. *Point* tujuh Ketua Pegawai Eksekutif PNSB tidak memberi perhatian dan komitmen sepenuhnya untuk menyiapkan projek pembangunan ini. Jadi saya harap penyata ini tidak berlalu sebegitu sahaja dan saya percaya bahawa pihak Kerajaan akan memberi penjelasan dan akan menyiasat pihak yang dinyatakan di sini agar kita menjalankan pendengaran awam satu budaya baru dalam politik Malaysia. *SELCAT* merupakan satu badan pertama yang mengadakan pendengaran awam terbuka di negara kita, mendapat sanjungan yang hebat pada masyarakat antarabangsa dan kita harap ini merupakan budaya yang akan kita hidupkan dan bukan untuk kita serang dan kita ketepikan. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Klang. Saya minta pihak Kerajaan bagi sedikit ulasan.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.A.B TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dan juga asal pemerhatian daripada *SELCAT* terhadap Projek Air Manis , Panchang Bedena yang perlu dikendalikan oleh pihak Permodalan Negeri Selangor Sdn. Berhad (PNSB). Pertama projek ini diluluskan pada bulan Januari Tahun 2008, jadi fakta itu kena betulkan kerana itu bukan projek Pakatan Rakyat ataupun Pakatan Harapan ianya telah diluluskan oleh pentadbiran sebelum itu. Jadi kita warisi keputusan tersebut untuk kita lihat namun pendekatan Menteri Besar sebelum ini iaitu pendekatan Menteri Besar Yang Ke-14 adalah untuk memastikan projek-projek anak syarikat Kerajaan Negeri mempunyai *value for money* dengan izin atau mempunyai nilai kewangan yang cukup bagi menjana pendapatannya sendiri dan sebaliknya tugas untuk membina kemudahan *public facilities* itu harus ditanggungjawabkan kepada Kerajaan. Itu premis serta asas pendirian pentadbiran pada ketika itu. Jadi apa tanggungjawab PNSB selepas menerima arahan tersebut ialah mereka harus menggubal kembali pelaksanaan pusat-pusat itu di samping membangunkan perumahan kepada rakyat atas keperluan dan sebagainya. Dan kemudian pada tahun 2013 dan seterusnya sebagaimana yang ada di dalam kronologi kita telah menyusun balik supaya projek perumahan kepada rakyat dapat dilaksanakan pada ketika itu kita sangat rancak membangunkan projek-projek Selangorku dan PNSB sekali lagi menggubal pendekatannya untuk membina perumahan kepada rakyat di samping pada masa yang sama kita juga sedang meneliti dan menunggu beberapa asas serta keadaan semasa khususnya perkembangan pembangunan WCE ataupun *West Coast Expressway* atau pun lebuh raya baru yang akan menghubungkan daripada Banting sampailah ke Negeri Perak yang melalui kawasan di Sabak Bernam, jadi kita percaya ia akan memberikan nilai tambah dan akan melihat jajarannya sama ada perlu di sana ataupun tidak dan sebagainya dan adakah perlu ataupun tidak R&R itu dibuat untuk memastikan keselesaan kepada penduduk dapat dijamin. Saya rasa itu yang ada di dalam pertimbangan pihak PNSB sehingga kita *delay* projek tersebut dan lebih baik *delay* itu berlaku daripada kita hendak memulakan dan kita telah membelanjakan nilainya yang ratusan juta sebelum kita mendapatkan kajian pasaran yang sebenar. Kalau melihat kajian pasaran saya percaya di daerah tersebut tidak ada keperluan pun untuk perumahan yang disebutkan tadi sebab itu projek itu tidak dapat dijalankan kerana kita tidak mahu melaburkan sejumlah wang dan akhirnya tidak ada kesan tetapi selepas WCE dan sebagainya dan pihak Kerajaan Negeri juga memandang serius kepada perkara ini. Dalam tempoh 3 minggu yang lepas kita telah menubuhkan satu jawatankuasa khas. Nama jawatankuasa khas itu ialah Jawatankuasa Khas Pembangunan Sabak Bernam. Yang Berhormat Sabak kerana kita percaya mereka memerlukan suntikan-suntikan dan saya akan memanggil sendiri Yang Berhormat Sabak dan Yang Berhormat- Yang Berhormat di kawasan Sabak untuk memberikan sumbang saran apakah nilai-nilai tambah yang patut dilaksanakan dan Yang Berhormat Pandan Indah akan mengetuai di samping beberapa Ahli Jawatankuasanya yang terdiri daripada EXCO dan Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ahli-Ahli Parlimen kerana kita nak segala perancangan itu memberi nilai tambah dan kesan baik kepada Sabak Bernam secara keseluruhan. Namun syor-syor yang akan dikemukakan itu akan kita teliti dan kita akan bawa kepada *Board* ataupun Lembaga Pengarah PNSB untuk kita membuat keputusan. Keputusan-keputusan yang melibatkan nasib individu dan juga pengurusan tertinggi PNSB. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi ,

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

Bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pemilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan *Select Committee of Competency, Accountability and Transparency* SELCAT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Projek Taman Air Manis, Panchang Bedena, Sabak Bernam yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2019. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK, Usul ini DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul nombor 16 Tahun 2019 Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sijangkang.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kajian menambah penambah keperluan surau solat Jumaat selain menaik taraf dan menjenamakan semula surau solat Jumaat yang ada kepada status masjid di Negeri Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat suka saya memulakan ucapan Usul saya ini dengan baca Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah Ayat ke-18. Maksudnya:

*“ Hanyalah orang-orang yang memakmurkan masjid Allah dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut kepada sesiapa pun selain kepada Allah maka merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk”.*

Tuan Speaker, secara terma masjid dan surau adalah entiti agama di dalam Islam yang memberikan maksud yang sama iaitu sebagai tempat untuk orang Islam mendirikan solat 5 waktu secara berjemaah. Istilah surau dari segi realitinya adalah bersamaan status dengan istilah masjid seperti yang didefinisikan oleh para ulama. Malah surau yang didirikan solat jemaah 5 waktu dan Solat Jumaat sama statusnya dengan istilah Jamek mengikut tafsiran kamus dan pendapat ulama' terdahulu. Perkataan Jamek dari segi bahasa bermaksud tempat yang menghimpunkan orang ramai yakni menghimpunkan orang untuk Solat Jumaat manakala dari segi istilah pula Jamek bermaksud masjid yang didirikan solat Jumaat di dalamnya. Dapat difahami di sini Jamek adalah tempat masyarakat muslim mendirikan solat jemaah 5 waktu dan juga solat Jumaat. Menurut kaedah ilmu sufi ada menyebut yang bermaksud yang diambil kira adalah maksud bukannya perkataan ataupun istilah. Maka memandangkan surau adalah tempat solat 5 waktu secara berjemaah ia adalah sama statusnya dengan masjid walau tidak dinamakan sebagai masjid. Yang Berhormat Tuan Speaker menurut laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010 Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk di Negeri Selangor dianggarkan mencecah 9 juta orang pada tahun 2035 dengan kadar pertambahan purata tahunan KPPT 2% . Kepadatan penduduk di Negeri Selangor mengikut daerah pada tahun 2035 ialah antara 2 orang hingga 51 orang bagi setiap hektar dengan adanya 1 unit kediaman atau rumah bagi setiap keluarga isi rumah bermakna pada tahun 2035 Selangor perlu mempunyai sebanyak 2.304 juta unit kediaman ataupun rumah. Antara tahun 2010 hingga 2035 Selangor memerlukan tidak kurang 964,000 unit kediaman untuk memastikan

### 31 JULAI 2019 (RABU)

setiap keluarga mendiami sebuah rumah unit kediaman. Daripada dapatan seperti yang tersebut ini menunjukkan Negeri Selangor akan menerima pembangunan prasarana perumahan yang sangat pesat bagi setiap daerah. Banyak taman-taman baru akan diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar manakala servis *apartment* pula pastinya akan mengisi kepadatan dan keluasan tanah di Kawasan bandar dan pinggir bandar.

Inilah realiti pembangunan di masa hadapan yang perlu kita semua hadapi dan harungi dengan mengambil kira pertambahan penduduk dan pembangunan taman atau pun perumahan baru berskala besar sudah pasti mewujudkan sebuah masjid atau pun surau baru untuk kegunaan dan kemudahan aktiviti keagamaan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, statistik terkini bilangan masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor bagi tahun 2019 adalah sebanyak 424 buah masjid, 2035 buah surau dan 93 buah musollah. Masjid tersebut adalah terdiri dari sebuah Masjid Negeri, 9 buah masjid daerah, 6 buah Masjid Diraja, 17 buah masjid institusi, 375 masjid kariah dan 16 buah masjid naik taraf. Manakala surau pula terdiri daripada 291 buah surau solat Jumaat dan 1762 buah surau biasa.

Berdasarkan statistik tersebut bilangan surau solat Jumaat di dalam Negeri Selangor adalah sangat besar adalah sangat besar berdasarkan keperluan semasa. Pertambahan surau solat Jumaat ini sangat ketara disebabkan beberapa faktor antaranya pertambahan penduduk dan keluasan tanah yang terhad untuk pembangunan masjid baru. Terutamanya di kawasan bandar dan pinggir bandar seperti di Daerah Petaling Jaya, Gombak, Klang, Kuala Langat dan Hulu Langat.

Inilah realiti yang berlaku dan kita perlu menerima hakikat tersebut bagi memastikan rakyat yang berada di dalam DUN atau pun Parlimen kita dapat melaksanakan ibadah mereka secara berjemaah dengan tenang dan selesa. Realitinya, kebanyakan masjid-masjid kini tidak dapat menampung limpahan kehadiran para Jemaah yang semakin ramai terutamanya pada waktu solat Jumaat yang terdiri daripada ahli kariah setempat mahupun warga asing yang beragama Islam yang mencari rezeki di Negeri ini.

Ada sesetengah masjid yang terpaksa mengeluarkan kos tambahan untuk menyewa khemah dan membeli hamparan tambahan bagi tujuan menampung kehadiran para Jemaah tersebut. Khemah-khemah ini terpaksa diletakkan di atas kawasan lapang parking masjid sehinggalah menyebabkan ruangan *parking* masjid menjadi terhad dan sempit menyebabkan para jemaah Solat Jumaat terpaksa meletakkan kenderaan mereka di bahu-bahu jalan utama sehingga menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

Keadaan ini mewujudkan suasana kurang selesa dan kurang tumpuan ahli jemaah untuk menghayati pengisian isi Khutbah Jumaat selain mengharap sesi Solat Jumaat segera diselesaikan agar mereka tidak terperangkap di dalam kesesakan lalu-lintas tersebut. Selain itu juga, dengan keadaan sesak dan padat di setengah masjid juga menjadi asbab ketidakhadiran terutamanya pelajar-pelajar sekolah, anak-anak muda remaja lelaki bersolat Jumaat.

Yang Berhormat Tuan Speaker sedia maklum, pembinaan sebuah masjid baru masa kini memerlukan kos yang besar dan tempat yang bersesuaian. Dengan keadaan ekonomi sekarang yang agak tidak stabil kerana kekurangan keluasan tanah yang bersesuaian

### 31 JULAI 2019 (RABU)

untuk mendirikan masjid-masjid baru maka sewajarnya surau-surau sedia ada dinaik tarafkan kepada status surau solat Jumaat dan surau solat Jumaat sedia ada dinaiktarafkan status masjid bagi menampung keperluan pertambahan penduduk di Negeri Selangor ini.

Selain mengurangkan kesesakan limpahan jemaah di masjid tertentu, maka keperluan pertambahan baru serta menaik taraf surau solat Jumaat sedia ada berstatus masjid sangat perlu dilaksanakan kerana ianya adalah keperluan yang sangat mendesak dan penting. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan secara berorganisasi dan bersistematik maka kita akan dapat memberikan nilai tambah terhadap sistem pengurusan yang efisien dan mantap institusi Agama Islam di Negeri Selangor ini.

Oleh itu, saya dengan ini mengusulkan,

- i. Pihak Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri Selangor dapat melakukan kajian lapangan yang terperinci terhadap keperluan penambahbaikan lebih banyak lagi surau solat Jumaat di kawasan-kawasan berkependudukan padat.
- ii. Menjenamakan surau solat Jumaat sedia ada berstatus masjid dengan penambahbaikan prasarana yang lebih mesra kepada jemaah daripada kalangan orang muda, anak-anak muda, orang dewasa, muslimat dan juga OKU.
- iii. Pelaksanaan program-program pengimarahatan solat, surau solat Jumaat dan program-program imarah masjid yang bersesuaian serta menggalakkan penyertaan masyarakat ahli kariah setempat di dalam pelbagai usaha pembangunan infrastruktur surau solat Jumaat di kawasan mereka melalui infak, wakaf, zakat, sedekah dan sebagainya serta saya juga mencadangkan menamakan masjid atau pun surau-surau yang dinaik taraf mengikut nama Ketua Agama yang memerintah sewaktu masjid dan surau naik taraf tersebut dibangunkan.

Kebaikan dan manfaat yang boleh dicapai melalui usul ini adalah,

- i. Para jemaah akan dapat lebih selesa untuk melaksanakan ibadah seumpamanya di masjid seperti solat-solat sunat dan juga beriktikaf.
- ii. Kelebihan status masjid adalah melebihi dari mana-mana tempat sujud walaupun ianya sekadar atas nama sahaja.
- iii. Aktiviti kerohanian masyarakat setempat akan bertambah erat dan baik dengan program-program pembangunan kerohanian yang lebih mantap
- iv. Para jemaah dapat bersolat Jumaat dengan lebih aman, selesa serta penyertaan lebih ramai anak-anak muda dan pelajar-pelajar sekolah dapat hadir.
- v. Keadaan lalu-lintas dan parkir yang lebih lancar dan sempurna.

## 31 JULAI 2019 (RABU)

- vi. Dapat memupuk sikap kebertanggung jawapan berwakaf dan bersedekah di kalangan ahli masyarakat setempat bagi tujuan program pengimarah dan menaik taraf infrastruktur surau solat Jumaat di kawasan mereka.
- vii. Menyahut saranan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk terus melaksanakan ibadah serta menghidupkan masjid seusai bulan Ramadhan seperti mana saranan Khutbah Jumaat pada 7 Jun 2019 lalu dengan tajuknya Bukan Setakat Ramadhan.

Saya kira sekiranya usul ini diterima ia akan memberikan satu faedah yang cukup besar Kerajaan Negeri dapat menyediakan satu wadah kepada masyarakat terutamanya yang beragama Islam untuk bersedekah, berinfak, berwakaf. Insha Allah ada ganjarannya di Akhirat kelak. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Penyokong?

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Saya, Sungai Burung dengan ini berdiri ingin menyokong usul yang No. 16 tahun 2019 Usul di bawah peraturan 1 oleh Yang Berhormat Sijangkang yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini digesa untuk melaksanakan kajian menambah penambah terhadap keperluan surau solat Jumaat bagi menaik taraf dan menjenama semula surau solat Jumaat yang sedia ada kepada status Masjid.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menyokong atas usul inilah kerana memandangkan kepada hakikat pada masa ini ialah pertama bahawa sebenarnya di Negeri Selangor ini pembinaan-pembinaan masjid tidak mencukupi untuk menampung kepenggunaan kepada ahli-ahli Jemaahnya.

Yang kedua hakikatnya ialah bagi menampung keperluan ini, usaha-usaha oleh ahli-ahli Jemaah terutamanya kepada Umat Islam yang cintakan kepada Rasul dan Allah Nya mereka telah membina surau-sarau sebagai satu pilihan untuk menampung keperluan-keperluan tersebut. Dan sebagai mana statistik yang telah disebutkan oleh Sijangkang tadi, bahawa menunjukkan pada masa ini sahaja terdapat 291 surau yang telah diberikan taraf solat Jumaat dan terdapat 2035 surau-sarau di dalam Negeri Selangor ini.

Sebenarnya Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Burung, duduk sekejap. Oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, saya kemukakan Yang Amat Berhormat untuk bawa usul.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11, dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**31 JULAI 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Usul dipersetujui. Silakan Yang Berhormat Sungai Burung sambung.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Burong ingin menyambung usul menyokong usul yang dibawa oleh Sijangkang. Sebenarnya Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat dengan adanya surau-surau yang telah digunakan sebagai taraf masjid, terutamanya digunakan untuk solat Jumaat, tindakan ini telah membantu mengurangkan terutama bebanan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan masjid-masjid.

Kerana dengan adanya surau-surau yang diusahakan sendiri terutama oleh ahli-ahli kariah melalui usaha-usaha penubuhan tabung-tabung pembinaan surau ini dengan sendirinya ia membolehkan di samping ia digunakan sebagai solat Jumaat pada hari Jumaat malahan juga ia digunakan sebagai tempat ibadah sebagai menyokong alternatif kekurangan masjid-masjid yang ada di Negeri Selangor ini.

Selain daripada kekurangan masjid-masjid yang terdapat di Selangor, bagi menampung keperluan penduduk-penduduk Islam di Negeri Selangor ini, surau-surau yang ada yang telah terutamanya dinaikkan taraf masjid yang ada pada masa ini pun sudah mempunyai ciri-ciri dan juga kemudahan-kemudahan yang memenuhi kehendak digunakan sebagai masjid dari segi keluasan ruang solat untuk kegunaan masjid, kemudahan-kemudahan setengah daripada surau-surau itu mempunyai kemudahan-kemudahan seperti tempat-tempat untuk mengadakan kuliah-kuliah dan ceramah, kemudahan tempat untuk pengurusan fardu kifayah seperti menguruskan jenazah. Selain dari itu juga kemudahan-kemudahan untuk ahli-ahli kariah menggunakan aktiviti-aktiviti mengimarahkan surau-surau tersebut sebagaimana masjid.

Dan ini saya dapat dilihat melalui masa bahawa menunjukkan bahawa umat Islam sendiri pun telah mempunyai kemampuan bersama untuk menguruskan tenaga, fikiran, sumbangan-sumbangan bagi membangunkan surau-surau tersebut sebagai solat masjid. Saya ingin bagi contoh tempat di kariah saya sendiri iaitu Surau Aman Perdana atau Surau Baitul Rahman, yang telah dibina oleh dana daripada kutipan orang ramai. Surau itu hari ini telah digunakan sebagai surau solat jemaah. Tetapi kalau dilihat dari segi reka bentuk dan juga bangunan dan kemudahan-kemudahannya, ia telah boleh digunakan sebagai masjid dari segi keluasan dan sebagainya.

Dan di sini terdapat sebagaimana disebutkan tadi 291 surau yang telah pun dinaikkan taraf masjid dan terdapat lagi surau-surau yang boleh dinaikkan sebagai taraf masjid di negeri ini.

Oleh itu, saya ingin menyerulah kepada Kerajaan Negeri Selangor khususnya telah sampai masanya kita memberi kelonggaran dan kemudahan bagi memudahkan umat Islam untuk menjalankan ibadah bukan sahaja dengan selesa tetapi Insha Allah dapat meningkatkan lagi syiar Islam di Negeri Selangor ini.

Saya yakin dan percaya sebagaimana firman Allah SWT, yang bermaksud apabila kita memberikan sumbangan, walaupun hari ini memberikan sokongan menyokong kepada usul yang dibawa oleh Sijangkang ini bagi pembinaan sebuah surau atau surau-surau



### 31 JULAI 2019 (RABU)

dinaik taraf kepada masjid ini, Insha Allah, Allah SWT menjanjikan sebuah istana di akhirat nanti. Jadi, dengan itu saya menyokong. Assalamualaikum WBT.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burung, Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul ini sudah telah pun disokong, di cadang dan disokong. Saya buka untuk perbahasan sekiranya ada.

**Y.B. TUAN MOHD. FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOHKTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Berkaitan dengan usul ini saya menyokong penuh. Cuma mohon kepada pihak Kerajaan untuk buat penelitian yang lebih *detail*. Sebab ini kita perlu melihat di mana-mana surau-surau dan juga masjid yang hendak dinaik taraf ini perlu penelitian yang lebih *detail* supaya betul-betul dapat dimanfaatkan oleh ahli kariah. Sebab kita tidak mahu seperti mana yang dibangkitkan oleh Sijangkang tadi, isunya banyak berkaitan pada permasalahan pada solat Jumaat. Dan kita tidak mahu selain daripada solat Jumaat, solat fardhu, masjid dan surau ini pula jadi kosong.

Jadi, itu pun satu isu juga. Daripada segi hukum pun, kalau banyak sangat tempat solat tiba-tiba kosong, kita menanggung dosa juga. Itu perkara juga yang perlu kita lihat. Cuma lebih baik untuk kita mengenal pasti di mana surau-surau yang diperlu untuk dinaik taraf supaya dapat dilebarkan dan sebagainya. Atau pun diperkemaskan supaya dapat menampung bilangan jemaah yang bertambah.

Dan kalau kita lihat, bukan sahaja kita melihat tentang kepadatan penduduk sebagai faktor atau indikator untuk kita menilai, tetapi juga kita boleh melihat juga tentang keperluan penggunaan surau ataupun surau untuk dinaik taraf sebab kita tak nak tempat itu hanya penuh pada ketika solat jumaat, tetapi pada waktu solat yang lain kosong dan tidak dapat dimanfaatkan jadi benda ini jadi sia-sia. Kita tak nak begitukan saja sia-sia jadi kita lebih bimbang ahli khairiah disitu akan menanggung dosa. Disebabkan tempat itu kosong dan hanya penuh pada waktu ketika solat jumaat dan juga hari-hari raya, bulan puasa.

Saya boleh beri contoh macam masjid subang airport contohnya. Kalau dulu mungkin penuh, pada ketika ini kita lihat bagaimana banyak kakitangan MAS telah berpindah dan masjid itu kalau kita lihat hanya penuh pada ketika solat jumaat tetapi pada solat fardhu yang lain agak lenggang. Jadi kalau kita menghabiskan perbelanjaan Kerajaan Negeri banyak pada tempat-tempat yang begini, saya rasa tidak berbaloi dan lebih baik kita menumpukan pada tempat-tempat yang betul-betul memerlukan untuk pembaikan supaya perbelanjaan duit Kerajaan ini dapat benar-benar dimanfaatkan pada tempat dia, dan juga saya ingin menambah untuk dalam masa yang sama nak kenal pastikan juga penambahbaikan itu benar-benar dapat dimanfaatkan untuk rakyat keseluruhannya untuk kerja dakwah dan juga kerja untuk menyampaikan memudahkan umat islam laksanakan ibadah, saya kena pastikan betul-betul rumah ibadah khususnya masjid dan surau ini tidak jadikan tempat berpolitik ataupun tempat untuk menghentam sana sini sebab kita bimbang bila nak makin cantik masjid, makin besar pula masjid ini, makin digunakan untuk hentam Kerajaan pula.

Kita tak nak jadi begitu. Dan juga perlu ingat dan perlu ada peringatan sendiri, hadis Nabi s.a.w berkaitan dengan bagaimana diakhir zaman banyaknya masjid-masjid yang dibina cantik, indah, tetapi kosong. Saya takut juga usul ini jadi benda yang disebut oleh Nabi s.a.w, masjid kita cantikkan, surau kita cantikkan, tapi kosong, tak ada orang nak datang.

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

Dan kebanyakan orang datang ke masjid hari ini pada solat jumaat, dia bukan nak ibadat, dia jadi macam adat. Jadi hari jumaat datang sebab ramai orang datang bersembahyang. Tambah dapat makan pisang free pulak tu. Jadi orang kata kita nak datang tu, benar-benar nak beribadah supaya dikesedaran bukan sahaja sebab nak beribadah tetapi tempat nak menyatukan umat, tempat nak menyatukan sama kita, buka sahaja sesama orang islam tetapi sebenarnya juga kepada yang non-muslim. Dengan izin termasuk dengan non-muslim kena faham, masjid juga tempat nak menyatukan shaja bukan orang islam tetapi seluruh rakyat itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Meru. Saya jemput Yang Berhormat Taman Medan.

**Y.B. TUAN MOHD SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t, selamat petang, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin menarik perhatian berhubung dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Adun Sijangkang sebentar tadi. Berhubung dengan usul bagi menaiktarafkan surau-surau jumaat kepada taraf masjid dan diwartakan penaiktarafan tersebut. Beliau telah mengambil rujukan-rujukan dari segi hukum syarak tentang usaha bagi mengimarahkan masjid yang mana termasuk juga dari segi definisi-definisi yang dikemukakan tentang pertakaan masjid itu sendiri dan perkataan surau itu sendiri. Seperti mana kita ketahui bahawa surau ini adalah satu istilah yang dari segi hukum syarak sesuatu yang sama sekali tidak terdapat di dalam kitab-kitab tetapi bagaimana pun kerana ia sesuatu yang memang dikenali, terkenal sebagai tempat mengerjakan solat yang mana syarat dia lebih dari segi statusnya sebagai tempat ibadah yang memang berada di bawah kedudukan masjid lah kalau dari segi tradisinya. Lalu bila mana berkaitan dengan soal penaiktarafan surau yang berstatus kebenaran jumaat kepada masjid.

Dari segi syarak sesuatu yang memang automatik akan dikenal sebagai masjid, yang dari segi hukum syarak ada dua kategori masjid yang disebut Masjid Jamek dan Ghairun Jamek. Dengan izin, Jamek dengan maksud mengumpulkan tetapi dari segi istilahnya dengan maksud dikerjakan padanya solat jumaat dan Ghairun Jamek dengan izin tidak Jamek itu adalah dengan maksud tidak dikerjakan padanya solat jumaat. Yang mana dalam negara kita ada juga masjid-masjid yang diwartakan sebagai masjid tapi tidak dikerjakan jumaat dalamnya. Ia ada, memang ada. Seperti kalau kita tengok sebagai contoh, di Negeri Selangor, masjid-masjid yang tidak dikerjakan solat jumaat, masjid Gulang-gulang ia di Tanjung Karang, yang lama, masih kekal status masjidnya tetapi tidak dikerjakan solat jumaat kerana telah ada masjid baru. Dan berbalik kepada perkara tersebut, saya melihat bahawa keutamaan ialah bukan menaiktaraf surau jumaat kepada masjid sebaliknya ialah keutamaan untuk diberikan ruang kepada surau-surau yang belum berstatus jumaat untuk diberikan kebenaran solat jumaat untuk kemudahan kerana kalau kita menaikkan taraf pun, kalau kita lihat, di Shah Alam sendiri, untuk perhatian Adun Kota Anggerik, Yang Berhormat, saya melihat umpamanya ada beberapa kawasan tertentu oleh kerana jumlah penduduk yang ramai terutama daripada kalangan orang islam yang tinggal di dalamnya, yang ada di kawasan tertentu, ada masjid dan ada surau mengerjakan solat jumaat seperti di kawasan seksyen 7, ada masjid seksyen 7, dalam masa yang sama juga, surau dengan kebenaran solat jumaat, Surau Al-Mawaddah Platinum dan Surau Al-Islah, yang saya antara pernah terbabit dalam pemberian kebenaran.

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

Begitu juga di kawasan pusat bandar Shah Alam, ia satu ketika saya pernah menguruskan kebenaran solat jumaat kepada surau Ibu Pejabat Kontinjen Polis Selangor, Surau Khalid Alwalid, yang mana pernah juga menjadi pertikaian satu ketika di peringkat jawatankuasa hukum syarak Majlis Agama Islam Selangor. Yang mana keperluan jumaat itu sesuatu yang lebih mustahak berbanding dengan menaiktarafkan. Kalau kita melihat di beberapa negeri terutamanya negeri jiran kita belah persekutuan. Yang mana pemberian status surau jumaat ini sesuatu yang memang diberikan akses yang begitu mudah, ia hinggakan tidak ada premis pun diberikan kebenaran solat jumaat seperti mana di surau Institut Jantung Negara. Tidak ada premis, tidak ada tanah pun, tapi diberikan izin jumaat untuk kemudahan dan tidak timbul soal naiktaraf sebagai masjid, ia lebih utama kita melihat di sudut keutamaan, priority it dengan izin. Dan begitu juga saya beri contoh di Menara Bank Rakyat di Wilayah Persekutuan, diberikan izin jumaat. Maknanya tetapi kita kena lihat juga dari segi aspek hukum syarak berkait dengan status menstautin berkait dengan status ahli khariah, sepertimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Meru sebentar tadi, bila mana masjid Subang airpot, masjid Lapangan terbang Subang, yang mana tidak ada ahli khariah, tak ada taman pun disitu tapi kewujudannya lebih kepada kerana keperluan pengerjaan untuk mengerjakan solat jumaat yang dipermudahakan. Begitu juga permohonan masjid, saya lihat keperluannya paling utama ialah agar kedudukan masjid itu ataupun institusi, surau dan sebagainya itu mengambil kira tentang lokasi yang sesuai.

Seperti kalau kita lihat, masjid di Lapangan Terbang Antarabang Kuala Lumpur (KLIA) sekarang, dimana letaknya, jauh daripada bangunan lapangan terbang. Maka disini, saya melihat ia satu kesukaran bagi mereka yang berada bekerja di KLIA itu sendiri untuk mengerjakan jumaat. Mereka mengambil alternatif untuk solat jumaat dimana, di Pusat Mukhtar Islam MAS. Di pusat latihan Malaysia Airlines itu sendiri. Ada yang solat jumaat dekat KLIA kuarters, di Nilai, Negeri Sembilan. Dan keutamaan umpamanya di KLIA beri, beri kebenaran untuk solat jumaat dalam surau bangunan terminal itu sendiri berbanding dengan menaiktaraf surau-surau jumaat yang sedia ada. Sebab dari segi hukum syarak pun tetap ada beberapa pandangan, mungkin status masjid ini kalau segi masalah berkait dengan status masjid, apakah boleh beriktikar padanya, boleh niat iktikar dan sebagainya. Jadi ini, kita melihat dari sudut keperluan-keperluan, maka dari segi keutamaannya adalah sepertimana di sebut oleh Yang Berhormat Adun Meru sebentar tadi, beliau mengatakan kalau jumlah yang banyak ataupun naiktaraf pun kalau dari segi kesan kepada bagaimana pengimarahannya itu suatu yang sama sekali tidak mencapai sasarannya. Maka ia adalah sesuatu yang sama sekali tidak menampakkan keberkesanan, kewujudan ataupun penaiktarafan institusi itu sendiri. Saya melihat ini lah pendirian saya, dari Taman Medan mengatakan bahawa paling utama keperluan adalah memberikan status jumaat kepada surau-surau yang layak berbanding dengan menaiktaraf sebab kadang-kadang dia akan berkait tentang soal sempadan khariah, berkait tentang bagaimana nak menyusun struktur, sebab jawatankuasa masjid dan surau memilik sturuktur yang berbeza dan sebagainya. Dan ini pastinya akan memberi kesan kepada pejalanan pengimarah operasinya itu sendiri. Jadi Taman Medan mengucapkan terima kasih dan menyokong juga usul ini sebenarnya tapi perlu dibuat kajian secara terperinci dan juga menyeluruh. Terima kasih, Assalamualaikum w.b.t.

**TUAN SPEAKER :**                   Hulu Kelang, sila kan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :**           Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Sijangkang yang telah mengusul disokong. Saya ada pandangan yang sedikit

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

berbeza tentang isu ini. Kerana kalau kita kaji dan teliti pembinaan surau dan masjid di Malaysia dan di Negeri Selangor ini, bersumberkan pada keperluan dan kesejahteraan rakyat. Ia merupakan aktiviti yang sangat hebat dari segi aktiviti iaitu aktiviti yang lahir daripada kesejahteraan rakyat, masyarakat awam untuk mempunyai tempat beribadat, mengumpulkan dana, bekerjasama, bergotong-royong, membina mulanya surau melalui masjid dan di sokong oleh Kerajaan dan sebagainya.

Ini merupakan satu proses yang perlu kita hargai dan perlu kita support dan priority bagi saya keutamaan Kerajaan adalah untuk memberi sokongan moral, sokongan kewangan, pengiktirafan, penghargaan pada usaha-usaha penubuhan rumah-rumah beribadat islam, surau dan masjid yang sedemikian itu. Dan dari segi system untuk mewujudkan surau, naiktaraf, permohonan itu semua telah dilakukan oleh masyarakat. Dan saya tak boleh bayangkan bagaimana sekiranya ini dilakukan akan berebut-rebut orang menghias masjid dan surau untuk menaiktaraf ke suatu tahap kerana Kerajaan itu ke arah itu. Dan saya melihat di sini bahawa apabila usaha yang telah baik dilakukan oleh Majlis Agama Islam Selangor dilakukan oleh JAIS, Pejabat Mufti untuk menghidupkan dan mengharapkan masjid dan surau dengan bantuan peruntukan daripada Kerajaan yang agak besar untuk pembinaan masjid-masjid yang telah diiktiraf dan diperakui oleh JAIS. Itu saya harap perlu dikekalkan dan saya akan lihat bahawa sekiranya ini dilakukan kita akan kehilangan priority.

JAIS dan Majlis Agama Islam akan kehilangan priority kerana tidak memberikan tumpuan yang sepatutnya kepada pembinaan bangunan masjid yang perlu disokong dengan lebih diimarahkan. Dan dengan itu, saya tidak menyokong usul ini dan saya harap jangan menyusahkan authority kerana memang kita boleh buat apa usul di sidang dewan ini, kita boleh pakai badan tertinggi, kita boleh buat apa usul tapi saya rasa sekiranya usul-usul kita menyusahkan agensi yang telah berjalan baik selama ini, pentadbir dah menguruskan masjid-masjid dan surau tanpa gangguan dari pihak dewan undangan negeri, maka itu adalah lebih baik. Dan saya ingin memohon maaf Sijangkang, saya punya pandangan berbeza dan saya harap usul ini tidak di sokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya minta pihak Kerajaan untuk bagi sedikit ulasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Speaker dan Sijangkang dan ahli-ahli dewan yang berbahas tentang satu usul berkenaan dengan kajian penambahan terhadap keperluan surau solat jumaat serta menaiktaraf dan menjenamakan semula surau solat jumaat sedia ada kepada status masjid Negeri Selangor. Secara asasnya kalau kita membaca usul ini secara cerai-ceraian, saya tidak ada masalah tetapi kalau kita nak masukkan keseluruhan elemen di dalam usul yang telah dikemukakan Sijangkang, kita ada sedikit masalah Ahli Berhormat sekalian. Kerana status masjid untuk diberikan kepada suatu surau ataupun lokaliti tertentu yang kita nak berikan itu, ia memerlukan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam dan permohonan itu perlu dikemukakan kepada Majlis Agama Islam. Dan pada setiap hari dan setiap waktu sekali pun, memang kita menggunakan surau-surau tertentu untuk solat jumaat berasaskan kepada permohonan-permohonan yang dibuat oleh jemaah dan ahli-ahli kariah surau dengan sokongan diberikan oleh Masjid-Masjid di dalam lokaliti berkenaan. Jadi kalau untuk *transform* atau mengalih keseluruhan surau-surau Jumaat yang sedia ada kepada status masjid dan di samping menambah surau-surau Jumaat, saya kira ia akan memberikan kesan satu peruntukan kewangan yang boleh kita jajarkan dan kita boleh uruskan tapi tidak boleh tahun ini tetapi dalam masa yang sama sebenarnya proses kajian,

### **31 JULAI 2019 (RABU)**

proses semakan dan proses pemantauan telah dan sedia dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Di samping itu saya agak tertarik dengan cadangan yang dikemukakan oleh Taman Medan apabila mengatakan ada beberapa pelepasan-pelepasan boleh diberikan untuk kebenaran solat Jumaat tanpa hanya kepada premis yang dikatakan surau ataupun Masjid berdasarkan kepada keperluan-keperluan semasa. Dan ini mungkin boleh digunakan dan saya minta kalau boleh pihak Jabatan Agama boleh melihat kepada keperluan-keperluan kerana memang ada keperluan contohnya di bangunan-bangunan sesak dan padat sebelum ini kita pernah memberikan kebenaran kepada Hotel De Palma di Ampang di mana kita membenarkan untuk solat Jumaat di sana kerana keadaan lokaliti Masjid dan jauh dan sebagainya. Jadi dalam hal dan seperti itu tapi itu dibuat di surau di bangunan hotel tersebut tapi di Bank Rakyat dan sebagainya dibangkitkan oleh Taman Medan mungkin satu keperluan yang boleh disemak dan diseimbangkan. Kalau nak dikatakan keperluan satu kajian, kajian sudah ada dibuat. Keperluan terhadap perubahan boleh dibuat ia berasaskan SOP dan prosedur yang telah sedia ada. Bagi saya tidak ada keperluan untuk kita melihat kepada keperluan ini sebab semuanya telah ada di pihak kerajaan Negeri dan boleh diperkemaskan kerana akhirnya ia akan memberikan nilai tambah dan bebanan kepada Kerajaan Negeri terutamanya yang pada ketika ini melihat kepada struktur Masjid sahaja dan surau dan akhirnya nanti dia akan bagi kesan pula kepada jumlah pengurusan masjid, imam di surau dan sebagainya yang sudah pasti memerlukan pertambahan dan pengurusan kos yang tinggi. Jadi itu sedikit sebanyak respons daripada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kajian penambah-penambahan terhadap keperluan surau solat Jumaat. Selain menaiktaraf dan menjenamakan semula surau solat Jumaat sedia ada kepada status Masjid di Negeri Selangor. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**AHLI DEWAN :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

**AHLI DEWAN :** Tidak.

**TUAN SPEAKER :** Usul ini di TOLAK. Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul Nombor 17 Tahun 2019 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 26(1) Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil perhatian bahawa kadar ketidaksuburan rakyat Malaysia tanpa mengira agama semakin meningkat menjadi bertambah banyak keluarga di Selangor yang tiada anak. Bagi pasangan atau wanita Islam memelihara anak angkat yang melibatkan hukum-hukum Islam hendaklah dicermati. Bagi penganut agama-agama lain bersamalah terlibat menjayakan Program Penyusuan Cetusan *Induce Lactation* dengan izin dan

### 31 JULAI 2019 (RABU)

mengukuhkan asas masyarakat majmuk dan bertepatan dengan maqasid syariah. Justeru Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk menyediakan program dan latihan mengenai teknik dan kaedah yang tepat bagi penyusuan cetusan agar semua bayi yang diangkat dapat menikmati khasiat susu ibu seterusnya menjadi anak susuan kepada ibu angkat yang memeliharanya. Kedua, menjurus fungsi dan peranan Institusi yang mengenali pengangkatan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, rumah-rumah perlindungan dan NGO sebagai platform untuk menyebarkan pentingnya penyusuan untuk anak angkat serta menghilangkan prejudis tentang pemeliharaan anak angkat terutamanya bagi anak angkat luar nikah. Tuan Speaker, saya membawa tajuk ini kerana mengenangkan nasib dan diri Tuan Speaker buat masa ini.

Walau bagaimanapun kita berdepan dengan satu situasi yang *real*. Tidak kurang daripada 15% pasangan di Malaysia ini yang berumah tangga tidak mempunyai anak. Dan dia membawa kesan yang perlu kita insafi kerana antaranya sebab-sebab kepada program ini adalah menunjukkan stresnya masyarakat kita dan bagaimana sukarnya untuk setengah orang mendapat anak dan dalam masa yang sama mudahnya mendapat anak. Dan berlaku pembuangan anak-anak, pembuangan bayi dan sebagainya. Jadi di sini kita sebenarnya berdepan dengan satu realiti yang serius dalam masyarakat kita iaitu realiti di mana ada sebahagian keluarga, pasangan yang tiada anak dan mereka *create* satu suatu suasana dan apa yang dikatakan *demand force* dan dalam keadaan yang sama berlakunya keruntuhan moral, kejatuhan moral di kalangan anak-anak muda sebahagian kita yang melahirkan anak-anak luar nikah dan dia *mencreate* dengan izin membentuk satu tenaga, satu *force* yang dinamakan *supply*. Dan bila ada *supply* dan *demand* ini maka proses untuk mendapat anak angkat tidaklah susah pada tanggapan sekian orang walaupun sebenarnya ianya susah. Dan oleh kerana itu, kita dapati bahawa rumah-rumah perlindungan wanita di Selangor salah satunya Puteri Arafiah contohnya tempat kita melindungi anak-anak muda kita yang telah terlajak, telah mengandung dan melahirkan anak-anak luar nikah. Jadi saya ingin menjelaskan di sini bahawa ini adalah satu perkara yang *real* dalam masyarakat kita, di mana gejala ini berlaku di tempat-tempat yang anak-anak ini sedang membesar. Ada yang sudah masuk sekolah, ada yang masuk Sekolah Menengah, ada yang masuk Universiti. Di peringkat petang-petang itu kalau kita selidik sembang mereka apa mereka sedar bahawa mereka itu adalah hasil anak sumbang mahram. Dia tahu itu bapak engkau. Bapak engkau tu pakcik aku. Bapak aku abang dia. Mereka bercakap begitu terbuka di kalangan masyarakat Islam yang tidak berasa hairan tentang perkara ini. Dan oleh kerana itu, kadang-kadang ada *taboo* di kalangan masyarakat kita yang mengatakan dia memang macam itu sebab mak dia pun macam itu. Jadi ungkapan itu berlaku seolah-olah anak haram melahirkan anak haram. Jadi kita perlu melihat isu ini sebagai isu yang sangat serius dan sebagai Dewan Negeri Selangor, saya rasakan kita berhak untuk adakan satu platform untuk membincangkan perkara ini. Berkaitan dengan anak luar nikah. Kita berdepan dengan isu pertamanya, penerimaan. Adakah anak-anak yang bawah umur terutamanya bawah umur 18 tahun yang mengandung di terima oleh bapa mereka? Diterima keluarga mereka? Diterima oleh ibu-ibu mereka? Kalau terima itu adalah satu petanda baik. Tapi tersangat kurang kadar penerimaan ibu-ibu bapa-bapa terhadap anak mereka yang telah terlajak dan biasanya dibuang di situ sahaja.

Kemudian, kedua adalah pengguguran, *abortion*. Ketiga, pengabaian, *abandonment* dan keempat adalah *adoption*. Dan oleh kerana itu kita melihat bahawa ini adalah satu rangka yang memerlukan *intervention* dengan izin oleh Kerajaan. Kerajaan Selangor di mana tempat kes-kes ini banyak berleluasa perlu mengambil langkah yang sangat serius dalam

### 31 JULAI 2019 (RABU)

perkara ini. Dan saya melihat bahawa perlu disynergykan diganding kuatkan usaha-usaha yang telah di *adopt* di dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan rumah ataupun bilik susuan bayi ataupun *lactation*, pusat laktasi, tempat ibu yang ada anak untuk mengepam susu badannya. Dan itu adalah satu perkara yang perlu kita gabungkan dengan bagaimanakah kita perlu menyediakan satu masyarakat yang sedar tentang pentingnya penyusuan ibu kerana kalau kita lihat pada hari ini bukan sahaja kemiskinan itu menjadikan mereka itu teruk tetapi tidak ada pengetahuan, kejahilan dan menjadikan anak-anak kita melahirkan generasi yang tidak berkualiti. Contohnya, kesedaran anak-anak muda tentang pentingnya susu ibu belum pada tahap yang sepatutnya.

Tahap kemajuan Negeri Selangor ini tak sampai tahap anak-anak yang melahirkan anak-anak muda, anak-anak kecil, bayi-bayi itu sedar bahawa susu ibu ini adalah satu anugerah Allah yang sangat berharga. Mereka tidak tahu bahawa memang pada peringkat awal susu badan mereka itu ada masalah untuk keluar dengan baiknya kerana tambahan mereka jika berdepan dengan banyak masalah. Dan kita dapati oleh kerana itu mereka apabila anak mereka diberikan susu badan, tak puas tak kenyang maka diberikan susu tin, susu *condense milk* dan kadang di campur sirap dan itu menyebabkan kualiti anak itu terencat pembangunan anak itu terencat dan kesihatan itu terencat. Dan inilah yang berlaku kalau kita lihat di kawasan-kawasan perumahan-perumahan bagaimanakah tidak ada ilmu tidak ada pengetahuan. Dan saya berasa terpanggil melihat keadaan ini agar Kerajaan Negeri Selangor selagi lagi saya ulangi melakukan *intervention* mengadakan satu proses bagaimana kita boleh *engage* mendapat bantuan daripada *councilor-councilor* untuk mendidik membuat program-program penerangan keterangan dan sebagainya. Jadi saya ingat itu adalah satu perkara yang sangat penting dalam konteks penyediaan masyarakat Selangor yang lebih berdisiplin. Sekian, saya mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER :** Baik, saya minta pihak Kerajaan untuk bagi sikit respons.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Saya menyokong usul yang dibawa oleh apa ni Hulu Kelang. Ok iaitu ibu bapa susuan perlu faham hubungan anak susuan dengan anak susuan sama seperti anak kandung mereka yang lain dan hubungan harus dipupuk dengan erat. Selain itu mental dan rohani perlu bersedia kerana bukan mudah untuk mengambil anak susuan. Ibu bapa perlu mempunyai emosi yang kuat untuk mendidik dan membesarkan anak susuan agar dapat menjaga amanah Allah dengan sebaiknya di samping menjaga hukum yang sudah ditetapkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sokong ya. Terima kasih. Ya, saya minta untuk dibahas. Kalau tak ada saya minta Kerajaan untuk bagi sedikit cerahan kalau ada? Kalau ada, kalau tak ada saya...

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya sebenarnya menyedari bahawa *Program Induce Lactation* ini memang sudah ada di dalam masyarakat kita bagi mereka yang ingin mengambil anak angkat. Memang kena jumpa dengan para doktor untuk mendapat preskripsi ubat dan sebagainya. Tetapi untuk Pihak Kerajaan menyediakan platform untuk melatih dan mempromosikan ini bagi saya adalah satu tindakan yang sebenarnya tidak perlu kerana kalau sebagai umat Islam bagi mereka yang hendak mengambil anak angkat dan hendak menjaga apa ni pertalian dari segi apa ni dari segi nisab apa ni dari segi nasab dia itu maka dia menjadi tanggungjawab bagi dia sama ada menyusui anak itu sendiri

### 31 JULAI 2019 (RABU)

ataupun mana-mana saudara dia yang boleh apa ni yang sanggup menyusukan anak angkat itu sebagai ibu susuan. Ya, jadi cuma kebimbangan saya adalah sekiranya kita mempromosikan platform ini maka siapakah yang akan bertanggungjawab untuk memastikan ada apa ni data mengenai ibu susu ini? Kerana di belakang harinya akan timbul isu perkahwinan, ya isu apa ni mahram dan sebagainya. Maka jadi bagi saya, saya lebih tidak menghalang tetapi untuk kita mengadakan satu platform dan untuk apa ni untuk mengambil tanggungjawab itu saya kira kita ada banyak perkara lagi yang harus kita tengok tapi walau bagaimanapun sekiranya NGO-NGO ingin mengadakan program-program sebegini dengan sokongan EXCO keluarga dan kanak-kanak ini, saya tidak ada halangan.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan adalah ini suatu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini mengambil perhatian bahawa kadar ketidaksuburan rakyat Malaysia tanpa mengira agama semakin meningkat menjadikan bertambah banyak keluarga di Selangor yang tiada anak. Bagi pasangan atau wanita Islam pemeliharaan anak angkat yang melibatkan hukum-hakam Islam hendaklah di cermati abgi penganut agama-agama lain, bersamalah terlibat menjayakan program penyusuan cetusan yang mengukuhkan asas masyarakat majmuk dan bertepatan dengan maqasid syariah. Justeru Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk, pertama, menyediakan program dan latihan mengenai teknik dan kaedah yang tepat bagi penyusuan cetusan agar semua bayi yang diangkat akan dapat menikmati khasiat susu ibu seterusnya menjadikan anak susuan kepada ibu angkat yang memeliharanya.

Kedua, menjurus fungsi dan peranan institusi yang mengendalikan pengangkatan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, rumah-rumah perlindungan NGO sebagai platform untuk menyebarkan pentingnya penyusuan untuk anak angkat serta menghilangkan prejudis tentang pemeliharaan anak angkat terutamanya bagi anak luar nikah. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya. Ahli-Ahli yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini di tolak. Silakan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul No. 18 tahun 2019, usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Yang Berhormat Bukit Gasing. Oh tidak hadir. Oleh sebab Yang Berhormat Bukit Gasing tidak hadir di tempatnya semasa Usul maka saya gugurkan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing No. 18. Teruskan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul No. 19 tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Bukit Gasing juga membawa Usul No. 19. Maka beliau tidak hadir, Usul ini digugurkan. Seterusnya Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya Usul untuk menangguhkan Dewan.

**TUAN SPEAKER :** Pihak Kerajaan silakan.



**31 JULAI 2019 (RABU)**

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan ini telah pun tamat, dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan ke suatu masa yang ditetapkan kelak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan Dewan kita telah pun selesai ke satu urusanya. Saya juga mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi –tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Dewan Negeri, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Kedua kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha, urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan di edarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula kepada Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat pembetulan agar penyata rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5.05 PETANG)**